

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED



www.pmbk.gov.my



Terima Kasih
TOK GURU
sekalung penghargaan buatmu

Selamat Bertugas
USTAZ MAT
jasa dikenang, amanah disandang



FOKUS
MODEL KEPERIMANTHAN
ISLAM KELANTAN

VARIASI
WAJAH BARU,
HARAPAN BARU

TOKOH
USTAZ MAT,
LEGASI TOK GURU

MAJLIS PELANTIKAN MENTERI BESAR & AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN PENGGAL KE-13, 27 JAMADIL AKHIR 1434H (8 MEI 2013)

Sumber: Sinar Harian



DETIK BERSEJARAH:
PELANTIKAN YAB USTAZ DATO' HJ AHMAD YAKOB
SEBAGAI MENTERI BESAR KELANTAN



MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH DIADAKAN DI HADAPAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V DI ISTANA NEGERI



KDYMM SULTAN KELANTAN & YM TENGGU MAHKOTA KELANTAN BERSAMA-SAMA MENTERI BESAR, TIMBALAN MENTERI BESAR & AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN

KUMPULAN EDITORIAL QIADAH

KETUA EDITOR

Sanusi Hj Othman

Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi

Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PENYELARAS EDITORIAL

Shariah Derahman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

Siti Norazami Mohd Anuar

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PENULIS

Che Shamsudin Othman (Dinsman) | Mazlan Jusoh

PENULIS BERSAMA

Dr Ismail Yusoff | Ann Wan Seng | Aslani M.
Tuan Mohd Nor Tuan Yahya | Zananzaly
Ahmad Fadhli Shaari | M Faqih | Salmah Husain
Attif Zayyad Idris | Asqolani M | Zuraidah Hussin
Siti Norazami Mohd Anuar | Shariah Derahman
Muhammad Ismail Ibrahim

PEREKA GRAFIK & LAYOUT

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PEREKA BERSAMA

Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid
Muhd Muhaimin Mohd Aripin

JURUGAMBAR

Ahmad Na'ime Hj Muhammad

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JURUGAMBAR BERSAMA

Zamani Mohd Zain | Rizal Tahir
Tuan Mohd Nor Tuan Yahya
Mohd Ali Akbar Yusoff

PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tel: 09-747 4082

DITERBITKAN OLEH

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK

Jalan Kuala Krai, 15150

Kota Bharu, Kelantan

Malaysia

Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815

Laman sesawang: www.pmbk.gov.my

DICETAK OLEH

Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd

Tingkat 3, KB Cyber Plaza

Jalan Hamzah, 15050

Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-7473800

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pendedaran majalah ini



Terima Kasih TOK GURU

CIRCULATION LIST

Tourist Information Centre | Kelantan State Information Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council – Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and Travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Students Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduce without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion Express in Qiadah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisement, articles, photographers or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

سچرن بولن بهاس كبغسان 2013 فریغت نكري كلتن



HADIAH SUAR BAHASA 2013

Pada 8 Zulhijjah 1434H bersamaan 13 Oktober 2013, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur telah menganjurkan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Negeri Kelantan dan Majlis Penyampaian Hadiah Suar Bahasa Peringkat Wilayah Timur 2013 bertempat di Dewan Jubli Perak, Kota Bharu, Kelantan.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah dianugerahkan tempat ketiga bagi Kategori Bahasa. Pengiktirafan ini cukup bermakna buat **KREW QIADAH**.





OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED



**MUKA DEPAN:
TERIMA KASIH
TOK GURU**

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru merupakan Menteri Besar Kelantan yang ke 17 bermula dari 21 Oktober 1990 sehingga 6 Mei 2013. Sepanjang 23 tahun pentadbiran Tok Guru, banyak jasa dan pengorbanan yang beliau telah sumbangkan kepada negeri Kelantan khususnya dalam memartabatkan agama Islam. Sesungguhnya negeri Kelantan sangat bertuah apabila ditadbir oleh seorang ulama yang bukan sahaja mementingkan pembangunan fizikal malah yang lebih penting ialah pembangunan rohani. Qiadah edisi khas ini adalah sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada Tok Guru yang telah banyak menabur bakti kepada negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

PERISTIWA

MALIS PELANTIKAN MENTERI BESAR & MELAKSIS MUSTYAFI KESUKSESAN NEGARA KELANTAN PENGALAM KE-13, 27 JAMADIL AKHIR 1435H (8 MEI 2013)



02

PELANTIKAN MENTERI BESAR

PERISTIWA



PERTEMUAN DEMI KEBAJIKAN RAKYAT & NEGARA

08

PERTEMUAN BERSEJARAH

FOKUS



Model Kepermerintahan Islam Kelantan: Beberapa ciri penting

12

MODEL KEPERMERINTAHAN ISLAM KELANTAN

VARIASI



PEMBANGUNAN MENGIKUT TUAN GURU DATO' NIK ABDUL AZIZ

22

PEMBANGUNAN MENGIKUT TGNA

VARIASI



TERIMA KASIH TOK GURU

30

TERIMA KASIH TOK GURU

VARIASI



Tuan Guru Nik Aziz Pandangan Orang Bukan Islam

34

PANDANGAN ORANG BUKAN ISLAM

VARIASI



Che Datin: SriKandi di sisi Tok Guru

38

SRIKANDI DI SISI TOK GURU

VARIASI



WAJAH BARU, HARAPAN BARU

42

WAJAH BARU, HARAPAN BARU

TOKOH



USTAZ MAT teruskan legasi Tok Guru Nik Aziz

48

USTAZ MAT TERUSKAN LEGASI

TOKOH



MASJID PULAU MELAKA Jadi Pilihan Pelancong

56

MASJID PULAU MELAKA

MAKANAN



NASI TUMPANG
SAMA SUSAH SAMA MENANG

Nasi tumpang merupakan hidangan tradisional yang berasal dari negeri Kelantan. Ia terdiri daripada nasi putih yang dimasak bersama-sama dengan sayur-sayuran dan daging. Hidangan ini biasanya disajikan pada hari-hari perayaan dan majlis-majlis adat.

60

NASI TUMPANG

JENAMA
KELANTAN



NASI LEMAK BERSINAR
Mesti juga kelihatan pany...

Nasi lemak bersinar adalah hidangan yang popular di Kelantan. Ia terdiri daripada nasi lemak yang dimasak dengan santan dan bawang putih, disajikan bersama dengan ikan bakar dan sayur-sayuran. Hidangan ini biasanya dijual di gerai-gerai atau kedai-kedai kecil.

64

NASI LEMAK BERSINAR

KELANTAN
SANA-SINI



IKAN BAKAR
Pecah Suleza dikala Malam

Ikan bakar adalah hidangan yang popular di Kelantan. Ia terdiri daripada ikan yang dimasak dengan api terbuka, disajikan bersama dengan nasi dan sayur-sayuran. Hidangan ini biasanya dijual di gerai-gerai atau kedai-kedai kecil.

66

IKAN BAKAR

INSPIRASI
KELANTAN



DR SHAHARIR MOHAMAD ZAIN
Pakar Matematik Hasilkan Buku Kepemimpinan

Dr. Shaharir Mohamad Zain adalah pakar matematik yang terkenal di Kelantan. Beliau telah menulis beberapa buku tentang matematik dan kepemimpinan. Beliau juga aktif dalam kegiatan sosial dan komuniti.

72

DR. SHAHARIR MOHAMAD ZAIN

FOKUS PMBK



**MAJLIS PECAH TANAH
LAGENDA TUNJONG**
Dan Pelancaran Juatan ChaSiti Village Mall

Majlis Pecah Tanah Legenda Tunjong dan Pelancaran Juatan ChaSiti Village Mall telah diadakan di Kelantan. Majlis ini dihadiri oleh beberapa tokoh masyarakat dan pejabat kerajaan. Majlis ini bertujuan untuk membangunkan kawasan tersebut menjadi pusat perniagaan dan rekreasi.

77

LAGENDA TUNJONG

AKTIVITI PMBK

**MAJLIS PENGHARGAAN
TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA
IJU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT**
Berjasa di Kelantan, Badami dan Tunjong



Majlis Penghargaan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Iju Nik Abdul Aziz Nik Mat telah diadakan di Kelantan. Majlis ini bertujuan untuk menghormati jasa-jasanya dalam memperkukuhkan persatuan dan kesatuan masyarakat.

82

MAJLIS PENGHARGAAN

AKTIVITI PMBK



**Penaung Cempaka
Diraikan** Baduri abad ini

Penaung Cempaka Diraikan adalah tradisi yang popular di Kelantan. Ia melibatkan penyediaan penutup kepala yang indah dan bermakna untuk para tetamu. Tradisi ini biasanya diadakan pada hari-hari perayaan dan majlis-majlis adat.

84

PENAUNG CEMPAKA DIRAIKAN

AKTIVITI PMBK



**MAJLIS PERASMIAN
IHYA' RAMADHAN 1434H**

Majlis Perasmian Ihya' Ramadhan 1434H telah diadakan di Kelantan. Majlis ini bertujuan untuk membangunkan semangat beribadat dan memperkukuhkan persatuan dan kesatuan masyarakat.

86

PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1434H

AKTIVITI PMBK



**MAJLIS PENYAMPAIAN
SUMBANGAN KEPADA ARMALAH**

Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Armalah telah diadakan di Kelantan. Majlis ini bertujuan untuk menghormati jasa-jasanya dalam memperkukuhkan persatuan dan kesatuan masyarakat.

88

SUMBANGAN KEPADA ARMALAH

AKTIVITI PMBK



**Lawatan Kerja Sehari
PERBAHAGIAN KETUA
MENTERI PULAU PINANG**

Lawatan Kerja Sehari Perbahagian Ketua Menteri Pulau Pinang telah diadakan di Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan persatuan dan kesatuan masyarakat.

90

LAWATAN KERJA SEHARI CMI

AKTIVITI PMBK



SYAWAL dirai penuh erti

Syawal dirai penuh erti adalah tradisi yang popular di Kelantan. Ia melibatkan penyediaan hidangan-hidangan yang indah dan bermakna untuk para tetamu. Tradisi ini biasanya diadakan pada hari-hari perayaan dan majlis-majlis adat.

92

SYAWAL DIRAI PENUH ERTI

TEROWONG
MASA



ISTANA KOTA LAMA

94

KELANTAN
ENCYCLOPEDIA




KELANTAN ENCYCLOPEDIA

96



PERTEMUAN DEMI KEBAJIKAN RAKYAT & NEGARA

Diantara Menteri Besar Kelantan & Perdana Menteri Malaysia



Agenda Perbincangan:

- Pembinaan Rumah
- Pembinaan Lebuh Raya
- Bekalan Air Bersih
- Pembinaan Lapangan Terbang
- Bantuan ECER
- Permohonan Menaik Taraf KIAS Kepada Kolej Universiti
- Pelaksanaan Perundangan Syariah



Sekalung Penghargaan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sesungguhnya kehadiran Tok Guru sebagai peneraju jentera pentadbiran negeri Kelantan sangat besar ertinya kepada kita semua. Saya yakin bahawa tidak pernah luntur kasih sayang kita kepada Tok Guru. Saya rakamkan terima kasih kepada pihak PMBK yang telah mengambil langkah menerbitkan Qidah edisi khas ini untuk meraikan jasa dan sumbangan Tok Guru sebagai Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun.

Kejayaan terbesar YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat ialah memecahkan persepsi sebahagian besar rakyat Kelantan bahkan seluruh negara khususnya terhadap golongan ulama. Pasti nya kejayaan ini akan dikenang dalam lipatan sejarah zaman-berzaman. Ia lebih penting dari kejayaan membina bangunan yang tinggi dan jalan raya yang bersimpang siur.

Kejayaan mengubah minda manusia ini bukanlah satu kejayaan yang kecil. Jika sebelum ini, persepsi rakyat terhadap golongan ulama ialah ulama tidak boleh mentadbir dan hanya layak berada di beranda madrasah atau di masjid membelek kitab kuning untuk dibaca di dalam kuliah, tetapi hari ini dengan kejayaan Tok Guru mentadbir negeri Kelantan lebih daripada dua dekad, persepsi ini telah berjaya diranapkan.

Di era teknologi maklumat dan langit terbuka seperti hari ini, segala maklumat dapat diakses dengan mudah. Tok Guru dikenali ramai sekalipun media massa utama berusaha sebaliknya. Alhamdulillah, ke mana-mana Tok Guru pergi di seluruh negara, beliau disambut hangat oleh setiap lapisan masyarakat. Bukan sahaja golongan Melayu, bahkan Cina dan India turut memberikan sambutan hangat kepada lagenda rakyat Kelantan ini. Saya yakin, misi dakwah yang merentasi benteng perkauman dan darah bangsa yang dibawa oleh Tok Guru telah berhasil menumpulkan keris nasionalis yang diasah oleh

golongan-golongan tertentu. Hasilnya, *non-muslim* begitu menyambut baik perjuangan Islam dan tanpa segan silu mengangkat panji-panji perjuangan Islam kerana yakin bahawa Islam tidak pernah menzalimi penganut agama lain sebagaimana yang telah terbukti di Kelantan.

Dari aspek pentadbiran, beliau telah menunjukkan model yang terbaik kepimpinan ulama kepada seluruh warga tadbir dan rakyat Kelantan umumnya. Selaku Menteri Besar, Tok Guru telah membuktikan keupayaan dan kecekapan beliau memimpin kerajaan Islam di negeri Serambi Mekah yang baru dikuasai pada tahun 1990. Pelbagai saranan dan pembaharuan terus dilaksanakan membuka mata ramai pihak bahawa sebenarnya Islam lebih layak untuk mentadbir berbanding syariat ciptaan manusia.

Tok Guru memotong gajinya sebanyak 40% untuk perjuangan parti. Beliau enggan menerima elaun tahunan untuk menyediakan pelbagai juadah menyambut hari raya. Beliau memberi amaran supaya para EXCO, ADUN dan kakitangan kerajaan tidak melibatkan diri di dalam apa jua bentuk rasuah dan penyelewengan, dan beliau mengambil pelbagai langkah lain lagi bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, adil dan Islamik.

Bagi meneruskan legasi kepimpinan beliau, saya memohon semua pihak agar membantu saya untuk menggalas amanah yang berat ini. Khusus untuk YB Tok Guru, sentiasalah memberikan tunjuk ajar kepada kami warga tadbir untuk meneruskan dasar Membangun Bersama Islam yang telah diasaskan oleh Tok Guru. Nasihat dan pandangan daripada Tok Guru sentiasa kami perlukan dalam usaha untuk terus membangunkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang membangun berpagarkan syariat.

Sekian, Wassalam.



Terima Kasih TOK GURU

20 Oktober lalu kita menyambut genap 23 tahun PAS memimpin pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Suatu tempoh yang kira-kira sama dengan tempoh Nabi Muhammad SAW menjalankan tugas-tugas kerasulannya – memimpin umat manusia menjalani kehidupan 'fitrah' (Islam) seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT, Pencipta seluruh alam buana ini. Suatu kebetulan yang amat indah dan patut direnungi hikmahnya.

Sebelum itu kita juga baru selesai menjalani Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei, iaitu ujian PRU yang kelima kita lalui dan lulus sejak PAS (bersama Angkatan Perpaduan Ummah) mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan daripada Umno-BN pada 21 Oktober 1990. Dan pada hari kita menyambut kemenangan yang keenam kali berturut-turut itu, ada suatu peristiwa penting telah berlaku. Secara diam-diam, tanpa apa-apa upacara. Sedangkan ia suatu peristiwa yang sangat penting. Barangkali sama pentingnya dengan peristiwa kemenangan kita yang enam kali berturut-turut itu jua.

Orang yang memimpin kita sepanjang tempoh itu – bangkit daripada kekalahan, dan kemudian sedikit demi sedikit membangunkan aqidah dan syariat Islam di negeri ini, hingga sekarang Kelantan mulai hendak dikenali sebagai model pemerintahan Islam terbaik di dunia moden hari ini – tiba-tiba menyatakan keputusannya untuk mengundur diri, dan merestui tokoh baru untuk ke

Istana Kubang Kerian petang itu bagi upacara mengangkat sumpah menjadi Menteri Besar Kelantan pasca PRU-13.

Dirinya telah membuat keputusan itu, dan kita wajar menghormatinya. Memang kita masih memerlukan khidmatnya sebagai Tok Guru dan pemimpin negeri Kelantan serambi Mekah ini, juga sebagai Pengerusi kami di Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Tetapi kita juga menghormati hak dirinya sebagai seorang ahli keluarga yang keluarganya telah begitu lama berkorban untuk kepentingan agama dan ummah kita bersama. Dan adapun fitrah setiap sesuatu itupun memang ada kadar waktu dan tempohnya. Lambat laun akan tiba jugalah waktu itu betapapun kita suka atau tidak, maka sewajarnya kita redha apabila tiba saatnya itu.

QIADAH keluaran kali ini bukan sekadar merakamkan peristiwa penting tersebut, tetapi lebih daripada itu kami juga merakamkan "Terima Kasih" kami yang tak terhingga buat Tok Guru Pengerusi kami, Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, yang telah banyak berjasa dan menunjuk-ajar kami sejak majalah ini pertama kali diterbitkan pada 2008, dan serentak itu kami juga mengucapkan selamat bertugas kepada Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob, semoga usaha dan ijhtihad yang telah diserahkan oleh Tok Guru Nik Aziz itu dapat disambung dan disempurnakan hingga tercapai matlamat akhir kita untuk meletakkan Islam sebagai yang tertinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya – Al-Islamu ya'kluu walaa yuk'laa alaihi.

Memang pernyataan Terima Kasih kami ini tidaklah sepadan dengan jasa yang telah ditinggalkan oleh Tok Guru Nik Aziz kepada kita. Tetapi sekurang-kurangnya di peringkat penerbitan ini, inilah yang termampu untuk kami lakukan seikhlasnya. Dua buah tulisan istimewa hasil kajian oleh Dr Ismail Yusof dan Dinsman itu diharap dapat melengkapkan rekod ini – Terima Kasih Tok Guru!



Model Kepemerintahan Islam Kelantan: Beberapa ciri penting

Oleh Dinsman

Pendahuluan

Kelantan bukan sebuah negara. Ia hanya sebuah negeri di dalam sebuah negara Persekutuan (Malaysia). Penduduknya 1.6 juta orang, 95 peratus Islam. Kerana ia tertakluk di bawah kuasa sebuah kerajaan Persekutuan/Pusat, maka kuasanya adalah terbatas.

Namun terdapat ruang kuasa tertentu (yang telah dibuktikan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dalam tempoh kepemimpinannya selaku Menteri Besar, 1990-2013) yang membolehkan sebuah pemerintahan Islam dilaksanakan.

Faktor keterbatasan kuasa ini penting diperhatikan kerana orang selalu berfikir/menganggap bahawa pentadbiran kerajaan Islam atau pemerintahan Islam hanya boleh dilaksanakan apabila kita mempunyai kuasa politik yang penuh dan kebebasan sepenuhnya dalam menggunakan kuasa tersebut tanpa diganggu-gugat atau dihalang oleh batasan atau halangan tertentu yang boleh mengurangkan



Majlis Perasmian Cheng Ho Expo

kuasa itu. Kelantan adalah sebuah negeri dengan kuasa yang terbatas ini. Ia misalnya tiada kuasa untuk membentuk mahkamah, pasukan polis, tentera, sistem cukai, dasar pelaburan, dasar pendidikan kebangsaan, dasar luar negara dan sebagainya. Malah dalam perkara-perkara tersebut itu Kelantan terpaksa akur kepada kuasa atau peraturan yang ditentukan oleh kerajaan lain (Malaysia) yang ditadbir oleh kuasa lain dengan peraturan dan undang-undang yang tidak sama dengan yang dituntut oleh Islam seperti yang difahami Nik Aziz, (walaupun kerajaan Malaysia juga diperintah oleh majoriti orang Islam, yang mendakwanya sebagai kerajaan Islam, tetapi PAS tidak bersetuju dengan dakwaan itu.)

Namun kebijaksanaan Nik Aziz sebagai seorang pentadbir membolehkan dia melaksanakan cukup banyak tuntutan Islam sehingga dapat menonjolkan sebuah imej Islam yang hampir sempurna, yang boleh dikatakan adalah lebih baik daripada mana-mana kerajaan/organisasi/institusi/badan yang terdapat di dunia pada hari ini.

Dalam bidang hubungan antarabangsa pun, Kerajaan Islam Kelantan berjaya menjalin hubungan baik dengan beberapa negara atau agensi kerajaan di negara-negara luar termasuk China. Ekspo Cheng Ho misalnya, sebuah ekspo perdagangan dan kebudayaan dari China, anjuran Kerajaan Negeri Kelantan yang telah mendapat sambutan besar peserta-peserta dari China khususnya yang beragama Islam. Demikian juga pelancaran Dinar dan Dirham Kelantan, telah menarik minat dan penyertaan peringkat antarabangsa.

Melalui usaha, ikhtiar dan ijtihadnya selama 23 tahun mentadbir/memerintah itu Nik Aziz telah membuktikan bahawa dengan keterbatasan kuasa yang dibenarkan kepada Kelantan, banyak tuntutan Islam dapat dilaksanakan, sehingga mampu mengangkat nilai-nilai dan hukum-hukum Islam yang positif untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup manusia, serentak membangunkan semula imej/tasawur Islam sebagai ad-deen atau cara hidup yang terbaik.

Apakah kejayaan itu disebabkan oleh keterbatasan kuasa tersebut (berbanding dengan banyak negara umat Islam dengan kuasa politik yang penuh tetapi gagal menghayati/melaksanakan tuntutan Islam), tidaklah hendak kita bahaskan di sini. Kita lebih tertarik untuk meneliti perkara-perkara asas yang dilakukan oleh Nik Aziz dalam pemerintahan negeri Kelantan itu, yang kita lihat sebagai Model Pemerintahan Islam pada hari ini.

Maksudnya, melalui ciri-ciri atau perkara-perkara asas tersebut dapatlah kepemimpinan Islam, bahkan kepemimpinan bukan Islam juga, meneladaninya untuk sebuah pemerintahan yang unggul dan idaman masyarakat manusia masa kini.

Seorang pegawai tadbir kerajaan Malaysia (bukan kerajaan negeri Kelantan) peringkat pertengahan, pernah menyifatkan masyarakat Kelantan hasil kepemimpinan Nik Aziz sebagai sebuah "masyarakat bersyukur". Rumusan itu dinyatakannya (pada tahun 2009) secara jujur dalam satu perbualan sambil makan malam dengan seorang



Tok Guru mengajarkan Di Daratan Ilmu

kawan lamanya, (yang turut dihadiri penulis), ketika dia menceritakan pengalamannya bekerja sebagai Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan (jabatan yang memerlukan kemahiran kejuruteraan), di Kelantan. (Dinsman, 2013, bab 17, "Suatu Masyarakat Bersyukur").

Masyarakat bersyukur ialah suatu keadaan masyarakat yang hampir kepada yang sempurna, yang menjadi impian kebanyakan manusia, atau yang ideal. Tetapi di Kelantan, mengikut ketua jabatan tersebut, keadaan itu telah tercapai. Ia tentulah hasil daripada kepimpinan dan sistem pentadbiran yang dilakukan oleh Nik Aziz, yang berbeza daripada sistem pentadbiran arus perdana yang banyak dikenali umum itu.

Memang ia bukan suatu hasil kajian yang dibuat secara ilmiah ke atas masyarakat Kelantan. Tetapi sekurang-kurangnya ia adalah suatu cetusan pemikiran atau tanggapan yang 'genuine', yang dinyatakan/diakui secara jujur tanpa sebarang kepentingan oleh seorang pegawai tadbir kerajaan yang berpengalaman. (Dia tak sedar pun saya berminat dengan ceritanya itu atau ceritanya itu penting buat saya, dan tak tahu pun yang saya akan kutip pengakuannya itu untuk berhujah seperti ini).

Ciri-ciri penting

Berikut adalah ciri-ciri penting pemerintahan di bawah pimpinan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat di Kelantan, 1990-2013, yang boleh dijadikan atau dianggap sebagai Model Pemerintahan Islam.

1. Menteri Besar seorang pendidik
2. Al-Quran sebagai rujukan utama
3. Buat perkara yang mudah dahulu

4. Berjimat-cermat dalam perbelanjaan
5. Menginsituisikan solat dalam tugas kerajaan
6. Konsep Pembangunan Islam
7. Prinsip 'ubudiyah-Mas'uliyah-Itqan
8. Sistem kewangan tanpa riba dan judi
9. Bersikap terbuka dengan kaum, agama, golongan berbeza
10. Kehidupan berakhlak
11. Prihatin wanita
12. Merasionalkan aktiviti seni dan hiburan
13. Ilmu dan Pendidikan
14. Kebajikan

1. Menteri Besar seorang pendidik

Mentariyah rakyat untuk membetulkan aqidah dan ibadat umat Islam menjadi tugas utama Menteri Besar. Ini berbeza dengan definisi biasa bahawa Menteri Besar itu mesti membangunkan negeri dengan projek-projek ekonomi yang boleh memberi pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan rakyat.

Di Kelantan, Nik Aziz membuktikan bahawa politik dan agama tak dapat dipisahkan. Seorang Menteri Besar adalah seorang ulama, seorang Tok Guru dan juga seorang pemimpin politik. (Nik Aziz memegang jawatan tertinggi dalam parti PAS, iaitu Mursyidul Am). Dia tidak pernah menunjukkan bahawa ekonomi dan pembangunan fizikal adalah prioritas dalam pentadbirannya. Sebaliknya dia sentiasa menekankan kepentingan akhirat, yakni hidup selepas mati, di syurga atau neraka.

Ertinya dia mengubah pemikiran dan set minda rakyat, supaya berfikir dan percaya serta mengutamakan sesuatu yang berbeza daripada apa yang biasa dipercayai dan



Solat berjemaah bersama kakitangan adalah rutin bagi Tok Guru

diutamakan oleh kebanyakan orang. Dia berjuang bagi menegakkan Islam seperti yang dibawa oleh Rasulullah SAW, kerana dia percaya bahawa dia mewarisi tugas dan peranan Rasulullah SAW, yakni menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia. Dan kehidupan peribadinya dijadikan contoh untuk ikutan rakyat.

Soalan: mestikah pemimpin Islam itu seorang pendidik?
Jawapan: kalau berdasarkan model Kelantan ini jawapannya ialah ya, pemimpin Islam mestilah seorang ulama dan pendidik. (Rasulullah SAW sendiri pun demikian). Malah dia bukan sahaja ulama dan pendidik sewaktu belum menjadi Menteri Besar, tetapi dia terus menjadi ulama dan pendidik sewaktu menjadi Menteri Besar juga.

Tugas Menteri Besar sedikit pun tidak mengganggu tugasnya sebagai ulama dan pendidik seperti yang berlaku padanya sebelum menjadi Menteri Besar. Sebaliknya tugas ulama dan pendidik itulah yang mengubah definisi Menteri Besar, yakni disesuaikan tugas dan jadual Menteri Besar itu sesuai dengan tugas hakikinya sebagai ulama dan pendidik.

2. Al-Quran sebagai rujukan utama

Dalam ucapan sulungnya di persidangan Dewan Undangan Negeri, di awal pentadbirannya, Nik Aziz menjelaskan kepada sidang bahawa bukanlah tugas para Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk mencipta undang-undang baru bagi negeri mereka, tetapi tugas mereka adalah mentafsir dan melaksanakan ajaran dan hukum yang sedia termaktub dalam al-Quran, yang telah ditetapkan sendiri oleh Allah SWT (pencipta manusia dan seluruh alam), dengan tafsiran dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan zaman dan tempat, dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Itu tidak bermaksud bahawa al-Quran semestinya diangkat menjadi perlembagaan negeri secara rasmi. Ia cukup dengan kefahaman bahawa al-Quran adalah perlembagaan sebenar kerajaan negeri, walaupun secara

tidak rasmi. Yang mustahaknya ialah kefahaman itu, terutama di kalangan ADUN dan para pegawai tadbir negeri.

Sesuai dengan itu, pengajian dan bacaan al-Quran sangat digalakkan kepada rakyat, khasnya mereka yang terlibat dalam kepimpinan dan pentadbiran. Pelbagai program yang berkaitan diwujudkan bagi mendidik dan melatih mereka supaya lebih memahami maksud al-Quran. Juga program-program ke arah mendekati lagi rakyat (manusia) kepada al-Quran. Maahad Tahfiz al-Quran dan Maahad Tahfiz Sains dibangunkan dan dimajukan sebagai satu aliran pendidikan. Bahkan landskap persekitaran terutama di bandar-bandar pun dihiasi dengan papan-papan iklan mempamerkan ayat-ayat al-Quran serta terjemahan, dan lambang rehal dijulang di atas tiang-tiang tinggi di dataran yang dikenali sebagai Dataran Rehal. (Ia menjadi salah satu lokasi tarikan pelancong di Kota Bharu).

Terdapat pihak yang menekankan dan mensyaratkan bahawa sebuah negara Islam itu mestilah menjadikan al-Quran sebagai perlembagaannya. Model Kelantan berbeza. Walaupun bersetuju al-Quran mesti dijadikan perlembagaan negara, tetapi ia tidak menekankan kemestiannya.

Yang penting ialah para pimpinan dan pentadbir (serta rakyat) perlu memahami maksud al-Quran dan masing-masing dengan kapasiti kedudukan masing-masing berusaha melaksanakan mana-mana ajaran dan tuntutan yang mampu dilaksanakan. Al-Quran hanya akan diangkat menjadi perlembagaan rasmi negara apabila keadaan membenarkannya.

3. Buat perkara yang mudah dahulu

Ini satu konsep dan pendekatan penting dalam model pemerintahan ini. Buat perkara yang mudah dahulu. Jangan susahkan pelaksanaan dengan perkara yang susah. Dahulukan yang mudah. Lihat pada perkara-perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Ini dinyatakan oleh Nik Aziz kepada dua orang pegawai tadbir tertinggi kerajaan negeri Kelantan (Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri) pada perjumpaan pertama mereka selepas dia menjawat jawatan Menteri Besar. Nik Aziz memberitahu hasratnya hendak melaksanakan pentadbiran secara Islam. Mereka menjawab mengatakannya sukar, "sebab kita ni biasa dengan pentadbiran cara sekular. Jadi kita akan bertemu dengan banyak halangan," kata mereka. (Dinsman, 2013: 3).

Dasar "buat perkara yang mudah dahulu" ini memang bunyinya mudah, tetapi sebenarnya tidaklah semudah itu untuk menetapkan (mencari, memilih) apakah perkara mudah tersebut. Bagi Nik Aziz, antara peraturan awal yang diarahkannya supaya dilaksanakan ialah: memulakan majlis dengan membaca al-Fatihah dan menutupnya dengan membaca Tasbih Kafarah dan surah al-Asr.

Perkara yang sangat mudah (kecuali bagi mereka yang tidak tahu) dan tidak perlu perbelanjaan pun. Diperlukan

beberapa keping kertas sahaja untuk sebaran makluman. Demikian juga peraturan seterusnya, iaitu menutup aurat.

Ada orang mempersoalkan apa pentingnya peraturan yang mudah itu (dua contoh di atas)? Ia tidak mendatangkan faedah ekonomi dan tidak meningkatkan taraf hidup rakyat. Di sinilah perlunya kebijaksanaan seorang pemimpin, dan keyakinannya dalam memperkenalkan corak dan gaya pentadbiran baru, yang nampak tidak berkualiti kalau disorot dari pandangan sekular.

Bagi Nik Aziz, peraturan-peraturan itu penting (walaupun nampak remeh dan tidak penting) kerana nilai penting atau tidak penting itu bukan diukur berdasarkan nilai ekonomi, tetapi ukuran dari segi nilai agama, iaitu perintah atau ajaran daripada Allah SWT.

Dasar ini juga penting dilihat dari sudut pendidikan nilai dan juga kefahaman terhadap Islam. Dari sudut kefahaman Islam, dasar ini menegaskan bahawa Islam itu mudah, dan mengajar supaya melihat pendekatan yang mudah dalam melaksanakan sesuatu. Dan dalam masa yang sama ia menanamkan pendidikan nilai ke atas masyarakat secara halus dan lembut, dan ia memudahkan proses perubahan sistem nilai yang lebih besar.

4. Berjimat-cermat dalam perbelanjaan

Dasar berjimat-cermat ini dilaksanakan sepanjang masa, bukan pada waktu menghadapi masalah kewangan sahaja. Allah SWT yang menyuruhnya demikian. Bukan sahaja dalam pentadbiran negeri tetapi juga dalam kehidupan sehari-hari.

Tidak ada kehidupan bermewah dalam Islam, apatah lagi membazir. Memang Islam mengajarnya demikian. Tetapi kita dapati pemerintah Islam sejak zaman dahulu hingga sekarang kebanyakannya gagal melaksanakan sikap/dasar ini. Menunjukkan betapa sukarnya dasar ini hendak dilaksanakan. Kesukaran yang disebabkan oleh sifat manusia yang dikatakan cenderung dan suka kepada hidup bermewah.

Model ini memerlukan pemimpinnya sendiri menunjukkan contoh untuk diteladani, seperti yang dilakukan Nik Aziz. Hari ketiga menjadi Menteri Besar, Nik Aziz mengumumkan akan memotong 45% daripada gajinya setiap bulan untuk disumbangkan kepada partinya (40%) dan kepada kerajaan negeri (5%). Pemotongan ini dilakukan berterusan selama tempoh perkhidmatannya.

Dia juga tidak berpindah rumah ke kediaman rasmi Menteri Besar, tidak mengambil elaun rumah, dan tidak menggunakan khidmat orang gaji, tukang masak, tukang kebun dan pengawal keselamatan rumah. Nik Aziz juga tidak mengambil elaun keraian, elaun berbuka puasa pada bulan Ramadhan, dan elaun jamuan Hari Raya. Padahal semua itu adalah perbelanjaan biasa yang diamalkan dalam pentadbiran biasa.

Wakil-wakil rakyat yang lain (dari partinya dan parti yang bersama dengan partinya) juga dikenakan potongan



Penyokong The Red Warriors menunaikan solat sebelum menyaksikan perlawanan bola sepak

gaji sebanyak 20%. Nik Aziz juga menghentikan amalan memberi hadiah cenderamata kepada pemimpin/pegawai kerajaan, termasuk Menteri Besar, ketika membuat lawatan rasmi. Amalan exco yang berhenti khidmat 'dihadiahkan' kereta rasmi kepadanya melalui pembelian dengan harga istimewa, juga dihentikan.

Pihak UMNO (yang memerintah Kelantan sebelumnya) menjangka Nik Aziz hanya dapat mentadbir Kelantan selama tiga bulan sahaja; selepas itu dia akan menghadapi masalah kewangan. Jangkaan itu dibuat berdasarkan jumlah dana yang ditinggalkan mereka begitu kecil, cukup untuk perbelanjaan kira-kira tiga bulan. Tetapi Nik Aziz berjaya melepasi tempoh tersebut tanpa mengalami krisis kewangan. Dasar berjimat-cermat inilah antara faktornya.

Berjimat-cermat tidak sama maknanya dengan kedekut. Ia bukan kedekut, tetapi berhemat dalam berbelanja, kerana setiap sen duit kerajaan adalah hak rakyat yang diamankan kepada pemimpin untuk dibelanjakan secara yang dibenarkan syarak dan diredhai Allah, dan akan ditanya wajar tidaknya pada Hari Hisab di akhirat kelak.

5. Menginstutuskan solat dalam tugas kerajaan

Kepemerintahan Islam model Kelantan menonjolkan peranan kerajaan dalam pembangunan agama (Islam). Hal ehwal rakyat dalam beragama biasanya tidak diambil berat atau diberi perhatian dalam pentadbiran kerajaan sekular, (dilepaskan kepada kebebasan individu menentukannya).

Dalam pemerintahan Nik Aziz, kerajaan mengambil berat dan menjadikannya tanggungjawab kerajaan. Rakyat sentiasa diingatkan kepada Allah dan hari akhirat. Allah



Rakyat bermunajat di Stadium Sultan Muhammad ke-IV

itu umpama 'majikan' kepada manusia dalam menjalani hidup di dunia. (Shaharir, 2010: 34). Setiap manusia akan menjawab kepada Allah di akhirat nanti, dan akan menerima balasan bagi setiap perbuatan mereka selama hidup di dunia.

Sesuai dengan itu, kerajaan menubuhkan satu jabatan dinamakan Dakwah Halaqat, lengkap dengan kakitangan seramai kira-kira 500 orang, (tidak termasuk guru al-Quran dan Fardhu Ain hampir 3,000 orang) dengan kemudahan pejabat di peringkat negeri dan daerah.

Tugas dan tanggungjawabnya ialah menjalankan dakwah atau kempen bagi menyedarkan masyarakat supaya beribadat, dan menggalakkan orang supaya menunaikan solat serta mengajar solat yang sempurna dan berkesan. (Dinsman, 2013: 31-39).

Bagi Nik Aziz, solat tidak semata-mata perkara ibadat dan kewajipan peribadi, tetapi solat juga mempunyai fungsi sosialnya. Ia menjadi pencegah kekejian (fahsyah) dan kemungkaran, seperti diajar oleh al-Quran (Al-Ankabut: 45).

Di samping itu solat juga diangkat menjadi instrumen wadah menyelesaikan masalah atau krisis besar yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat, iaitu melalui Solat Hajat berjemaah beramai-ramai di tempat terbuka yang luas, seperti di padang dan di stadium. Dalam pengalaman Kelantan ia telah banyak kali menunjukkan keberkesanannya; antaranya ialah krisis Empangan Hidro Elektrik Pergau, 1992.

6. Konsep Pembangunan Islam

Pembangunan adalah perkataan/istilah yang selalu digandingkan dengan kerajaan dan pemerintahan. Ia bermaksud projek-projek untuk kemajuan sesuatu masyarakat, dalam bentuk infrastruktur awam dan kemudahan hidup yang semakin ditingkatkan; biasanya dalam bentuk fizikal/material/ekonomi. Pembangunan

dengan maksud ini memerlukan dana yang besar untuk melaksanakannya.

Kerajaan Nik Aziz tidak pernah mempunyai dana yang besar dalam tempoh pentadbiran/pemerintahannya selama 23 tahun. Namun itu tidak menghalang kerajaannya berkhidmat atau menawarkan perkhidmatan yang terbaik/berkualiti kepada rakyat. Nik Aziz tidak menjanjikan pembangunan dengan maksud tersebut; sebaliknya yang dijanjikan atau cuba dibawakannya kepada rakyat ialah kesejahteraan, atau 'hidup yang selamat di dunia dan di akhirat'.

Konsep hidup bagi model pemerintahan ini ialah hidup di dunia dan di akhirat, (bukan setakat hidup di dunia sahaja); manakala konsep pembangunannya pula ialah 'Membangun Bersama Islam'.

Maksudnya projek yang hendak dibangunkan hendaklah bersesuaian dengan nilai dan hukum Islam (syarak). Sekiranya ia mengandungi perkara yang dilarang oleh syarak (seperti riba, judi, penipuan, maksiat, penindasan), walaupun projek itu menjanjikan keuntungan, ia tidak akan dilaksanakan (kerana ia membawa kerugian dan 'hidup yang tidak selamat' di akhirat kelak).

Pembangunan yang diutamakan ialah pembangunan insan, yakni pembangunan aqidah dan ilmu, bagi melahirkan rakyat yang beriman dan bertaqwa kepada Allah, serta bersyukur dengan rezeki yang dikurniakan Allah dalam kehidupan di dunia.

Pembangunan infrastruktur dan material/ekonomi juga dijalankan, untuk kesejahteraan hidup rakyat, kerana kerajaan Islam juga bertanggungjawab meninggikan syi'ar/imej agamanya. Namun penekanan adalah pada pembangunan insan dan rohaniah, dengan solat berjemaah di masjid dan surau sebagai matlamat akhir, (kerana Allah menjanjikan "solat itu mencegah daripada kekejian dan kemungkaran").

Akhirnya, kemajuan sesebuah negara/negeri tidak diukur hanya pada pertumbuhan ekonomi atau pendapatan per kapita atau jumlah pelaburan, tetapi juga pada jumlah rakyat yang menunaikan solat berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negeri.

7. Prinsip 'Ubudiyah-Mas'uliyah-Itqan

Tiga prinsip yang digunapakai di kalangan kakitangan kerajaan negeri Kelantan: 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan. 'Ubudiyah bermaksud perhambaan kepada Allah. Bahawa manusia adalah hamba kepada Allah, menjalani kehidupan ini mengikut cara dan peraturan yang telah ditetapkan-Nya, yakni Islam, dan percaya bahawa tiada cara/peraturan lain yang lebih baik daripada Islam.

Mas'uliyah pula menekankan kebertanggungjawaban manusia terhadap Allah Maha Pencipta. Di samping tanggungjawab sebagai pekerja terhadap majikannya di pejabat, bahawa dia perlu amanah dan menjawab kepada majikannya, dia juga sebenarnya perlu menjawab kepada Allah di Hari Pembalasan, dan menjawab kepada Allah itulah yang lebih hakiki dan tidak dapat dielak, demi untuk kehidupan yang abadi di akhirat.

Dan Itqan pula ialah kesungguhan atau dedikasi yang dituntut dari seorang pekerja dalam menunaikan tugas dan tanggungjawabnya, agar mencapai kecemerlangan dan keberkesanan.

Tiga prinsip ini lebih menekankan aspek dalaman diri manusia, iaitu tanggungjawab kepada diri sendiri, dan ikhlas serta jujur dengan diri sendiri. Mengikut Nik Aziz, tidak ada peraturan atau undang-undang yang lebih berkesan bagi mengawal tingkah laku manusia melainkan hatinya sendiri.

Inilah mekanisme yang digunakan dalam pentadbirannya, yang membawa kepada kejayaannya merekodkan sebuah pentadbiran yang bebas rasuah selama 23 tahun. Tidak ada seorang pun kakitangan kerajaan negeri Kelantan disabitkan kesalahan rasuah, walaupun pihak kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensinya mencuba membawa tuduhan-tuduhan berkenaan, malah ke atas Nik Aziz sendiri, dalam tempoh tersebut. Berada dalam sebuah negara Malaysia yang terkenal gejala rasuahnya begitu serius hingga mengakibatkan pelbagai krisis dan keruntuhan, namun pentadbiran Nik Aziz berjaya mengelak daripadanya.

8. Sistem kewangan tanpa riba dan judi

Judi dalam apa bentuk pun adalah diharamkan beroperasi di Kelantan. Manakala riba tidaklah diharamkan sepenuhnya, tetapi ia diharamkan dalam pentadbiran kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya, termasuk perusahaan dan perniagaan. Semua duit kerajaan negeri Kelantan disimpan di dalam Bank Islam dan bank-bank yang ada Perbankan Islam (tiada riba).

Manakala pinjaman perumahan dan kenderaan di kalangan kakitangan kerajaan negeri tidak dikenakan faedah dan caj

perkhidmatan (tiada riba). Namun jual-beli atau transaksi urusniaga di kalangan orang awam dan agensi-agensi di luar kerajaan negeri boleh memilih untuk menggunakan sistem riba ataupun tanpa riba.

Selain itu diperkenalkan juga sistem pajak gadai tanpa riba, ar-Rahn, yang mendapat sambutan menggalakkan di kalangan rakyat Kelantan, kerana wanita Kelantan mempunyai kegemaran menyimpan barang-barang hiasan emas. Melalui sistem ar-Rahnu barang-barang hiasan emas itu dengan mudah boleh ditukar menjadi modal untuk perniagaan.

Sistem kewangan tanpa riba sebenarnya boleh dimajukan lagi di negeri Kelantan. Terdapat syarikat kewangan yang memberi khidmat pinjaman dengan sistem bayaran balik yang bukan saja mengandungi riba tetapi bersamanya unsur 'penindasan'. Pembeli yang tiada pilihan terpaksa juga menerima. Di sini kerajaan negeri sepatutnya berperanan untuk membebaskan pembeli daripada unsur 'penindasan' tersebut.

9. Bersikap terbuka dengan kaum, agama, golongan berbeza

Model pemerintahan ini menganjurkan pemimpin Islam bersikap terbuka, lembut dan positif terhadap orang/masyarakat dari bangsa, agama dan golongan yang berbeza. Di Kelantan orang bukan Melayu dan bukan Islam pernah mempunyai rasa takut terhadap orang Melayu-Islam, kerana mereka percaya/menganggap orang Melayu-Islam memandang/menganggap mereka sebagai musuh.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan terbinanya imej negatif tersebut (yang tidak perlu dibicarakan di sini). Tetapi imej itu sedikit demi sedikit hilang dan bertukar positif akibat sikap terbuka, lembut dan positif yang ditunjukkan oleh kepemimpinan Nik Aziz, malah orang bukan Islam pun menerima Nik Aziz dengan panggilan "Tok Guru kita". Dengan berpakaian jubah dan serbannya, Nik Aziz hadir di wat Siam misalnya, kerana meraikan jempunan dari masyarakat Siam-Buddha. Dan di Kelantan terdapat patung Buddha yang terbesar di Asia Tenggara.

Nik Aziz sentiasa menekankan bahawa Islam tidak membezakan manusia mengikut bangsa. Semua bangsa sama saja dalam Islam—Melayu, Arab, Amerika, Cina, Jepun, India, Eskimo semua sama saja. Semua dari keturunan Nabi Adam. Tidak ada kelebihannya menjadi orang Melayu atau orang Arab. Yang membezakan manusia ialah agama. Oleh itu, katanya, Cina pun boleh menjadi Menteri Besar Kelantan kalau dia beragama Islam.

Sikap terbuka kerajaan negeri pimpinan Nik Aziz dizahirkan, antara lain, dengan melantik orang bukan Melayu/ Islam (Cina, India, Siam, Orang Asli), menjadi Penghulu Tanpa Mukim, dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan.

Dengan demikian masalah dan kepentingan kaum serta golongan berkenaan sentiasa diberi perhatian dan tidak diketepikan dalam proses membuat keputusan di



Peniaga wanita di Pasar Siti Khadijah

peringkat kerajaan negeri, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Nik Aziz juga meraikan ciri-ciri kebudayaan bukan Melayu, maka sebuah masjid dibina dengan reka bentuk menyerupai rumah ibadat Cina, iaitu arkitektur Cina.

Nik Aziz juga bersikap lembut dan terbuka terhadap anak-anak muda walaupun dari golongan yang berketrampilan 'rock' dan seumpamanya. Dia tidak menunjukkan sikap permusuhan. Oleh itu dia sangat diminati oleh mereka; malah oleh semua golongan masyarakat, kecuali mereka yang berbeza kepentingan.

10. Kehidupan berakhlak

Antara ciri-ciri penting kehidupan berakhlak yang dimaksudkan di sini ialah berpakaian menutup aurat, menjaga batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim, dan tidak minum minuman keras.

Setelah Nik Aziz menjadi Menteri Besar, pihak pentadbiran mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Secara Islam (PPSI), di samping Pekeliling Perkhidmatan yang sedia ada. Arahannya pertama yang dikeluarkan melalui PPSI ialah supaya kakitangan kerajaan negeri berpakaian menutup aurat. Dan selepas itu kempen menutup aurat dijalankan secara berterusan.

Pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) pula mengenakan syarat untuk mendapat

lesen berniaga dalam kawasannya, jurujual wanita mestilah menutup aurat. Manakala iklan di tempat terbuka (outdoor) seperti billboard, dimestikan gambar wanita dan lelaknya menutup aurat.

Batas pergaulan lelaki-perempuan juga diperhatikan oleh kerajaan. Dalam majlis-majlis rasmi, tempat duduk lelaki dan perempuan dipisahkan. Begitu juga penonton dalam pertunjukan hiburan yang dibenarkan. Kaunter bayaran di pusat beli-belah juga diasingkan mengikut jantina. Pada waktu-waktu tertentu, pergaulan lelaki-perempuan di bandar Kota Bharu dipantau agar tidak mempamerkan kedudukan yang terlalu intim; dan mereka yang berbuat demikian akan diberi nasihat.

Perniagaan yang boleh membawa ke arah maksiat juga tidak dibenarkan, seperti kelab malam, kafe hiburan/istirahat dengan pelayan wanita, salon rambut uniseks, karaoke tertutup, snooker yang bercampur lelaki-perempuan, dan apatah lagi yang memang aktiviti maksiat. Manakala minuman keras hanya dibenarkan di beberapa tempat khas untuk orang bukan Islam sahaja. Di hotel-hotel pun tidak dibenarkan minuman keras.

11. Prihatin wanita

Wanita dalam pemerintahan Islam adalah satu persoalan yang selalu disalah fahami. Dikatakan wanita didiskriminasi dan tidak diberi kebebasan. Tetapi kita jarang bertanya siapakah yang berkata demikian dan penilaian apakah yang dipakai dalam membuat rumusan tersebut? Sudah tentulah bukan penilaian Islam. Padahal Islam mempunyai penilaiannya sendiri dalam soal wanita (seperti dalam soal-soal lain juga), maka perlulah menggunakan sistem nilai Islam untuk melihat kewajaran dasar dan tindakan pentadbiran Nik Aziz terhadap wanita dan hal ehwal wanita di Kelantan, termasuk perintah menutup aurat. Ia mesti dilihat dari dalam sistem, bukan dari luar sistem. Misalnya ketegasan tindakan menghapuskan premis-premis maksiat adalah juga langkah penting mengembalikan status wanita ke tempatnya yang terhormat, dan tidak menjadi alat untuk kepuasan nafsu lelaki.

Apapun, asasnya ialah model pemerintahan Islam ini menghormati wanita. Tidak mendiskriminasi dan tidak menganiaya. Misalnya sudah turun-temurun wanita di Kelantan bebas dan aktif berniaga di luar rumah. (Mengikut nilai Women's Liberation and Emancipation Barat, wanita Kelantan telah lama maju mendahului wanita Barat. Baca Dinsman 2013, hal.177-203).

Maka kehadiran wanita Islam yang bilangannya jauh melebihi lelaki berniaga di seluruh negeri Kelantan, khususnya di Pasar Besar Siti Khadijah, tidak menjadi keberatan kepada Nik Aziz. Malah beliau meraikannya dengan memberi nama baru kepada pusat perniagaan dan tumpuan pelancong di Kota Bharu itu, 'Pasar Besar Siti Khadijah' (sebelum itu namanya Pasar Besar Buluh Kubu), mengambil sempena nama wanita tokoh korporat Arab pada zamannya, yang juga isteri Rasulullah SAW. Nik Aziz juga pernah melantik wanita sebagai Ketua

Pegawai Eksekutif (CEO) di Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), sebuah entiti perniagaan terpenting di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, di samping Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Secara prinsipnya, dasar pentadbiran Nik Aziz terhadap wanita perlu dilihat dalam konteks pimpinan beliau membangunkan semula masyarakat/umat yang berakhlak mulia (yakni mementingkan akhlak, seperti Hadis Rasulullah SAW: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"). Dan maksud serta mesej 'akhlak yang mulia' ini juga hendaklah difahami dari dalam sistem Islam, bukan dari luar sistem.

12. Merasionalkan aktiviti seni dan hiburan

Di musim awal pentadbiran Nik Aziz, beberapa aktiviti seni dan hiburan dilarang. Ini termasuklah seni persembahan tradisional seperti Menora, Makyong, Main Puteri, Wayang Kulit dan Dikir Barat; manakala yang modennya diharamkan wanita menyanyi atau berlakon di depan khalayak umum, juga konsert nyanyian pada umumnya. Bahkan tilawah al-Quran juga diharamkan penyertaan wanita. Tetapi peraturan itu sebahagian daripadanya kemudian diubah. Yang kekal diharamkan hanyalah Menora, Makyong dan Main Puteri. Kenapa?

Ada rasionalnya, iaitu melihat dan menilai semula persembahan-persembahan tersebut dari sudut pandangan dan nilai Islam. Sesuai ataupun tidak? Mana-mana yang tidak sesuai itulah yang dilarang. Wayang Kulit dilarang kerana unsur syirik dalam ritual pembukaannya dan unsur tahyul-khufarat dalam sebahagian ceritanya. Apabila unsur-unsur tersebut dapat dihilangkan maka persembahannya dibenarkan semula.

Dikir Barat dilarang kerana eksploitasi unsur lucu dalam senikatanya, dan kerana penyertaan wanita secara yang kurang berakhlak. Apabila ada kumpulan berjaya memperbaikinya maka persembahannya dibenarkan.

Tilawah al-Quran pula dilarang kerana suasana pemahaman nilai Islam pada waktu itu masih di tahap rendah, dan dibimbangi terdapat perkara kurang sesuai di dalamnya. Apabila suasana berubah, larangan itu pun diangkat. Begitu juga dengan penampilan wanita berlakon di depan khalayak umum – ada yang kemudiannya dibenarkan.

Usaha merasionalkan aktiviti seni dan hiburan di Kelantan tidak hanya setakat yang disebut di atas itu sahaja. Ada beberapa lagi. Yang penting ialah usaha merasionalkan itu. Ini kerana pemikiran dan set minda masyarakat Islam sudah lama dijajah dan tertawan dengan nilai dan pemikiran dari tamadun Barat yang bukan Islam dan anti Islam.

Dalam bidang seni dan hiburan terdapat banyak perkara yang bertentangan dengan nilai dan hukum Islam. Malah konsep 'hiburan' itu sendiri pun jauh menyimpang dari roh dan ajaran Islam. Sama seperti Perkara 9 dan 10 di atas, soal seni dan hiburan pun mesti dilihat dalam pemahaman Islam yang syumul itu.



Ada rasionalnya, iaitu melihat dan menilai semula persembahan-persembahan tersebut dari sudut pandangan dan nilai Islam. Sesuai ataupun tidak? Mana-mana yang tidak sesuai itulah yang dilarang.

Model Kepemerintahan Islam ini tidak menolak seni dan hiburan. Seperti yang telah ditunjukkan oleh kepimpinan Nik Aziz, kita perlu mengangkat konsep 'seni dan hiburan' yang baru, sesuai dengan nilai seluruh perubahan yang dibawa oleh model pemerintahan ini.

13. Ilmu dan Pendidikan

Menteri Besar dalam model pemerintahan ini adalah seorang pendidik (telah dibincang dalam Perkara 1), manakala al-Quran adalah rujukan utama (dibincang dalam Perkara 2). Jadi semestinyalah ilmu dan pendidikan adalah satu 'prioriti'.

Maka walaupun pendidikan dan persekolahan menjadi tanggungjawab kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Kelantan juga turut menjalankan tanggungjawab ini, dengan memberi peruntukan agak besar kepada sebuah yayasan (Yayasan Islam Kelantan) yang dipertanggungjawabkan memajukan satu sistem pendidikan dan persekolahan, dikenali sebagai Sistem Pendidikan Yayasan Islam Kelantan (YIK). (Kita memerlukan satu bab tersendiri kalau hendak dijelaskan kandungan sistem pendidikan YIK ini. Termasuk di dalamnya Maahad Tahfiz al-Quran dan Maahad Tahfiz Sains.)

Ia berjalan seiring dengan sistem pendidikan kebangsaan yang dijalankan oleh kerajaan Pusat. Rakyat boleh memilih untuk mengikuti sistem YIK atau sistem kerajaan Pusat (sistem kebangsaan).



Sesi soal/jawab diadakan bagi menjawab kemusykilan agama

Di samping sistem YIK itu terdapat satu lagi sistem pendidikan yang turut dimajukan oleh pentadbiran Nik Aziz, iaitu sistem pengajian pondok – satu sistem pengajian yang diwarisi dari masyarakat Islam tradisional rantau ini, yang telah banyak melahirkan ilmuwan Islam sebelum kedatangan penjajah Barat. Sistem pengajiannya berdasarkan kitab jawi lama, dibina di sekitar ketokohan seseorang guru, dan pelajarnya tiada dihadkan umur.

Kalau dua sistem itu dianggap sebagai pendidikan/pengajian yang formal, terdapat juga sistem yang tidak formal, iaitu yang berjalan melalui jabatan Dakwah Halaqat (dibincang dalam Perkara 5). Di peringkat kanak-kanak sistem ini memastikan semua kanak-kanak Islam di negeri Kelantan berpeluang belajar mengaji al-Quran. Di peringkat dewasa pula ia cuba memenuhi keperluan menjawab kemusykilan dalam beragama di kalangan masyarakat Islam di seluruh negeri Kelantan.

“Ilmu dan Pendidikan” adalah satu ciri penting dalam Model Kepemerintahan Islam. Di sini tidaklah dimaksudkan bahawa apa yang dilakukan oleh kepimpinan Nik Aziz di Kelantan itu suatu model yang sempurna dan perlu dicontohi. Ia hanyalah suatu contoh. Masih banyak ruang untuk diperbaiki dan disempurnakan lagi.

14. Kebajikan

Aspek kebajikan adalah antara yang mempopularkan Kerajaan Negeri Kelantan di era awal pentadbiran Nik Aziz. Antaranya ia memulakan kerja lima hari seminggu di Malaysia (cuti pada hari Jumaat dan Sabtu); cuti bagi wanita bersalin selama 90 hari, dan suaminya selama seminggu; Skim Takaful Kifaalah, iaitu bantuan untuk waris warga emas 60 tahun ke atas bernilai RM1,500 apabila dia meninggal; bantuan bencana seperti kebakaran, banjir dan ribut (berjumlah sehingga RM5,000) yang disumbangkan dalam tempoh cepat (hari yang sama berlaku bencana atau esoknya); Skim Takaful Armalah dan Pegawai Pembangunan Armalah pada setiap DUN untuk hal-ehwal kebajikan bagi golongan ibu tunggal; skim bantuan khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU), dan sebagainya.

Ideanya ialah pentingnya kebajikan untuk rakyat. Adapun program atau bentuk-bentuk kebajikan itu tidak semestinya sama seperti yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan Nik Aziz ini. Yang pentingnya ialah keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, khasnya golongan yang memerlukan bantuan.

Penutup

Demikianlah 14 ciri penting Model Kepemerintahan Islam yang dirumuskan daripada pentadbiran dan kepemimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat di Kelantan sepanjang tempoh beliau menjadi Menteri Besar, Oktober 1990 – Mei 2013.

Peranan undang-undang atau hukum Islam nampaknya kurang menonjol dalam model ini, kerana kerajaan negeri yang diterajui Nik Aziz itu memang tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan sepenuhnya hukum Islam. Namun setakat yang dapat dilaksanakannya itu, buat masa ini barangkali inilah pelaksanaan atau penghayatan Islam sebagai ad-deen yang paling baik dapat kita temui di dunia pada hari ini. Wallahu a'klam!

Rujukan:

1. Dinsman, Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan, 2013, Kaab Enterprise, Kuala Lumpur.
2. Dinsman, 100 Fakta Kelantan Mengubah Malaysia, 2008, Penerbitan Pikir, Kuala Lumpur.
3. Shahrir Mohd Zain, Kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz Mengikuti Pandangan Sarjana Kepemimpinan Besar Sepanjang Zaman, 2010, Kaab Enterprise, Kuala Lumpur.

** Tulisan ini ialah sebahagian daripada buku “Model Kepemerintahan Islam Kelantan di bawah Kepimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz, 1990-2013” yang akan terbit.*

PEMBANGUNAN MENGIKUT TUAN GURU DATO' NIK ABDUL AZIZ

Oleh Dr Ismail Yusoff yismail@uum.edu.my Foto Ahmad Naime Muhammad



PENDAHULUAN

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan setelah Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menyapu bersih kesemua kerusi di peringkat negeri dan parlimen di Kelantan, dalam Pilihan Raya Umum 1990. Ramai orang sangsi dengan pelantikan tersebut kerana beliau seorang ustaz, yang dikatakan jahil pentadbiran dan anti-pembangunan.

TEORI DAN MODEL PEMBANGUNAN BARAT

Pembangunan adalah salah satu isu besar yang sentiasa mengundang perhatian serius para sarjana dan pemikir dalam pelbagai bidang kerana ia merupakan satu elemen pokok bagi pembentukan budaya, individu dan corak masyarakat. Apa yang ketara hari ini, semakin giat perbincangan dan kajian mengenai pembangunan

dijalankan, semakin tidak putus-putus masalah dan persoalan yang timbul. Walaupun pelbagai kaedah dikemukakan dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah pembangunan, namun penyelesaian satu masalah melahirkan pula pelbagai masalah pembangunan yang lain.

Lantas itu muncullah kajian-kajian mengenai pembangunan sekitar tahun 1950-an dan 1960-an (Torado, 1993:13). Kemudian konsep pembangunan ini didefinisikan semula pada tahun 1970-an (Gerald, 1964:12).

Dalam mencari pendekatan alternatif tersebut, terdapat beberapa tokoh sains sosial yang cuba meneroka hubungan antara budaya dan agama dengan pembangunan di Dunia Ketiga dan di negara-negara Islam (Geertz, 1956, 1963; McClelland, 1961).

MENGIKUT NIK AZIZ

Mengikut Nik Aziz, konsep pembangunan sudah lama wujud, malah ia seusia dengan umur manusia itu sendiri. Katanya, kalau membaca al-Quran kita akan bertemu dengan zaman Firaun yang menceritakan hal ini.

Allah menceritakan keadaan pembangunan yang ditinggalkan oleh Firaun setelah ia meninggal dunia. Bagi Nik Aziz, pembangunan Firaun yang "berkisar dalam tempurung dunia semata-mata" itu tidak boleh dibanggakan. Sebaliknya yang perlu kita rasa megahnya ialah pembangunan berteraskan Islam. (Nik Abdul Aziz, 1995a:105,223).

Mengikut Nik Aziz, pembangunan berteraskan Islam mempunyai falsafah, konsep, premis dan epistemologinya tersendiri yang berbeza dengan teori dan model pembangunan Barat. Ia berdiri dengan sendiri tanpa dapat digabungkan dengan sistem pembangunan lazim kerana tapaknya berbeza, kerangka dan matlamatnya tidak serupa dan paradigmanya tidak sama. Jadi untuk memahami konsep pembangunan dalam Islam, kita hendaklah kembali kepada pengertian Islam itu sendiri.

Antara lain makna Islam ialah aman dan damai. Islam menganjurkan kita membina keharmonian antara individu dan pada masa yang sama menggalakkan keharmonian antara masyarakat dan alam sekitar. Hal ini penting untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan tidak

mengancam kehidupan individu atau masyarakat dan alam sekitar. Islam juga bermakna penyerahan diri secara total kepada Allah, iaitu pemilik sebenar kekayaan dan semua sumber; sementara manusia hanya pemegang amanah Allah di bumi. Jadi, "segala pembangunan yang dilaksanakan hendaklah di bawah peraturan dan tunjuk ajar agama Allah SWT" (Ucapan Nik Abdul Aziz, 2 September 1995).

Daripada perbincangan di atas menunjukkan bahawa Nik Aziz berpendapat model kapitalis dan sosialis tidak boleh diterima pakai sebagai *ideal-type* untuk pembangunan dalam masyarakat Islam. Walaupun Islam tidak mengemukakan sesuatu teori yang lengkap mengenai pembangunan tetapi ia mengemukakan prinsip-prinsip yang jelas.

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Sebaik sahaja dilantik menjadi Menteri Besar, Nik Aziz mengisytiharkan bahawa kerajaan di bawah pimpinannya akan memperkenalkan sistem pentadbiran Islam. Konsep pemerintahan yang bermotokan Membangun Bersama Islam (MBI) bermaksud "maju ke depan dengan cara yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam" (Muhamad Husain, 1996).

Dalam menangani permasalahan pembangunan, kerajaan pimpinan Nik Aziz menggunakan pendekatan pembangunan ekonomi (economic development), dan bukannya pertumbuhan ekonomi (economic growth) seperti lazimnya. Ini bermakna dasar ini melihat pembangunan ekonomi bukan semata-mata pada pertumbuhan fizikal ekonomi sahaja (misalnya perkiraan pendapatan per kapita), tetapi juga mengambil kira kesejahteraan dimensi kemanusiaannya sebagai sesuatu yang sama penting.

Ringkasnya, aspek kemanusiaan yang Islami inilah yang akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam istilah Khursid Ahmad, pendekatan ini dikenali sebagai pelaburan dalam manusia (investment in man approach) (Ahmad, Khursid: 3).

Berikut akan dibincangkan langkah-langkah yang telah diambil dan bagaimana pengaruhnya terhadap pembangunan sosio-ekonomi negeri. Langkah-langkah ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, pertama pada tahap pentadbiran negeri dan yang satu lagi pada tahap rakyat.

Memperkenalkan Adab Islam

Langkah pembaharuan pentadbiran terawal yang dilakukan Nik Aziz ialah dengan melakukan perkara-perkara yang mudah seperti memperkenalkan "adab Islam" ketika membuka dan menutup majlis, seperti memulakan sesuatu majlis dengan membaca al-Fatihah dan mengakhirinya dengan Surah al-Asr dan Tasbih Kafarah; dif-dif perempuan dan lelaki diasingkan; dan jamuan-jamuan rasmi diselaraskan dengan waktu solat.



Aktiviti 'berbudi pada tanah' selalu dilakukan oleh Tok Guru apabila kelapangan

Kalau sebelum ini jamuan diadakan sekitar jam dua hingga empat petang, kini ia diubah kepada selepas solat Asar dan ditamatkan sebelum Maghrib. Mengikut Nik Aziz, perkara ini paling senang dilaksanakan kerana ia tidak memerlukan peruntukan kewangan. Tujuan adab ini diperkenalkan adalah untuk menjadikan semua majlis dan aktiviti pentadbiran sebagai ibadat yang berguna serta mendapat keberkatan Allah.

Peraturan ini kemudiannya disusuli dengan mengadakan gerakan kesedaran Islam kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, pekerja kilang, dan kemudiannya diperluaskan kepada masyarakat umum. Pemupukan ini dibuat melalui dakwah, tarbiyah dan penguatkuasaan undang-undang.

Usaha mendidik hati dan mewujudkan suasana taqwa, amanah, bersih dan bertanggungjawab dalam kalangan kakitangan ini dimulai dengan mengadakan tazkirah, kemudiannya program Ihya' Ramadhan dan program bina insan.

Pentadbiran Sederhana

Semasa Nik Aziz mengambil alih pemerintahan, Kerajaan Kelantan mewarisi hutang sebanyak RM753 juta daripada pentadbiran terdahulu, termasuk RM10 juta untuk membayar bunga tahunan (Harakah, 16 Dis 2004). Kerajaan Pusat enggan menyerahkan geran wajib (financial grants) kepada Kelantan kecuali ia mampu membayar hutangnya. Bagi mengatasi masalah kewangan ini Nik Aziz mengambil beberapa langkah memajukan paras sosio-ekonomi yang rendah dengan menggunakan sumber-sumber sendiri, melalui pengurusan bijak daripada tabung ekonomi negeri (Buletin, Julai 1998).



Tok Guru menyampaikan tazkirah di Qaryah Ramadan

Antaranya ialah mewujudkan pentadbiran sederhana bersesuaian dengan konsep ketaqwaan, dan mengelakkan pembaziran (Yusri Yusoff, 1995:192).

Langkah pertama dalam dasar berjimat-cermat ini ialah mengarahkan para Exco supaya tidak membeli kereta baru, pegawai-pegawai kanan pula diarahkan menggunakan kereta Proton Perdana menggantikan Mercedes Benz yang digunakan sebelumnya, dan memotong pelbagai elaun Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Exco-exconya (Tarmizi, 1991).

Selain itu Nik Aziz menghidupkan kembali budaya gotong-royong yang pernah menjadi kebanggaan masyarakat Melayu. Melalui konsep ini jalan-jalan kecil, jambatan dan sebagainya dibina melalui konsep gotong-royong di mana bahan-bahan pembinaan disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah dan kerja-kerja pembinaan dilakukan oleh penduduk kampung.

Nik Aziz juga menghentikan amalan berlumba-lumba menghabiskan peruntukan tahunan, kerana baginya "kalau dah tak habis, biarkanlah dan boleh digunakan untuk tahun berikutnya, bukannya basi (Buletin, Julai 1998).

Pengurusan Efektif

Untuk melaksanakan pengurusan yang efektif dalam sektor hutan, kerajaan negeri melaksanakan konsep tender terbuka untuk kegiatan pembalakan, menggantikan tender runding yang diamalkan sebelumnya. Konsep baru ini dapat menghindarkan daripada berlaku monopoli oleh syarikat-syarikat besar yang dibayangi individu berpengaruh, termasuk pihak istana (Buletin, Jun 1993).

Untuk mengelakkan daripada gejala rasuah, Menteri Besar menghapuskan amalan pemberian hadiah kepada pegawai kerajaan, dan memberi amaran keras akan memecat sesiapa sahaja kakitangannya yang terlibat dengan rasuah (Buletin, April 1995).

Bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa kerajaan untuk kepentingan parti tertentu, Nik Aziz melarang penggunaan jentera dan harta kerajaan negeri untuk kepentingan parti di dalam pilihan raya oleh orang politik yang berada dalam pentadbiran kerajaan.

Persekitaran Kondusif

Dalam usaha mewujudkan persekitaran Islam serta membolehkan rakyat beribadat dengan tenang dan selesa, Nik Aziz mengisytiharkan Jumaat dan Sabtu sebagai hari cuti mingguan, mulai 1 Januari 1996.

Penguatkuasaan waktu bekerja baru ini bermakna semua jabatan dan agensi kerajaan Kelantan bekerja lima hari seminggu, iaitu Ahad hingga Khamis. Langkah ini adalah bagi membolehkan kakitangan kerajaan menggunakan hari-hari tersebut untuk menuntut ilmu dan sebagai "hari keluarga."

Untuk merealisasikan Jumaat sebagai hari menuntut ilmu, kerajaan menyediakan program majlis-majlis ilmu di setiap masjid dan pusat-pusat tarbiyah di seluruh negeri. Selain itu program menuntut ilmu juga dijalankan oleh para pendakwah halagah pada setiap malam. Sementara cuti Sabtu adalah untuk memberi kelegaan berfikir kepada orang ramai untuk merancang sesuatu bagi kepentingan keluarga (Berita Harian, 19 Okt 1996). Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat penyayang.

Oleh kerana pembiayaan bantuan sosial kepada rakyat terhalang disebabkan punca hasil yang terhad, kerajaan negeri mencari alternatif lain dengan menubuhkan dua dana awam iaitu Tabung Serambi Mekah (TSM) dan Tabung Tok Kenali (TATOK). TSM ditubuhkan untuk memberi bantuan kecemasan kepada rakyat yang menghadapi bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut, hakisan ombak, dan membiayai kos perubatan rakyat miskin yang menghadapi penyakit kronik, membina pusat-pusat pengajian Islam dan menggerakkan rancangan kegiatan ekonomi jayadiri, perniagaan, pembinaan infrastruktur dan sebagainya. Pada tahun 2005 tabung ini mempunyai dana terkumpul berjumlah RM22.9 juta (Utusan Malaysia, 23 Feb 2005).

Sementara Tabung Tok Kenali pula diasaskan pada 1993 bagi mengumpul dan mengagihkan semula wang pampasan Projek Empangan Hidro Elektrik Pergau sebanyak RM117 juta, yang dibayar oleh Tenaga Elektrik Nasional yang mengendalikan pembinaan empangan Pergau di Kelantan.

Tabung ini diwujudkan untuk memastikan segala pampasan tersebut dapat digunakan sepenuhnya bagi



kepentingan rakyat, termasuk untuk pembangunan pendidikan di negeri Kelantan.

Menghapuskan Riba

Untuk mewujudkan sistem ekonomi tanpa riba Nik Aziz memindahkan wang kerajaan negeri daripada bank-bank konvensional ke dalam bank tanpa riba. Ini dilakukan secara berperingkat dimulai dengan memindahkan akaun simpanan tetap ke Bank Islam, 1 Januari 1991.

Langkah-langkah lain dalam program pembangunan ekonomi Islam ini termasuklah memperkenalkan pinjaman tanpa riba kepada kakitangan kerajaan negeri, serta mengadakan akaun berasingan untuk hasil daripada sumber Islam (halal) dan sumber yang bukan Islam (haram) (Nik Abdul Aziz, 1996a:62).

Selain itu sistem gadaian konvensional yang mengandungi amalan riba dan eksploitasi juga ditamatkan oleh Nik Aziz. Sebagai alternatif, ar-Rahn ditubuhkan pada 12 Mac 1992 dan merupakan Sistem Gadaian Islam yang pertama di Malaysia. Melalui kewujudan sistem ar-Rahn ini, mulai 1995 kerajaan Kelantan membatalkan semua lesen premis pajak gadai yang menggunakan sistem riba. Oleh itu pengusaha pajak gadai yang mahu meneruskan perniagaan mereka hendaklah mengikut model ar-Rahn, walaupun mereka daripada golongan bukan Islam.

Reformasi Tanah

Bagi mengatasi masalah 'kelaparan' tanah, kerajaan Kelantan mengisytiharkan sesiapa sahaja rakyat negeri yang layak dan berhak akan dipertimbangkan. Untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pemberian hak milik tanah, kerajaan menurunkan kuasa kepada Pegawai Jajahan untuk meluluskan pembukaan tanah yang kurang daripada sepuluh (10) ekar.

Begitu juga Pegawai Pentadbir Tanah Jajahan diberi kuasa meluluskan tanah untuk tanah-tanah pertanian yang tidak melebihi empat hektar (Buletin, Okt. 1993). Hasilnya, sejak tahun 1990 kerajaan Kelantan telah berjaya menyelesaikan lebih 36,000 permohonan lot tanah daripada 74,000 permohonan tertunggak.

Kerajaan juga menurunkan kadar premium tanah dari RM4,000 kepada RM2,000 seekar dan boleh dibayar secara beransur-ansur dalam tempoh setahun. Ini merupakan kejayaan yang bersejarah dalam pelaksanaan keadilan

dan kecekapan pentadbiran bagi mengendalikan sebegitu banyak permohonan dan mengandungi banyak juga masalah. Pemberian kuasa melulus hak milik tanah dari wakil rakyat kepada Ketua Jajahan telah memberi kesan yang positif dari segi pentadbiran dan kepada rakyat.

Apabila PAS memerintah Kelantan, kerajaan Pusat membekukan pemberian subsidi baja kepada petani-petani Kelantan. Bagi mengatasi masalah ini serta untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara, kerajaan negeri telah mengeluarkan baja padi sendiri. Untuk ini kerajaan membelanjakan RM2.5 juta setahun semata-mata untuk penanaman padi. Pemberian baja ini adalah menyeluruh kepada semua petani tanpa diskriminasi sebagaimana yang dilakukan sebelumnya.

Memurnikan budaya dan mewujudkan kehidupan bermoral

Dalam usaha memurnikan budaya, Nik Aziz mengharamkan segala kegiatan budaya yang bercanggah dengan ajaran Islam dan membawa keasyikan. Ini termasuklah kebudayaan tradisi dan moden seperti wayang kulit, makyong, menora, konsert rock, konsert nyanyian, karaoke, disko dan kelab malam, snooker, billiard dan pusat permainan video.

Sementara dikir barat pula yang membabitkan tukang karut (penyanyi) perempuan dan seni kata lucu. Dikir barat yang tidak lucu dan tidak melibatkan wanita dibenarkan. Sebagai langkah susulan, Nik Aziz cuba mendekatkan golongan ini dengan institusi agama seperti masjid dan sebagainya.

Satu masalah yang timbul ialah permainan wayang kulit, makyong dan menora menjadi permainan rakyat yang 'wajib' dipertontonkan pada hari "puja umur raja" (keputeraan Sultan) setiap tahun. Jadi untuk menyelamatkan rakyat dan raja daripada maksiat, Nik Aziz menukar program tersebut kepada upacara melawat pondok. Melalui cara ini, selain dapat bergaul dengan alim ulama ia juga dapat menginsafkan sultan kepada keperluan untuk mendalami agama (Utusan Malaysia, 20 Dis 1991).

Nik Aziz juga telah mengetatkan penjualan arak mulai 1 Januari 1993. Di bawah peraturan baru ini semua jenis arak dilarang diminum di tempat awam dan terbuka, sama ada di hotel mahupun di restoran. Walau bagaimanapun orang bukan Islam dibenarkan meminumnya di rumah atau di majlis-majlis perkahwinan, hari jadi dan upacara keagamaan, atau di kawasan tertutup (Utusan Malaysia, 22 Julai 1993).

Untuk mendidik dan mengalihkan perhatian golongan remaja dari hiburan di atas, kerajaan negeri menggantikannya dengan program Minggu Sembahyang. Program yang dilancarkan pada November 1995 dan diletak di bawah tanggungjawab Unit Halaqat dan Bahagian Dakwah ini bukan saja sekadar untuk bersolat, tetapi juga memberi perhatian kepada falsafah solat.

Ini termasuklah seperti menjaga waktu solat, kebersihan, mendekati masjid dan memahami apa yang dibaca dalam

solat. Mengikuti Nik Aziz, ketidakberkesanan 'sembahyang' orang Melayu ialah kerana mereka tidak faham apa yang dibaca, sama ada dalam sembahyang, doa dan sebagainya (Nik Abdul Aziz, 1996b).

Untuk memartabatkan amalan Islam dalam budaya, Nik Aziz berusaha memurnikan institusi yang tercemar dengan budaya barat. Misalnya industri pelancongan dan imej hotel di kalangan masyarakat.

Menurut Nik Aziz, industri pelancongan mestilah didedahkan untuk memerhati kebesaran Allah dan tanda-tanda kekuasaan-Nya, sama ada dalam bentuk keindahan alam, perbezaan muka bumi dan iklim mahupun kelainan budaya rakyat. Nik Aziz cuba menghapuskan imej negatif ini di Kelantan apabila beliau mahu menjadikan hotel sebagai tempat yang harmoni dan aman-damai bagi mereka yang memerlukannya.

Oleh itu hotel hendaklah bebas daripada segala maksiat dan cara hidup orang yang tidak beriman. Hasrat Nik Aziz ialah menjadikan hotel sebagai pengganti kepada rumah sendiri di waktu kita bermusafir. Matlamat akhir ialah supaya pengurusan hotel tidak dapat lari dari terikat dengan perintah dan amanah Allah.

Untuk membuktikan bahawa sesebuah hotel boleh maju walaupun tanpa maksiat, Kerajaan Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad telah menubuhkan Hotel Ansar.

Selain itu Nik Aziz juga mengambil beberapa langkah untuk mempromosi pelancongan agama (religious tourism) di Kelantan. Antaranya ialah mencipta suasana keislaman seolah-olah seperti yang wujud di tanah suci Mekah dan Madinah. Ini dilakukan dengan cara menghidupkan bulan Ramadan dengan ibadat-ibadat berzikir, tarawih dan ceramah agama.

Para pelancong diraikan sebagai tetamu apabila mereka disediakan juadah untuk berbuka puasa dan bersahur secara percuma di sepanjang Ramadan. Pelancong hanya perlu mengeluarkan kos bagi membiayai tempat menginap sahaja. Kerja-kerja ini melibatkan semua pihak termasuk kerajaan, imam, Majlis Agama, Jabatan Hal Ehwal Islam hinggalah kepada peniaga pasar malam (Nik Abdul Aziz, 1995b:27).

Memartabatkan Wanita

Pelbagai perubahan ke arah memartabatkan wanita dilakukan oleh kerajaan negeri. Antaranya termasuklah mengadakan kempen kesedaran menutup aurat dan kod pakaian sopan bagi pekerja wanita Islam dan bukan Islam; kaunter berasingan bagi pelanggan lelaki dan wanita di pasar raya; menambahkan cuti bersalin kepada kakitangan wanita kerajaan negeri; melarang peserta wanita mengambil bahagian dalam tilawah al-Quran; mengharamkan iklan yang mempamerkan wanita yang tidak menutup aurat; dan melarang salon-salon uniseks.

IMPLIKASI REFORMASI PENTADBIRAN

Kini timbul persoalan, adakah pembaharuan pentadbiran yang dilakukan Nik Aziz turut mempengaruhi pem-



angunan sosio-ekonomi negeri Kelantan? Persoalan ini penting kerana kegagalan sesuatu program seringkali dikaitkan dengan pelaksanaan sesuatu peraturan Islam (Islamic regulations) tertentu. Untuk menjawab persoalan ini, beberapa petunjuk sosio-ekonomi telah dipilih bagi mengukur kesan pemerintahan pimpinan Nik Aziz terhadap pembangunan sosio-ekonomi Kelantan.

Kelantan terkenal dengan industri balak, dan memiliki keluasan 940,000 hektar. Tahun 1979 konsesi balak seluas 92,000 hektar telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk dimajukan oleh Kompleks Perakayuan Kelantan Sdn Bhd atas dasar pajakan selama 30 tahun. Sebagai langkah pembaharuan, kerajaan pimpinan Nik Aziz memperkenalkan sisem tender terbuka sebagai ganti sistem tender anugerah yang diamalkan kerajaan BN.

Kesannya ia membawa hasil yang lebih positif. Misalnya dari tahun 1991 hingga September 1994, sebanyak 127 lesen pembalakan telah dikeluarkan meliputi kawasan seluas 21,881 hektar. Bagi tempoh 1995-1997 pula sebanyak 485 lesen membalak dikeluarkan, meliputi 60,751 hektar.

Jadual 1.
Hasil hutan sewaktu di bawah BN dan PAS, 1981-1998

Tahun BN	Hasil RM Juta	Tahun PAS	Hasil RM Juta
1981	21,712,024	1990	43,738,810
1982	26,151,363	1991	44,946,771
1983	29,242,238	1992	49,556,257
1984	29,978,501	1993	85,594,877
1985	23,871,082	1994	93,678,420
1986	30,128,636	1995	102,960,231
1987	33,132,513	1996	69,980,373
1988	37,596,974	1997	59,448,935
1989	42,868,770	1998	42,927,688
Jumlah	278,500,101	Jumlah	592,832,362

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1998

Sejak Kerajaan pimpinan Nik Aziz mengambil alih kerajaan negeri, pendapatan daripada hasil balak meningkat malah mencapai titik tertinggi, berjumlah RM102,960,231 pada tahun 1995. Jika dibandingkan purata tahunan hasil balak yang diperolehi pada era kepimpinan sebelumnya



Pantai Irama, Bachok



Pantai Cahaya Bulan

dan Nik Aziz, jelas menunjukkan perbezaan yang ketara. Semasa Kelantan di bawah BN (1981-1989) hasil balak berjumlah RM31 juta. Dalam tempoh yang sama di bawah pemerintahan PAS (1991-1998), hasilnya meningkat dua kali ganda iaitu berjumlah RM61 juta. Pertambahan ini mungkin disebabkan oleh kejayaan dasar baru ekonomi PAS berkaitan industri balak.

Begitu juga halnya dengan bidang pelancongan. Negeri yang dinobatkan sebagai antara lapan bandar destinasi pelancongan terpenting dunia 1993, Kelantan memang menjadi tumpuan pelancong asing (Mohd. Hafiz, 2006:43).

Walau bagaimanapun, mulai tahun 1991 kerajaan pimpinan Nik Aziz memperkenalkan beberapa peraturan Islam. Mengikuti pengkritik-pengkritik Nik Aziz, peraturan ini akan mengurangkan kemasukan pelancong asing ke Kelantan. Sebenarnya dakwaan itu tidak tepat, malah sebaliknya yang berlaku.

Jadual 2.
Industri Pelancongan Negeri Kelantan 1984-1998

Tahun	Pelancong Tempatan	Pelancong Antarabangsa	Jumlah	Hasil RM
1984	201,135	22,182	223,317	N/A
1985	220,012	27,000	247,012	N/A
1986	224,816	29,240	254,056	N/A
1987	286,213	32,633	318,846	38,819,500
1988	344,106	44,509	388,615	156,864,440
1989	412,782	78,843	491,625	272,851,870
1990	557,255	126,148	683,403	329,246,030
1991	816,479	155,250	971,729	443,519,766
1992	837,315	253,367	1,090,682	375,468,472
1993	915,437	282,929	1,198,366	463,858,507
1994	1,025,799	284,525	1,310,324	473,468,472
1995	1,209,170	391,873	1,601,043	532,291,198
1996	1,668,155	357,797	2,025,952	543,055,973
1997	1,886,508	384,005	2,270,513	684,676,604
1998	2,203,840	426,598	2,630,438	767,255,140

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1998

Jadual 2 menunjukkan jumlah kemasukan pelancong ke Kelantan bertambah setiap tahun walaupun selepas kerajaan negeri bertukar tangan kepada PAS (1990). Hal yang sama berlaku dalam penggal kedua pemerintahan Nik Aziz (1995-1999), iaitu peningkatan berterusan kemasukan pelancong ke Kelantan.

Ini dapat dilihat pada jumlah kemasukan pelancong seramai 1,601,043 orang pada tahun 1995; 2,025,952 (1996); 2,270,513 (1997); dan 2,630,438 (1998). Kemasukan pelancong pada era pemerintahan BN di Kelantan pula ialah 247,012 pada tahun 1985; 254,056 (1986); 318,846 (1987); 388,615 (1988); dan 491,625 pada tahun 1989.

Data-data ini menunjukkan jumlah pelancong yang melawat Kelantan jauh lebih tinggi pada era pemerintahan Nik Aziz berbanding dengan era pemerintahan BN. Data-data ini juga membuktikan bahawa dasar Islam pimpinan Nik Aziz tidak mendatangkan kesan negatif terhadap industri pelancongan, malah sebaliknya berlaku pertambahan bilangan pelancong secara mendadak. Begitu juga pertambahan hasil pelancongan.

Untuk menambah hasil perolehan dari perhutanan dan industri pelancongan, kerajaan di bawah pimpinan PAS mengikuti dasar kewangan konservatif bagi memelihara sumber ekonominya. Pemimpin negeri telah memperkenalkan satu model kewangan konservatif pada paras personal dan menggalakkan yang lain mencontohnya.

Tambahan, kerajaan negeri memperkenalkan program seperti Tabung Serambi Mekah dan projek at-ta'awun yang menggabungkan penjimatan wang negeri sambil memperbaiki persaudaraan antara orang-orang Islam. Daripada sumber ekonomi yang diperolehi melalui hasil balak dan pelancongan inilah digunakan untuk membayar balik hutang yang diwarisi oleh negeri dari pemerintahan BN yang lalu.



Kemudahan bekalan air paip di kampung

Jadual 3.
Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kelantan
sewaktu di bawah pimpinan BN, 1978-1990

Tahun	Pinjaman RM	Tahun	Pinjaman
1978	20,877,488	1985	74,022,768
1979	47,336,524	1986	33,900,397
1980	140,990,195	1987	28,741,719
1981	31,633,986	1988	14,528,186
1982	90,436,704	1989	5,179,166
1983	80,057,564	1990	4,208,078
1984	56,466,196	1991-1999	-
Total: 628,378,921			

Sumber: Perubahan-Perubahan di Kelantan di Bawah Pimpinan Ulama. Urusetia Penerangan Negeri Kelantan, 1999, Lampiran ii

Jadual 3 dan 4 menunjukkan bahawa walaupun negeri terpaksa mewarisi beban hutang lebih RM600 juta dan dinafikan pinjaman oleh Kerajaan Pusat, namun kerajaan Kelantan berjaya membayar sebanyak 20 peratus atau RM127juta daripada hutangnya.

Jadual 4.
Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan oleh
Kerajaan Kelantan pimpinan PAS, 1990-1998

Tahun	Pembayaran	Tahun	Pembayaran
1990	2,487,858	1995	16,716,298
1991	8,397,784	1996	18,313,885
1992	735,139	1997	18,194,793
1993	2,791,819	1998	25,526,293
1994	33,830,563	1999	T/D
Total: 126,994,432			

Sumber: Perubahan-Perubahan di Kelantan di Bawah Pimpinan Ulama. Urusetia Penerangan Negeri Kelantan, 1999, Lampiran ii

Apa yang lebih menarik ialah negeri Kelantan merupakan satu-satunya kerajaan negeri yang telah membayar penuh bayaran tahunan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Jadual 5.
Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kelantan
sewaktu di bawah pimpinan BN, 1978-1990

% Penduduk Mendapat Bekalan Air Paip				
1980	1985	1990	1995	1999
28.4	32.8	50.3	65.7	70.0
Kenderaan Berdaftar per 100				
1980	1985	1990	1995	2000
99	165	162	180	212
Kadar Pengangguran %				
1980	1985	1990	1995	2000
7.4	8.1	5.9	3.4	3.4

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000; Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005

Jika ditinjau dari segi kualiti hidup terutama berkaitan dengan kemudahan bekalan air paip, pemilikan kenderaan dan kadar pengangguran, terlihat bahawa wujud perubahan yang amat ketara dalam era pemerintahan pimpinan Nik Aziz. Jadual 5 menunjukkan pada tahun 1980, hanya 28 peratus penduduk menerima kemudahan air paip.

Peratusan ini kemudiannya meningkat hingga tahun 1990 di mana separuh daripada penduduk menerima bekalan air paip. Dalam tahun 1999, dua pertiga daripada penduduk telah dibekalkan air paip (Ghanim, 2002:97).

Begitu juga dengan sektor pengangkutan, yang memperlihatkan peningkatan pada era pemerintahan Nik Aziz. Walaupun pada tahun 1990 menunjukkan sedikit



Kawasan penanaman padi di Tunjong

menurun jumlah kenderaan, namun ia mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 1995 hingga 2000. Ini menunjukkan wujud peningkatan kemakmuran ekonomi, walaupun berlaku pertukaran kerajaan daripada BN kepada PAS (Ghanim, 2002:97).

Berhubung dengan pengangguran, data menunjukkan bahawa peratusnya lebih tinggi semasa kerajaan BN berbanding di bawah pemerintahan PAS, terutama dari 1980-1985. Bagaimanapun, kadar pengangguran berkurangan daripada 5.9% kepada 4.5% di antara tahun 1990 dan 1995 (Ghanim, 2002:97).

Secara keseluruhannya, angka-angka indikator sosio-ekonomi di atas menunjukkan bahawa rekod pencapaian kerajaan pimpinan Nik Aziz berbanding kerajaan BN di Kelantan adalah sungguh mengagumkan, terutama berkaitan pengurusan ekonomi negeri. Kerajaan pimpinan Nik Aziz lebih berjaya dalam menguruskan industri kayu dan keberkesannya membayar balik hutang kerajaan negeri. Tambahan, mereka menyediakan satu jalan alternatif pembangunan yang berbeza dengan kerajaan Pusat.

PENUTUP

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa Nik Aziz selain berperanan sebagai seorang ulama, beliau juga seorang ekonomis yang pragmatik dari segi penggubalan dasar belanjawan dan pembangunan negeri. Pendekatan pentadbiran Kerajaan Angkatan yang diterajunya dalam menangani masalah pembangunan ekonomi tidak hanya mengambil kira semata-mata pertumbuhan fizikal ekonomi itu tetapi juga memberi keutamaan kepada kesejahteraan dimensi kemanusiaan.


Falsafah pembangunan yang dikemukakannya merupakan satu model pembangunan yang berbeza dengan model kapitalis yang diamalkan oleh kerajaan selama ini. Pendekatan yang dikenali sebagai pelaburan dalam manusia (investment in man approach) ini memperlihatkan betapa pentingnya peranan modal insan (human capital)

dalam proses pembangunan ekonomi, dan ia dapat menyelesaikan kontradiksi dalaman sebagaimana yang dialami oleh sistem ekonomi kapitalis moden.

RUJUKAN

- Ahmad, Khursid. (1965). "The future of secularism in the Muslim world," World Muslim League," Vol.2 :12-13.
- Biron, M.P. (1997). Economic development in the Third World. 5th. Ed. New York: Longman.
- Gerald, M. (1964). Leading issues in economic development. London: Oxford University Press.
- Al-Ghanim, Abdullah.(2002). Religious movement and economic and social development: Islamic government experience in Kelantanese state, Malaysia, Tesis Ph.D, Universiti Illinois.
- Mohammad Hafiz Mat Tajudin. (2006). "Kota Bharu bandar raya Islam," Cermin 90, Januari, hlm.43.
- Muhamad Husain. (1996). Perubahan dan Cabaran Kerajaan Angkatan Di Kelantan. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (1995a). Kelantan: Universiti Politik Terbuka. Kota Bharu: Maahad ad-Dakwah wal-Imamah.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (1995b). Islam Boleh. Kota Bharu: Maahad ad-Dakwah wal-Imamah.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (1996a). Tafsir Surah Hud. Kota Bharu: Maahad ad-Dakwah wal-Imamah.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (1996b). Perutusan Menteri Besar sempena bulan Ramadhan bulan melawat, Kelantan. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.
- Tarmizi Mohd Jan. (1991). Kelantan, cabaran dan visi: mampukah ulama mentadbir. Kuala Lumpur: G.G.Edar.
- Yusri Yusoff. (1995). Kelantan penentu agenda politik Malaysia. Kuala Lumpur: Daisini Communications.

Kertas ini (sebahagian daripada tesis Ph.D penulis bertajuk "Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, 1964-2004") pernah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV 2011, di Hotel Renaissance, Kota Bharu, 25-26 November 2011.



TERIMA KASIH TOK GURU

Oleh Atiff Zayyad Idris & Asqolani M

“TOK Guru seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Beliau menjadi panduan dan ikon kepada rakyat Kelantan. Tanpa mengira usia, kecil besar, tua dan muda kenal siapa Tok Guru. “Tidak ada Menteri Besar lain yang berserban dan berjubah. Saya rasa inilah antara faktor utama menyebabkan Tok Guru dikenali ramai”.

“Lagi pun Tok Guru seorang pemimpin yang suka merendah diri, jauh berbeza berbanding pemimpin parti lawan. Baru bergelar pemimpin pun sudah menonjolkan diri dengan segala kemewahan,” kata Arizan Arifin, 50, pengusaha kedai makan di Pangkalan Haji Ali, Bachok.

Jarang orang tidak mengenali siapa Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Biar pun susuk tubuhnya kecil, namun idea dan hujahnya sentiasa mendapat perhatian ramai. Kadang-kadang idea yang jarang difikir orang lain, keluar dari mulutnya.



Arizan Ariffin



Lim Guan Seng



**Mohd Nasiruddin
Ab Rahman**

Tidak seperti warga emas lain yang seangkatan dengannya. Bagi kebanyakan orang berusia lebih 80 tahun, lebih banyak terperap di rumah. Lebih-lebih lagi mahu bercerita soal perjuangan dan isu semasa yang berlaku setiap hari.

Namun kelibat Tok Guru Nik Aziz jauh berbeza, beliau sentiasa ditunggu dan dinanti. Idea dan pandangannya sering membuat pihak lawan tidak senang hati. Ilmu agamanya memenuhi ruang dada. Amalan agama tidak pernah surut sejak muda sehingga sekarang. Ketika orang lain sedang dibuai mimpi, Tok Guru masih bertelepek di atas sejadah.

Razali Muhamad, 58 dari Rantau Panjang secara jujur mengakui itulah kelebihan yang ada pada Tok Guru. Kata beliau jarang keistimewaan itu

ada di sisi orang lain. Situasi seperti itu bukan menjadi perkara asing bagi rakyat Kelantan.

“Kewarakan dan sifat istiqamah dirinya memberi nilai berganda selepas Tok Guru dilantik sebagai Menteri Besar pada Oktober 1990,” katanya yang bekerja sendiri. Ulama tersohor itu sudah dikenali sebagai Tok Guru sebelum menerajui kerajaan di Kota Darulnaim. Panggilan tersebut sudah lama sinonim dengan dirinya. Semua lapisan masyarakat mengenalinya sebagai Tok Guru.

Biar pun ada gelaran Dato’ Bentara Setia yang dianugerah Sultan Muhammad V, namun panggilan Tok Guru ternyata lebih serasi dengannya. “Setiap hujahnya sentiasa disusuli dengan ayat-ayat al-Quran dan Hadis.

Malah setiap muqadimah ucapannya di mana sahaja dimulakan dengan ayat-ayat al-Quran. Begitu juga ketika mengadakan perjumpaan dengan orang bukan Islam, ayat-ayat al-Quran menjadi mukaddimah (pembuka kata).”

Lim Guan Seng dari Kota Bharu mengakui semakin banyak pengetahuannya mengenai Islam selepas sering mendengar kuliah dan ceramah Tok Guru.

“Saya pelik sungguh kalau orang lain bercakap mengenai Islam, saya rasa tidak ramai orang bukan Islam boleh faham. Namun kalau Tok Guru Nik Aziz bercakap ada orang Tionghua

yang sebelum ini marah kepada PAS pun sedia mendengarnya.

“Pernah rombongan masyarakat Cina dari Perak datang mendengar kuliah agama di Medan Ilmu bersama orang Islam ketika Tok Guru Nik Aziz mengajar. Mereka tu ada yang pakai seluar pendek, duduk bersila di atas jalan di bawah terik matahari,” ujarnya.

Seorang pemuda kurang upaya, Roslan Ismail dari Pulau Seratus, Tumpat meluahkan rasa sedih selepas mendapat tahu Tok Guru tidak lagi meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar.

Biar pun beliau sukar berjalan seperti orang dewasa lain, namun pernah beberapa kali bersua muka dengan Tok Guru Nik Abdul Aziz ketika datang melawat Pulau Seratus.

“Air mukanya jernih sekali. Apabila Tok Guru mengusap kepala saya, perasaan saya tiba-tiba hiba dan tidak dapat menahan lelehan air mata.

“Seorang tokoh yang mengetuai kerajaan negeri boleh duduk bersama rakyat tanpa sebarang protokol. Kalau menteri lain usah harap penduduk kampung seperti saya boleh mendekatinya,” katanya.

Tok Guru pernah datang ke Pulau Seratus dan Teluk Renjuna merasmikan sebuah jambatan yang dibina kerajaan negeri ketika masih menerajui kerajaan negeri.

Roslan juga berhujah kepimpinan Tok Guru membolehkan seluruh rakyat menikmati banyak manfaat daripada program berkebakikan yang di-cetusnya.

Misalnya Skim Takaful Kifaalah warga emas berusia 60 tahun ke atas, Takaful Armalah, skim Gerbang az-Ziwaaj (bantuan perkahwinan) dan al-Ita’am (beras percuma) ternyata banyak memberi manfaat kepada rakyat.

Roslan dengan penuh perasaan merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Tok Guru di atas pelbagai perubahan dan pembaharuan dilakukan.

Mohd Nasiruddin Abd Rahman, 28, dari Bachok berkata, Tok Guru merupakan idola pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

"Beliau sentiasa memperlihatkan keadilan, tidak sombong, serta menganggap seluruh rakyat Kelantan sebagai rakyatnya tanpa mengira kaum dan fahaman politik," ujarnya.

Menurutnya beliau mengenali Tok Guru sejak zaman kanak-kanak lagi. Ketika beliau berusia lima tahun Tok Guru baru dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan.

Katanya, ketika beliau tidak tahu apa-apa tentang politik dan kerajaan, orang ramai ketika itu sudah bercakap tentang kehebatan Tok Guru sebagai seorang ketua kerajaan dan ulama tersohor.

"Di Malaysia tidak ramai ulama atau lulusan agama yang dilantik sebagai Menteri Besar. Kalau ada pun mereka tidak beramal sebagaimana dikehendaki agama.



Mohd Junaidi Jusoh



Azmi Yaacob

"Tengok Tun Abdullah Ahmad Badawi juga lulusan agama daripada universiti, namun tidak ada tarikan langsung amalan agama pada dirinya. Keluarga sendiri pun tidak memperlihatkan suasana tarbiah Islam.

"Sedangkan Tok Guru menggunakan sepenuh ilmu yang ada untuk mentarbiahkan rakyat dan keluarga dengan kehidupan beragama. Malah amalan itu juga diterap dalam pentadbiran kerajaan negeri," katanya yang tinggal di Kampung Kelerek, Bachok.

Beliau turut mendoakan Tok Guru sentiasa diberi kesihatan yang baik untuk terus berdakwah dalam bidang agama dan politik.

Mohd Junaidy Jusoh, 29, pula kagum dengan Tok Guru sepanjang 23 tahun menghadapi pelbagai dugaan dan halangan ketika memimpin kerajaan Kelantan.

"Beliau tidak mudah tunduk dan berputus asa menghadapi apa sahaja situasi. Serangan politik bertali arus pihak lawan yang menuduhnya dengan pelbagai fitnah sengaja direka-reka untuk melemahkan Tok Guru.

"Sebaliknya segala tohmahan itu dijawab berpandukan ajaran agama sehingga pihak lawan kelu seribu bahasa. Falsafah dan mantik politik Tok Guru begitu tinggi sehingga ramai tidak memahami pada awalnya," ujar anak jati Beris Kubur Besar. Beliau menganggap Tok Guru ikon pemimpin dunia Islam yang digeruni lawan dan dikasihi rakyat.

Seorang guru dari Gua Musang, Mohd Hussin Ibrahim berkata, orang ramai mengakui aura Tok Guru begitu hebat, sehingga setiap ceramah, tazkirah dan kuliah disampaikan sentiasa mendapat sambutan luar biasa.

"Tok Guru sentiasa menekankan kehidupan selepas mati, soal dosa dan pahala sentiasa tidak lekang daripada mulut.

"Jarang berlaku seorang ketua kerajaan sering mengingati rakyat dengan perkara-perkara dosa dan pahala biar pun ada dalam kalangan mereka mendapat pendidikan dalam bidang agama," tambahnya.

Azmi Yaacob 50, seorang nelayan di Kuala Kandis, Bachok menyifatkan Tok Guru sebagai seorang 'arkitek sejati' kerana tidak jemu-jemu turun padang berjumpa rakyat walaupun dalam keadaan tidak sihat.

"Kami nelayan Kuala Kandis berterima kasih kepada Tok Guru kerana telah banyak menyedarkan rakyat tentang Islam dengan merealisasikan dasar Islam di Kelantan sejak tahun 1990.

"Biar pun berdakwah, kerajaan negeri juga tidak lupa tanggungjawab membangunkan Kelantan dengan pelbagai infrastruktur seperti juga di negeri-negeri lain," katanya.

Azmi juga memberitahu, beliau begitu kagum melihat kesederhanaan yang ada pada Tok Guru di mana sentiasa berjubah dan berbaju Melayu, biar pun kedudukan sebagai Menteri Besar.

Seorang usahawan muda dari Beris Kubur Besar, Mohamad Syakir Mohamad Nor, 29, tidak ketinggalan merakam ucapan terima kasih kepada Tok Guru kerana memimpin rakyat Kelantan kepada Islam.

Katanya, banyak amalan mungkar dan maksiat yang berleluasa di zaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional telah dibersihkan dengan menguatkuasa peraturan mengikut kehendak agama.

"Seluruh rakyat perlu bersyukur kerana mempunyai seorang pemimpin seperti Tok Guru. Sekarang sebuah legasi besar ke-pemimpinan ulama diteruskan pemimpin yang sekarang," katanya.



Omar Sulung



Pandak Panjang



Chia Chuan Lay



Mohamad Syakir

Pandak Panjang dari Kuala Betis, Gua Musang mengakui Tok Guru se-orang tokoh yang sukar dicari ganti.

“Beliau muncul di tengah-tengah kebangkitan Islam di seluruh dunia,” katanya.

Pesara polis, Mohd Zain Shafei dari Tanah Merah mengakui tiada tokoh besar seperti Tok Guru Nik Aziz di rantau nusantara sekarang.

Menurutnya, ramai orang bercakap tokoh seperti itu hanya datang seorang dalam tempoh sedekad.

Seorang pendakwah dari Jeli, Abdul Rahim Muhamad berkata, biar pun Kelantan didera kerajaan Pusat dalam tempoh begitu lama, namun Tok Guru berjaya mentadbir negeri ini tanpa sebarang masalah.

“Inilah sebenarnya dinamakan sebagai berkat. Kalau mengikut adat dan fikiran manusia sudah tentu kerajaan Kelantan sukar untuk meneruskan pentadbiran tanpa kerjasama kerajaan Pusat, namun ketentuan Allah tiada siapa tahu,” ujarinya.

Seorang peniaga di Pasar Besar Pasir Puteh, Ramli Hussin berkata, ketokohan yang ada pada Tok Guru sukar dicari ganti. Falsafahnya begitu tinggi dalam politik Islam.

Peniaga kain di Kuala Krai, Tarmizi Yusof berharap Tok Guru terus memainkan peranan bagi membantu kerajaan negeri biar pun bukan lagi sebagai ketua kerajaan sekarang.

Katanya, pengalaman yang ada pada Tok Guru selama 23 tahun memimpin Kelantan tidak pada orang lain.

“Peranan yang diberi kepada Tok Guru sebagai Mursyid di Institut Pemikiran Tok Guru tepat sekali bagi membolehkan beliau menggunakan ruang bagi mencurahkan pengalaman dan ilmunya secara berterusan kepada rakyat Kelantan,” tambahnya.

Pekerja binaan dari Pasir Mas, Riduan Jaafar berkata, rakyat Kelantan cukup bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang cukup dikenali di dunia Islam.

“Sebab itulah kalau orang kampung tahu Tok Guru hendak datang berceramah, mereka tidak akan melepaskan peluang datang mendengar kupasan isu semasa di samping mengajak tidak lupa mengingatkan soal dosa dan pahala,” katanya.

Aktivis masyarakat Cina di Kota Bharu, Chia Chuan Lay mengakui kaum Tionghua di seluruh negara kagum dengan sikap kesederhanaan yang ada pada Tok Guru. Malah katanya, mereka juga menganggap Tok Guru Nik Aziz juga sebagai sifu mereka.

Seorang warga emas dari Kuala Besut, Omar Sulung turut melahirkan rasa kagum di atas kepemimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz sehingga gerakan Islam semakin dikenali di seluruh dunia.

“Kalau Tok Guru datang berceramah di Kuala Besut, rumah pakcik tempat persinggahannya,” ujar beliau.

Malah ramai lagi yang ditemui meluahkan hujah serupa. Bagi mereka Tok Gurulah arkitek politik Islam yang berjaya meletakkan agama di mercu singgahsana. Islam bukan lagi hanya berlingkar di masjid, surau atau madrasah sebaliknya meresap dalam pentadbiran kerajaan.

Terima kasih Tok Guru, kata mereka.



Tuan Guru Nik Aziz

Pandangan Orang Bukan Islam

Oleh Ann Wan Seng



Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat mempunyai kedudukan yang istimewa bukan sahaja dalam politik Kelantan tetapi juga politik Malaysia. Pemikiran dan pandangan politiknya sering mendapat perhatian serta sorotan yang meluas daripada media massa. Kewibawaan dan kehebatannya dalam politik tidak dapat dipertikaikan.

Tuan Guru merupakan di antara ahli politik veteran yang dapat bertahan untuk tempoh masa yang lama. Beliau dihormati dan digeruni oleh kawan dan lawan. Ketokohan dan keilmuan sebagai seorang ulama tidak lagi disangsikan. Di sebalik perwatakan yang lembut, beliau tegas dengan keputusan dan pendiriannya.



Restoran Jin Man Low, Jalan Tok Guru

Kepimpinan Tuan Guru sebagai Menteri Besar Kelantan dan pemimpin utama PAS diterima oleh seluruh lapisan masyarakat, termasuk di kalangan orang bukan Islam. Mereka melihat Tuan Guru sebagai pemimpin yang sederhana dan mempunyai sikap yang terbuka apabila memperkatakan isu-isu yang melibatkan persoalan agama serta hubungan antara kaum.

Serban dan jubah yang dipakainya tidak menghalangnya daripada mendampingi masyarakat bukan Islam. Malahan sejak lebih dua dekad yang lalu, Tuan Guru telah berusaha untuk memecahkan tembok pemisah dan merapatkan jurang yang wujud di antara umat Islam dengan masyarakat non-muslim.

Begitu juga di antara PAS dengan DAP di mana Tuan Guru telah memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan kerjasama di antara kedua-dua parti itu dalam Pakatan Rakyat (PR).

Tuan Guru telah memecahkan tradisi dengan mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan sami-sami Buddha di Kelantan. Beliau juga menerima pelawaan masyarakat Cina dengan menghadiri jamuan sambutan Tahun Baru Cina yang turut menampilkan persembahan Tarian Singa dan acara kebudayaan yang lain.


Sikap Tuan Guru yang mudah mesra dengan orang bukan Islam dan menghormati amalan agama serta budaya masyarakat lain telah berjaya membetulkan persepsi buruk masyarakat non-muslim terhadap Islam.

Orang bukan Islam melihat Tuan Guru sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat dan tokoh Islam yang progresif. Kebimbangan bahawa masyarakat non-muslim akan hidup tertindas dan dinafikan haknya apabila PAS memerintah Kelantan pada tahun 1990 ternyata tidak berlaku. Tuan Guru telah memaparkan ciri-ciri kepimpinan dan pemerintahan Islam yang sebenarnya berlandaskan prinsip keadilan.

Walaupun penjualan arak secara terbuka diharamkan di Kelantan tetapi masyarakat non-muslim tidak dilarang daripada meminumnya dalam batasan premis tertentu. Manakala daging babi pula dibenarkan dijual di tempat-tempat yang dikhususkan untuk masyarakat non-muslim.

Begitu juga dengan rumah-rumah ibadat bukan Islam, dibiarkan terus beroperasi tanpa sebarang gangguan. Malahan di Tumpat, terbina tiga patung Buddha gergasi dengan salah satunya yang terbesar di dunia. Sikap menghormati agama lain yang ditunjukkan oleh Tuan Guru telah membuka dan mengubah pandangan mereka terhadap kepimpinan ulama dalam PAS, dan konsep Membangun Bersama Islam yang dilaksanakan di Kelantan.

Sikap toleransi dan kompromi Tuan Guru dibuktikan melalui pembinaan masjid yang mempunyai seni bina Cina. Masjid yang terletak di Rantau Panjang itu, yang juga



Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang



Kaum Cina turut berminat mendengar ceramah Tuan Guru

dikenali sebagai Masjid Beijing, tidak setakat menjadi daya tarikan kepada para pelancong dan pengunjung yang datang ke Kelantan tetapi menjadi wadah untuk berdakwah, dengan menjadikan asimilasi budaya sebagai elemen utamanya.

Penggunaan warna merah dan hijau pada bahagian bumbung masjid itu secara simbolik menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang bersifat sejagat. Reka bentuk masjid itu yang secara jelas memaparkan seni bina Cina menunjukkan bahawa Islam boleh menerima budaya lain yang tidak bercanggah dengan prinsip ajarannya.



Langkah yang diambil oleh Tuan Guru itu disifatkan oleh kebanyakan pemerhati politik sebagai sesuatu yang berani, yang mungkin tidak akan dilakukan oleh pemimpin Islam yang lain. Tindakan itu membuktikan bahawa Tuan Guru mempunyai pandangan yang jauh, untuk melihat

masyarakat berbilang kaum dapat hidup dengan harmoni di dalam negara ini.

Beliau tidak pernah menjadikan perbezaan sebagai penghalang untuk mendekati masyarakat non-muslim. Beliau berusaha mencari titik persamaan yang menghubungkan orang Islam dengan non-muslim, dan begitu juga sebaliknya.

Tindakan dan sikap Tuan Guru telah berjaya menarik orang bukan Islam datang ke Kelantan untuk melihat model pembangunan Islam yang dilaksanakan oleh beliau. Tuan Guru mengajak media massa Cina berkunjung ke Kelantan dan membuat penilaian sendiri sama ada betul atau tidak negeri itu mundur, miskin dan langsung tidak ada kemajuan. Kesannya cukup besar sekali.

Tuan Guru menjadi popular di kalangan masyarakat non-muslim, khususnya orang Cina yang melihat beliau sebagai seorang pemimpin yang baik, jujur dan benar.



Tuan Guru juga dilihat sebagai pemimpin yang bersih dan bebas rasuah, dengan cara hidup yang amat mudah. Semua itu menjadi faktor penarik kepada masyarakat non-muslim untuk menerima Tuan Guru sebagai pemimpin Islam yang boleh diterima di negara ini. Tuan Guru mempunyai ramai peminat di kalangan orang bukan Islam, yang ada di antaranya mengikut kuliah Jumaat dan ceramah yang disampaikan oleh beliau di seluruh negara. Ada yang menjadi pengikut tegar kepada Tuan Guru. Pegangan agama tidak menjadi batasannya.

Peningkatan sokongan masyarakat non-muslim kepada parti PAS dalam beberapa siri Pilihan Raya Umum yang lepas adalah disebabkan oleh faktor Tuan Guru. Tuan Guru boleh diterima oleh orang bukan Islam kerana beliau tidak pernah membelakangkan masyarakat itu.

Beliau sentiasa memberikan keutamaan kepada perkara yang melibatkan kepentingan orang bukan Islam. Keikhlasan dan kejujurannya, di samping stail kepemimpinannya yang bersahaja, merupakan faktor yang memikat hati orang bukan Islam untuk menyokongnya sekaligus memberikan undi kepada PAS sebagai parti Islam di negara ini.

Tuan Guru merupakan antara pemimpin yang bertanggungjawab menghapuskan perasaan fobia orang bukan Islam terhadap PAS. Masyarakat non-muslim berasa selesa dengan Tuan Guru. Mereka juga menaruh harapan yang tinggi agar pemimpin-pemimpin lain dapat

mengikut jejak langkah Tuan Guru dan meneruskan gaya kepimpinannya.

Orang bukan Islam menghormati Tuan Guru sebagai ulama. Bagi mereka Tuan Guru adalah seorang yang alim dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang agama. Pada masyarakat non-muslim, Islam merupakan agama yang baik, dan Tuan Guru telah berjaya menterjemahkan Islam dengan baik kepada mereka.

Penjelasan yang diberikan oleh Tuan Guru mudah difahami. Orang bukan Islam boleh menerima hujah-hujah Tuan Guru biarpun dalam persoalan yang berkaitan dengan hudud, negara Islam dan seumpamanya. Ini kerana Tuan Guru menggunakan bahasa yang mudah difahami dan contoh-contoh yang dekat dengan kehidupan masyarakat non-muslim.

Mereka menaruh harapan yang tinggi kepada Tuan Guru sebagai orang yang dapat menghubungkan orang Islam dengan bukan Islam. Mereka juga merasa bangga kalau dapat diasosiasikan sebagai "orang Tuan Guru". Bahkan menjadi satu penghormatan kalau dapat bertemu dengannya.

Tuan Guru suka berdampingan dengan masyarakat non-muslim. Beliau berasa gembira dan jarang menolak untuk bertemu dengan orang bukan Islam. Ini dengan sendiri menjelaskan kenapa orang bukan Islam suka dan hormat kepada Tuan Guru lebih daripada apa yang diberikan kepada pemimpin yang seketurunan dan seagama dengan mereka.



Che Datin: Srikandi di sisi Tok Guru

Oleh Salma Husain



Jarang orang tidak mengenalinya. Wanita kecil berkulit putih ini pernah menjadi insan penting di sebalik tabir jentera pentadbiran kerajaan Kelantan. Sering kali menemankan suaminya ketika keluar masuk kampung menemui rakyat.

Malah ketika lawatan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat ke luar negara, ada kalanya beliau juga turut serta. Suaminya menjadi pemimpin utama kerajaan Kelantan bermula 23 Oktober 1990.



Gambar keluarga Che Datin bersama 10 orang anaknya

Beliau merupakan seorang wanita yang santun dan tidak banyak bercakap. Mekar senyuman sentiasa menghiasi bibirnya. Penampilan Datin Hajah Tuan Sabariah Tuan Ishak nampak lebih menyerlah ketika mengatur langkah. Kelembutannya ketika berbicara membuatkan dirinya mudah didekati.

Tugas dan tanggungjawabnya sebagai isteri Menteri Besar menyebabkan beliau yang lebih mesra dengan panggilan Che Datin sering menjadi tumpuan ramai ketika berada di majlis rasmi kerajaan negeri atau parti. Hubungan mereka begitu mesra sekali. Malah ketika sambutan Hari Wanita peringkat negeri, Tok Guru Nik Abdul Aziz tidak segan menghadihkan bunga kepada isterinya yang tercinta.

Che Datin seorang mujahidah kesayangan mantan Menteri Besar Kelantan. Tugasnya amat berat begitu penting bagi membesarkan 10 orang anak mereka. Nik Aini, Nik Omar, Nik Adli, Nik Abdul Rahim, Nik Abduh, Nik Adilah, Nik Asri, Nik Amani, Nik Amalina dan Nik Asma Salsabila, di mana kesemuanya berjaya melanjutkan pengajian di peringkat universiti dan telah mempunyai keluarga sendiri.

Che Datin didik anak

Kesibukan tugas Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai ketua kerajaan dan Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia (PAS) membuatkan masa bersama anak-anak agak terhad. Che Datinlah tempat anak iaitu lima lelaki dan lima perempuan bermanja dan memadu kasih. Hari ini bilangan keluarga bahagia itu bertambah dengan kehadiran 60 orang cucu dan tiga orang cicit.

Che Datin berasal dari Kampung Panchor, Kemumin. Beliau merupakan anak keempat daripada enam adik-beradik. Mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah agama di bawah kendalian Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Setelah tamat darjah enam, Che Datin menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Na'im lilbanat, Kota Bharu.

Pernah bercita-cita untuk menyambung ke peringkat lebih tinggi, namun hasratnya itu terpaksa dipendamkan apabila beliau dijodohkan dengan Tok Guru Nik Abdul Aziz. Ketika itu beliau baru berusia 14 tahun dan mantan Menteri Besar pula berumur 31 tahun. Tok Guru ketika itu bertugas sebagai tenaga pengajar di kelas dewasa.

Che Datin menjadi suri rumah sepenuh masa. Tugas dan tanggungjawab sebagai isteri kepada seorang pejuang Islam bukan suatu perkara yang mudah. Peranan membesar dan mendidik anak-anak lebih terpikul di bahunya. Tugas itu dipikul dengan tabah seorang diri tanpa ada pembantu rumah.

Tok Guru pula sibuk dengan tugas sebagai pemimpin politik dan seorang dai'e. Siang dan malam berada di luar rumah. Tugasnya sebagai Mursyidul Am PAS membuatkan beliau sering kali diundang ke luar Kelantan.

Tugas dan peranan Tok Guru makin bertambah selepas dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Kelainan yang ditampil Tok Guru dengan berserban dan berbaju Melayu ketika datang ke pejabat membuatkan beliau mudah dikenali ramai.



Che Datin setia menemani suaminya



Setiap hari, awal pagi lagi beliau sudah berada di pejabat. Balik lewat petang. Malah acap kali tidak terus balik ke rumah kerana memenuhi undangan orang ramai bagi menghadiri ceramah atau kuliah agama. Itulah tugas dan rutin kehidupan harian Tok Guru sebagai seorang pemimpin dan tokoh agama.

Hambatan tugas sedemikian menyebabkan Che Datin menjadi tenaga utama bagi membesarkan anak-anak. Didikan agama yang diterap kepada anak-anak membolehkan mereka mewarisi ilmu agama yang diwarisi Tok Guru. Biar pun anak-anak di rumah perlu sentiasa mendapat belaian seorang ibu, namun ada ketikanya Che Datin terpaksa keluar rumah memenuhi undangan atau menemani Tok Guru.

Sebagai Pengerusi Persatuan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai Kanan Kerajaan Kelantan (PURNAMA), Che Datin juga menjelajah hampir ke seluruh Kelantan. Pada setiap Ramadhan, Che Datin mengetuai PURNAMA membungkus kuih-muih untuk disampaikan kepada anggota pasukan keselamatan yang bertugas pada Hari Raya Aidilfitri.

PURNAMA juga sering turun padang menziarahi rakyat dan menyampaikan bantuan kepada penduduk yang ditimpa musibah. "Susah senang rakyat dirasai bersama PURNAMA. Kami mengunjungi mereka yang ditimpa musibah atau kesusahan. Sebagai isteri pemimpin, kita kena turut prihatin," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Diari kehidupan

Hari ini semuanya itu tercatat kemas dalam diari kehidupannya. Sekarang tugas tersebut diambil alih orang lain, selepas Tok Guru berundur sebagai Menteri Besar. Ramai orang tertanya-tanya bagaimana keadaannya Che Datin sekarang selepas tidak lagi menjadi isteri kepada ketua kerajaan negeri.

Ketika ditemui di kediaman rasmi Menteri Besar di JKR 10, Che Datin mengakui walaupun tidak lagi menjadi isteri kepada Menteri Besar, namun kediamannya di Pulau Melaka sentiasa dikunjungi orang ramai.

"Selepas Tok Guru tidak lagi menjadi Menteri Besar, ramai pelancong serta penduduk tempatan datang ke rumah



untuk bertemu Tok Guru. Kehadiran begitu ramai tetamu sehingga ada yang datang dengan bas. Kalau ramai yang datang, pertemuan diadakan di masjid yang terletak bersebelahan dengan rumah. Kebiasaannya tetamu menggunakan ruang selepas solat fardhu untuk bertemu Tok Guru," ujarnya.

Menurutnya orang yang datang sekarang tidak lagi menghadapi masalah untuk bertemu mata dengan Tok Guru. Ini kerana setiap hari beliau berada di rumah kecuali jika keadaan kesihatannya tidak mengizinkan. "Kalau sebelum ini Tok Guru sukar ditemui di rumah kerana banyak berada di pejabat dan keluar berceramah di luar Kelantan, namun sekarang tidak lagi," ujarnya.

Bagaimanapun ujar Che Datin, tugas terhadap masyarakat tidak pernah surut biar pun tidak lagi bergelar isteri Menteri Besar. Majlis keraian, menziarahi rakyat sakit dan mengunjungi keluarga marhain tidak pernah terhenti. Lagi pun Tok Guru masih lagi wakil rakyat kawasan Dewan Undangan Negeri Chempaka. "Sebagai isteri kepada wakil rakyat dan Mursyidul Am PAS, tugas dan

peranan lama tidak pernah berhenti di sini," ujarnya.

Ditanya keadaan Tok Guru sekarang katanya, selepas Pilihan Raya Umum ke-13 lalu, kesihatannya tidak menentu. Beliau sering keuzuran dan keletihan. Menurut Che Datin, Tok Guru tidak segagah dahulu lagi sekarang. Tenaganya semakin berkurangan dan mudah keletihan.

Biar pun begitu masih ramai rakyat yang datang mahu menemuinya. Ramai juga mengambil kesempatan datang mentahnik anak atau cucu di Masjid Tok Guru di Pulau Melaka. Selepas solat Subuh setiap pagi Jumaat dan Sabtu orang ramai datang membawa bayi yang baru dilahirkan.

"Kalau ada kelapangan, Tok Guru mengizinkan saya bersama muslimat dan isteri wakil-wakil rakyat untuk menghadiri anjuran parti atau kerajaan," ujarnya mengakhiri pertemuan hari itu.



WAJAH BARU, HARAPAN BARU

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN PENGKAL KE-13

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya



YAB Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob

Menteri Besar Kelantan & Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam,
Perancangan Ekonomi, Pelaburan dan Kewangan. ADUN Pasir Pekan.

Lahir: 1 Februari 1950 di Kampung Berangan, Tumpat.

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Al Azhar, Mesir; Diploma Pendidikan Bahasa Arab, Universiti Ain Syam, Mesir.

Kerjaya lama: Guru.

Politik:

- ADUN Pasir Pekan pada 1995 hingga sekarang.
- Exco Kerajaan Negeri pada 17 Mei 1997.
- Timbalan Menteri Besar Kelantan (23 Mac 2005 - 5 Mei 2013)

Posisi parti: Yang DiPertua PAS Tumpat, Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kelantan dan Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat

Isteri: Datin Siti Zabidah Abd Hamid (Bekas Guru)

Anak: 12 orang

Harapan:

Meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan memastikan dasar Membangun Bersama Islam terus diperkasa. Tunjuk ajar Tok Guru masih diperlukan, lebih-lebih lagi sekarang beliau mendapat rehat lebih panjang, bagi melahirkan idea-idea baru untuk diterjemahkan kepada kerajaan negeri. Malah melalui penubuhan Institut Pemikiran Tok Guru, lebih memudahkan beliau memainkan peranan. Institut tersebut lebih terarah bagi mengkaji, menganalisis dan membenteng kerangka pemikiran Tok Guru untuk membolehkan ia dihayati dengan lebih menyeluruh dalam masyarakat.

**YB Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah**

Timbalan Menteri Besar Kelantan & Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Tanah dan Sumber Asli.
ADUN Panchor.

Lahir: 29 Julai 1959 di Pengkalan Chepa

Pendidikan: BA Hons UKM, Master University Of Birmingham, England

Kerjaya lama: Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Politik: Ahli Parlimen Pengkalan Chepa 1999, ADUN Panchor 2004 hingga sekarang.

Posisi parti: Yang DiPertua PAS Pengkalan Chepa, Timbalan Pesuruhjaya III PAS Kelantan

Isteri: Hasmani Husain (Guru)

Anak: 4 orang

Harapan:

Kalau sebelum ini kekuatan Kelantan hanya dilihat pada diri Tok Guru Nik Aziz, namun sekarang dipikul pula secara tanggungjawab bersama (*collective responsibility*). Memang diakui tidak ada pemimpin yang sehebat Tok Guru dengan apa yang dimilikinya, bagaimanapun sekarang kita guna kaedah *collective responsibility*. Kita tidak ada kehebatan di atas seorang individu tetapi kita ada atas dasar qiadah jamaiah (pimpinan secara jemaah). Apa yang penting dasar tidak berubah biar pun pemimpinnya bertukar ganti. Kelantan tetap mempertahankan Islam sebagai dasar pentadbiran. Kerajaan negeri juga akan meningkatkan usaha bagi menyelesaikan masalah pemilikan tanah kepada rakyat. Selain itu, gerak kerja penerangan akan diperluas di kawasan-kawasan hulu memandangkan sebelum ini maklumat semasa jarang sampai kepada masyarakat.

**YB Dato' Hj Anuar Tan Abdullah**

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan.
ADUN Kota Lama.

Lahir: 20 Julai 1950 di China.

Pendidikan: HSC

Kerjaya lama: Ahli perniagaan.

Politik: ADUN Kota Lama 1999 hingga sekarang.

Posisi Parti: Timbalan Yang DiPertua PAS Kota Bharu.

Isteri: Datin Zainab Mohamad (Pengarah Syarikat)

Anak: 7 orang

Harapan:

Kerajaan negeri berusaha menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini. Pelaburan baru diteroka bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Pembukaan kawasan komersial baru di Tok Bali, Pasir Puteh merangkumi keluasan 2,600 ekar adalah antara usaha serius yang dilakukan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan Pusat dan swasta. Kawasan seluas 1,600 ekar daripada jumlah keluasan tersebut sedang dibangunkan bagi tujuan komersial. Malah kawasan itu juga sedang dibangunkan pelabuhan yang bertaraf antarabangsa. Lokasinya begitu strategik kerana terletak tidak jauh daripada China dan Jepun yang merupakan gergasi ekonomi Asia dan dunia.



YB Dato' Hj Abdul Fattah Mahmood

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar.
ADUN Bukit Panau.

Lahir: 16 September 1963 di Kampung Domis, Bukit Panau, Tanah Merah.

Pendidikan: Sarjana Muda Optometri, UKM.

Kerjaya lama: Optometris.

Politik: ADUN Bukit Panau 2004 hingga sekarang.

Posisi parti: Naib Yang DiPertua PAS Tanah Merah.

Isteri: Allahyarham Datin Fatimah Mahmood (Bekas Guru)

Anak: 3 orang.

Harapan:

Kerajaan negeri merancang menyediakan lebih banyak projek perumahan mampu milik kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Bagi tujuan itu program satu keluarga satu rumah akan dilaksanakan. Berdasar kajian program Rumah Rakyat 1Malaysia (PR1MA), permintaan rumah mampu milik di Kelantan adalah sebanyak 54,681 unit. Kerajaan negeri juga mengenal pasti tiga kaedah bagi membina rumah tersebut iaitu bina sendiri, usahasama swasta dengan agensi kerajaan dan swasta. Kerajaan negeri juga dalam proses menyediakan garis panduan terkini rumah mampu milik. Selain itu kerajaan turut berusaha meningkatkan lagi tahap kebersihan di kawasan bandar dan menyediakan ruang perniagaan yang lebih selesa kepada rakyat.



YB Dato' Mejar (B) Hj Md Anizam Abdul Rahman

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan.
ADUN Kemahang.

Lahir: 5 Mei 1954 di Wakaf Raja, Pasir Puteh.

Pendidikan: Maktab Tentera DiRaja, Diploma Pengurusan Industri UKM.

Kerjaya lama: Pegawai Tentera.

Politik: ADUN Kemahang 1999 hingga sekarang.

Posisi parti: Timbalan Yang DiPertua PAS Tanah Merah.

Isteri: Datin Norasikin Ahmad (Bekas Pegawai Kastam)

Anak: 5 orang.

Harapan:

Kerajaan negeri akan terus membangunkan produk pelancongan Islam antaranya menjadikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri sebagai tempat tumpuan utama pelancong. Begitu juga beberapa pondok pengajian agama tradisional akan disediakan kemudahan asas untuk membolehkan pelancong yang datang menimba ilmu agama. Malah kuliah pagi Jumaat di Medan Ilmu, Jalan Dato' Pati, Kota Bharu cukup popular bagi rakyat Kelantan dan pelancong. Ia dianggap sebagai kampus universiti terbuka. Suasana Ramadan di Kelantan juga berupaya menarik lebih ramai pelancong datang. Qaryah Ramadan di Dataran Stadium menjadi lokasi masyhur yang dikunjungi orang ramai termasuk pelancong untuk solat tarawih sepanjang Ramadan. Sebelum ini ada pelancong yang bercuti semata-mata datang menghayati suasana Ramadan di Kelantan.



YB Dato' Hj Che Abdullah Mat Nawi

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau.
ADUN Wakaf Bharu.

Lahir: 14 Jun 1960 di Wakaf Bharu, Tumpat.

Pendidikan: ITM, Ijazah Perakaunan Universiti Ohio Amerika Syarikat, MBA University of Bridgesport.

Kerjaya lama: Peniaga, Pengurus Besar Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd dan Penyelia DUN Wakaf Bharu.

Politik: ADUN Wakaf Bharu 2008 hingga sekarang.

Posisi parti: Naib Yang DiPertua PAS Tumpat.

Isteri: Datin Saliha Yaakob dan Wan Noraini Wan Abdullah.

Anak: 10 orang.

Harapan:

Sebahagian besar rakyat Kelantan masih lagi bergantung kepada bidang pertanian sebagai sumber pendapatan mereka. Mengambil kira potensi itu, kerajaan negeri berusaha menambah lagi keluasan kawasan pertanian melalui program pemulihan tanah-tanah terbiar. Setiap tahun usaha itu dilakukan dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Malah kerajaan negeri sejak 1990-an mewujudkan kilang baja padi bagi membekalkan baja kepada petani yang dinafikan hak mendapat skim baja subsidi di bawah kerajaan Pusat. Kerajaan negeri mengambil tanggungjawab itu bagi mengelakkan sumber pendapatan petani dan pengeluaran padi terjejas. Kerajaan negeri juga berharap jalinan kerjasama dengan kerajaan Pusat dapat ditingkatkan bagi membolehkan petani di Kelantan juga mendapat hak terhadap pelbagai insentif yang disediakan kerajaan. Selain itu Kelantan juga mempertingkatkan kempen Bertani Satu Ibadah bagi membolehkan masyarakat petani, nelayan dan penternak lebih bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.



YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Dato' Hj Hassan

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi.
ADUN Temangan.

Lahir: 12 Julai 1968 di Kampung Kaabah, Machang.

Pendidikan: Bachelor in Law UIAM, Master University of Warwick, England, PhD University of Birmingham, England.

Kerjaya lama: Pensyarah UIAM.

Politik: ADUN Temangan 2008 hingga sekarang.

Posisi parti: Timbalan Yang DiPertua PAS Machang, Ketua Penerangan PAS Kelantan.

Isteri: Bahrulnurarifah Baharuddin (Bekas Guru)

Anak: 5 orang.

Harapan:

Kerajaan negeri akan terus memperkasa lagi pendidikan Islam selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam. Kejayaan Kelantan membangunkan bidang pendidikan agama ternyata membuahkan hasil yang memberangsangkan. Ini dapat dilihat melalui permohonan untuk belajar di maahad milik Yayasan Islam Kelantan (YIK) sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan menjadi tumpuan utama termasuk pelajar dari luar Kelantan. Suasana kondusif ternyata memberi kelebihan kepada Kelantan di mana ia menjadi tarikan kepada pelajar dari luar. Ini juga dapat dilihat wujud banyak kampus institusi pengajian tinggi swasta di Kelantan sekarang. Memandangkan permintaan belajar di maahad begitu tinggi, kerajaan negeri turut merancang mewujudkan Maahad Muhammadi Sains di Pengkalan Chepa yang dianggarkan membabitkan kos sebanyak RM12 juta. Selain itu YIK juga merancang menambah bilangan maahad di Machang, Jeli dan Gua Musang.



YB Dato' Hj Mohd Nassuruddin Daud

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Serantau.
ADUN Meranti.

Lahir: 4 Okt 1965 di Kampung Meranti, Pasir Mas.

Pendidikan: Pengajian Islam, Universiti Al-Azhar.

Kerjaya lama: Guru agama, pendakwah dan Speaker DUN Kelantan.

Politik: ADUN Meranti 1995 hingga sekarang.

Posisi parti: Timbalan Yang DiPertua PAS Rantau Panjang.

Isteri: Datin Wan Norhanita Wan Yaacob (Guru)

Anak: 7 orang.

Harapan:

Usaha bagi mempertingkatkan kefahaman rakyat terhadap agama dilaksanakan dari semasa ke semasa. Langkah ini digemblengkan sejak dahulu lagi iaitu menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ummah. Masjid bukan hanya sebagai tempat beribadat dan pengajian ilmu semata-mata, malah peranannya lebih luas merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Ini adalah asas perpaduan bagi kehidupan manusia yang Allah Taala jadikan berbilang kaum dan budaya. Mereka sama-sama berpegang kepada tali Allah. Perpecahan yang berlaku dalam masyarakat sekarang kerana mereka mengasingkan agama dalam kehidupan seharian. Tugas khalifah ialah menjaga agama. Sebab itulah dalam Islam bilangan masjid tidak menjadi keutamaan bagi pembinaan ummah, sebaliknya usaha mengimarahkan masjid lebih penting. Usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan di Kelantan sejak 1990 ternyata berkesan apabila kerajaan negeri di bawah PAS berjaya dipertahankan sehingga sekarang.



YB Hjh Mumtaz Md Nawi

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat.
ADUN Demit.

Lahir: 30 Mac 1972 di Kampung Ana, Tumpat

Pendidikan: Ijazah Undang-Undang, UIAM

Kerjaya lama: Peguam dan Ahli Dewan Negara

Politik: ADUN Demit 2013

Posisi parti: Naib Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat

Suami: Mohd Sukiman Yasin (Peguam)

Anak: 4 orang

Harapan:

Program pembangunan wanita dan keluarga tetap diteruskan bagi memastikan nasib golongan tersebut lebih terbela. Begitu juga insentif kepada pengantin yang kurang berkemampuan dengan pendapatan kurang RM700 sebulan diteruskan. Skim Gerbang az-Ziwaaj menyediakan bantuan khas sebanyak RM1,000 kepada pengantin lelaki bagi mengurangkan bebanan keluarga untuk melangsungkan perkahwinan. Selain itu, program rumah dhua'fat dan membaik pulih rumah juga diberi keutamaan. Program rumah dhua'fat dilaksanakan sejak tahun 2010 di seluruh Kelantan. Setiap rumah yang dibina membabitkan kos antara RM35,000 hingga RM40,000 membolehkan penduduk miskin tinggal dalam keadaan lebih selesa dan selamat. Kerajaan negeri juga menyediakan pelbagai insentif lain dalam bentuk *one-off* termasuk armalah (ibu tunggal), anak yatim dan golongan kurang upaya. Usaha berterusan itu dilakukan sebagai menggambarkan Kelantan sebuah Negeri Berkeadilan.



YB Dato' Paduka Hj Hanifa Ahmad

Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat.
ADUN Pengkalan Pasir.

Lahir: 8 Ogos 1946 di Kubang Bemban, Pasir Mas.

Pendidikan: B.A (Hons) UM.

Kerjaya lama: Pegawai Tadbir Diplomatik, Ketua Eksekutif PKINK, berniaga dan Penyelia DUN Pengkalan Pasir.

Politik: ADUN Pengkalan Pasir 2008 hingga sekarang.

Posisi parti: Yang DiPertua PAS Pasir Mas, Bendahari PAS Kelantan.

Isteri: Zaharah Rosminah Amaluddin.

Anak: 4 orang

Harapan:

Penyediaan kemudahan asas kepada rakyat termasuk jalan dan bekalan air bersih menjadi keutamaan kerajaan negeri. Dalam banyak keadaan kerajaan negeri terpaksa mencari dana sendiri bagi menyediakan kemudahan asas kepada rakyat kerana tanggungjawab itu diabaikan kerajaan Pusat. Projek Lebuhraya Rakyat Kota Bharu-Kuala Krai yang dirancang kerajaan Pusat sejak 1986 sehingga sekarang tidak menjadi kenyataan. Oleh itu kerajaan negeri terpaksa merancang bagi membolehkan kemudahan tersebut disediakan bagi manfaat rakyat. Bagaimanapun kerajaan negeri amat berharap kerajaan Pusat memberi kerjasama dan mengeneppikan politik sempit. Begitu juga kemudahan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail ke tahap antarabangsa hendaklah diberi perhatian serius oleh kerajaan Pusat.



YB Dr Hj Ramli Mamat

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO.
ADUN Bunut Payong.

Lahir: 22 Julai 1964 di Kampung Sireh, Kota Bharu

Pendidikan: Ijazah Perubatan (UM)

Kerjaya lama: Pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Hospital Tanah Merah, klinik swasta

Politik: ADUN Bunut Payong 2013

Posisi parti: Anggota jawatankuasa PAS Kubang Kerian

Isteri: Wan Anita Wan Mohamed Amin

Anak: 5 orang

Harapan:

Sebanyak satu pertiga daripada jumlah penduduk Kelantan adalah golongan belia. Mereka merupakan pelapis yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Oleh itu mereka perlu disediakan bekalan ilmu secukupnya, kemahiran dan pengalaman bagi membina masa depan yang lebih cemerlang. Kerajaan negeri melalui Urusetia Belia dan Sukan tidak ketinggalan merancang serta melaksanakan pelbagai program untuk melahirkan belia yang mempunyai jati diri dan sahsiah tinggi. Kerajaan negeri juga menggubal Pelan Rancangan Strategik lima tahun bagi merangka agenda bertindak kepada golongan belia. Usaha-usaha yang dilakukan sebelum ini menumpukan kepada program kepimpinan belia, kemahiran diri, sukan, pencegahan rasuah, mendaki gunung, kembara bermotor, kembara Ramadan dan pelbagai lagi. Kerajaan negeri juga sudah beberapa kali mengisytiharkan cuti peristiwa ketika pasukan bola sepak Kelantan, The Red warriors berjaya ke perlawanan akhir Piala Malaysia dan Piala FA. Ini menggambarkan sokongan padu Kelantan terhadap belia.



USTAZ MAT

teruskan legasi Tok Guru Nik Aziz

Oleh M Faqih

KIRA-kira 25 tahun lalu orang ramai mengenalinya sebagai Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat. Sekembali dari merantau menuntut ilmu di luar negara, beliau berkhidmat sebagai guru di kelas dewasa. Kemudian mencurahkan segala ilmu di dada di Jame' Merbau (Maahad Muhammadi).

Mula terbabit dengan PAS apabila beliau dicalonkan pada Pilihan Raya Kecil Kota Bharu Hilir pada Pilihan Raya Kecil 1967 ekoran kematian penyandangannya, Haji Ahmad Abdullah. Selepas empat tahun situasi gerhana menimpa kepimpinan PAS Kelantan pada tahun 1978, kemudian lahirah kepimpinan ulama.

Bermula dari situlah Ustaz Nik Aziz dikenali dengan panggilan Tok Guru. Sejak tempoh itu sehingga sekarang, kira-kira 46 tahun Tok Guru Nik Aziz

bergelar wakil rakyat. Gelaran Tok Guru makin popular selepas beliau menduduki kerusi Menteri Besar Kelantan. Berpakaian baju Melayu lengkap dengan sampung dan serban di kepala, kadang-kadang berjubah, menjadi resam rutin hariannya.

Kepimpinannya dihormati kawan mahupun lawan. Kerangka dan acuan politik Islam yang diperkenalkan membuatkan Kelantan terus menjadi sebutan. Pada tahun 2009, Tok Guru Nik Aziz berada pada kedudukan ke-42 pemimpin dunia Islam yang paling popular. Sejak Oktober 1990 sehingga Mei 2013, lebih 100 perubahan dirintisnya di Kelantan, semuanya berpaksi idealisme Islam.

Tiba-tiba pada 6 Mei 2013, beliau mengumumkan berundur sebagai ketua kerajaan. Tok Guru





Tok Guru menghadiri persidangan DUN sebagai YB

meninggalkan Kota Darulnaim dan menyerahkan kepada Ustaz Dato' Ahmad Yakob sebagai penggantinya.

Selama 23 tahun beliau membina legasi sehingga Kelantan sukar digugat musuh. Sebanyak enam kali pilihan raya, jentera PAS Kelantan di bawah kepimpinannya terus cemerlang. Biarpun diasak dari kiri, kanan, atas dan bawah, namun kerajaan negeri yang dipacu bersendikan Membangun Bersama Islam terus memacak bumi Kelantan.

Hari ini legasi kegemilangan itu diteruskan Ustaz Ahmad, juga ulama lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir.

Pondok Berangan

Ustaz Mat dilahirkan pada 1 Februari 1950. Ayahnya Tok Guru Haji Yakob Ishak, pengasas Madrasah Yakobiah atau lebih dikenali sebagai Pondok Berangan, yang terletak tidak jauh daripada perkampungan Siam di Kampung Berangan. Tok Guru Haji Yakob mengasaskan pondok tersebut pada tahun 1942.

Ketika itu gerakan menentang penjajah memuncak, ditambah pula kedatangan Jepun ke Tanah Melayu. Beliau mencurahkan segala ilmu di dada selepas pulang daripada mencari

ilmu agama di Patani, Pondok Tok Selehor dan Pondok Bunut Payong.

Tok Guru Haji Kob berasal dari Kampung Kelong, Tumpat sebelum berhijrah ke Kampung Berangan. Hasil perkongsian hidup dengan Che Zainab Che Hussin, 84, mereka dikumiakan tujuh orang anak. Anak sulung, Asiah kini tinggal di Mengkebang, Kuala Krai dan keduanya, Ustaz Mat. Anak-anaknya ada yang berkhidmat sebagai guru, pensyarah dan pendakwah.

"Makcik berharap Ustaz Mat memikul tanggungjawab dengan penuh amanah, jujur dan ikhlas," pesan Che Zainab kepada Menteri Besar Kelantan yang baru, ketika ditemui baru-baru ini.

Pondok agama itu sekarang didiami seramai 100 penghuni termasuk warga emas dan ibu tunggal. Terdapat sebanyak 40 buah rumah pondok bersaiz kecil. Pelajar sepenuh masa yang mendalami kitab pula seramai 40 orang. Ada antaranya berasal dari Kempuchea. Tok Guru Haji Mohamad Ali sekarang bertindak sebagai mudir pondok berkenaan.

Pernah bergelar guru

Ustaz Mat memulakan kerjaya awal sebagai pendidik. Sekolah Menengah

Dato' Bentara Dalam, Segamat menjadi sekolah pertama tempat beliau mendidik anak watan. Selepas lebih empat tahun mengajar di situ, beliau ditukar ke Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai. Pada tahun 1986, beliau dipindahkan pula ke Sekolah Menengah Perempuan Pasir Mas. Selepas mengajar hampir lapan tahun di Sekolah Menengah Rantau Panjang, akhirnya beliau meletak jawatan dan bertanding di DUN Pasir Pekan pada Pilihan Raya Umum 1995.

Pada pilihan raya tersebut beliau dipilih rakyat mewakili DUN berkenaan. Dua tahun kemudian selepas ADUN Semangat 46 meletak jawatan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah menyertai UMNO, Ustaz Mat menjadi pilihan Tok Guru Nik Aziz untuk mengisi kerusi Exco kerajaan negeri.

Pada 17 Mei 1997 beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Industri, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Sumber Manusia. Kemudian selepas Pilihan Raya Umum 1999, beliau dilantik pula menerajui Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar.

Selepas Pilihan Raya Umum 2004, beliau diamanahkan sebagai Timbalan Menteri Besar menggantikan

tempat Dato' Abdul Halim Abdul Rahman yang berpindah ke kerusi Parlimen Pengkalan Chepa.

Hasil perkongsian hidup dengan seorang pendidik lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia, Siti Zubaidah Abdul Hamid pada tahun 1980, mereka dikurniakan 12 orang anak.

Biarpun sekarang bergelar Menteri Besar, namun perwatakannya serupa sejak dahulu sehingga sekarang. Tidak ada protokol yang menjadi penghalang biarpun mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan.

Rumahnya masih lama, cuma diperbesarkan sedikit di bahagian belakang sepadan dengan bilangan anak yang ramai. Rumahnya jenis kayu, serupa juga dengan rumah Tok Guru Nik Aziz di Pulau Melaka. Kedudukannya sebagai Menteri Besar Kelantan tidak merubah kehidupan lamanya. Rumahnya terletak di Kampung Alor Pasir, tidak jauh dari stesen kereta api Wakaf Bharu, Tumpat.

Berdekatan rumahnya ada sebuah masjid mukim. Kadang-kadang beliau menjadi imam di masjid tersebut. Di hadapan rumahnya juga ada sebuah pos PAS milik Majlis Tindakan DUN Wakaf Bharu.

Bagi penduduk tempatan yang sudah biasa dengan Ustaz Mat, tidak hairan lagi apabila Menteri Besar itu memandu sendiri keretanya ketika bertemu rakyat.

Terkejut Tok Guru berundur

Ketika ditemui wakil Qiadah baru-baru ini, Ustaz Mat memberitahu beliau terkejut apabila Tok Guru Nik Abdul Aziz memaklumkan mahu berundur sebagai Menteri Besar. Katanya, biarpun keadaan kesihatan Tok Guru sering terganggu, namun semangat juangnya tetap tinggi. Tok Guru mengetuai kerajaan tanpa menghiraukan apa orang lain kata. Cuma sejak akhir-akhir ini beliau sentiasa uzur.

"Saya pun tidak menjangka disebut sebagai penggantinya. Sebenarnya saya tidak pernah mengimpikan jawatan seperti sekarang. Sehari sebelum pilihan raya berlangsung, Tok Guru memanggil beberapa anggota jawatankuasa harian PAS Kelantan untuk menyatakan hasrat tidak mahu lagi memegang jawatan Menteri Besar.

"Ketika itu saya meminta Tok Guru pilih sesiapa sahaja dalam kalangan sahabat-sahabat kerana semuanya mampu untuk membawa rangka dan asas yang telah ditetapkan Tok Guru. Cuma watak dan peribadi seperti batang tubuh Tok Guru kita tidak mampu bawa. Kelebihan yang ada pada Tok Guru seperti ketokohan, keilmuan dan kewarakan adalah anugerah Tuhan. Insya-Allah kita berusaha menyesuaikan diri sebagai anak muridnya selama ini," katanya.

Ustaz Mat juga tidak lupa merakam ucapan terima kasih kepada rakyat kerana mengekalkan kuasa politik Islam di Kelantan. "Selepas diberi mandat oleh Tok Guru Nik Aziz mengganti tempatnya, saya berbincang dengan



rakan-rakan dalam Dewan Harian PAS. Kemudian saya menjunjung kasih untuk mendapat ampun perkenan Tuanku".

"Alhamdulillah di atas senarai nama yang dikemukakan, tuanku memperkenankan pelantikan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Insya-Allah kita akan teruskan asas dan rangka apa yang telah dibuat oleh Tok Guru sepanjang mentadbir Kelantan selama hampir 23 tahun," katanya.

Ustaz Mat berkeyakinan Exco yang dilantik dapat meningkat lagi usaha dan program untuk merakyatkan Kelantan sebagai negeri berkeadilan. Kata beliau, segala perancangan dan program mesti berasaskan dasar Membangun Bersama Islam.

"Kita berusaha mempertingkatkan lagi mutu pentadbiran. Mulai tahun ini kita sediakan kursus khas dalam bidang Tasawur Islam di peringkat diploma untuk pegawai N41 dalam perkhidmatan awam negeri. Kursus ini penting bagi menjamin apa yang telah disusun oleh Tok Guru selama ini mampu memberi kesan kepada penjawat awam. Insya-Allah masa depan kita dapat melahirkan pegawai yang memahami Tasawur Islam dan menghayati dasar Membangun Bersama Islam," tambahnya.



Qiam With Me 2013

Hari ini biarpun bukan lagi berada di kerusi Menteri Besar, namun Tok Guru Nik Aziz terus mengajar dan berceramah. Tok Guru masih mampu menyumbang ilmu dan tunjuk ajar kepada masyarakat. Beliau tidak bersendirian. Sekarang kekuatan dan kehebatan Tok Guru diterjemahkan terhadap dasar-dasar dan program kerajaan yang telah dilaksanakan. Islam terus hidup dan bukan hanya sekadar falsafah sahaja.

"Insya-Allah apa yang telah diajar oleh Tok Guru dapat kita zahirkan dalam urusan tadbir kerajaan negeri," kata Menteri Besar baru.

Menurutnya apa yang telah dirintis oleh Tok Guru diterjemahkan dalam bentuk dasar dan pelaksanaan kerajaan. "Insya-Allah kita akan teruskan. Kalau timbul sesuatu masalah kita akan merujuk kepada Tok Guru. Tok Guru masih sebagai Mursyidul Am dan Pesuruhjaya PAS negeri. Tok Guru akan terus menyumbang idea kepada kita. Sekarang Tok Guru boleh berehat lebih panjang dan dapat melihat lebih dekat apa yang berlaku di pejabat Menteri Besar. Insya-Allah beliau akan dapat memberi idea-idea baru yang lebih segar dan menarik," ujar Ustaz Mat.

Pengalamannya sebagai Timbalan Menteri Besar dan anggota Exco sebelum ini sedikit sebanyak dapat membantu melancarkan jentera pentadbiran kerajaan negeri. Oleh itu tumpuannya sekarang kepada manifesto yang telah PAS dan Pakatan Rakyat tawarkan.

"Sama-samalah kita berdoa semoga kerajaan Kelantan terus utuh," kata beliau mengakhiri pertemuan hari itu.



Ustaz Mat melawat pesakit di HRPZ II



Ustaz Mat beramah mesra dengan penduduk sekitar



Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Kompleks Kota Darulnaim


Ustaz Dato' Ahmad Yakob - Menteri Besar Kelantan





Best of Borneo
SABAH
MALAYSIA
www.sabahtourism.com

visit  2014
MALAYSIA
Truly Asia





Kawasan hadapan & parkir Masjid Pulau Melaka

MASJID PULAU MELAKA Jadi Pilihan Pelancong

Oleh Aslani M Foto Ahmad Naime Muhammad

JARANG orang kampung melewati kawasan tersebut. Kedudukannya agak jauh daripada rumah penduduk. Ini menyebabkan ia agak terasing bagi masyarakat di Kota Jembal. Namun Tok Ku Mat tidak kisah dengan keadaan itu. Baginya kedudukan kawasan berkenaan benar-benar strategik. Sesuai dibangunkan institusi pendidikan.

Tok Ku Mat tahu tidak ramai orang kampung yang berani melewati kawasan itu. Keadaannya begitu sunyi. Suasananya cukup redup dengan dipayungi pokok-pokok besar dan kecil. Batang pokok besar dan renek memagar setiap ruang tanah.



Maahad Darul Anuar



Asrama pelajar perempuan



Ustaz Nik Omar Nik Abdul Aziz

Tok Ku bersama anak-anak dan penduduk kampung bergotong royong membina masjid. Kerajaan negeri di bawah Dato' Asri Muda ketika itu, turut menyumbang sebanyak RM5,000 bagi dana pembinaan masjid. Binaannya daripada kayu. Tapaknya sejak dari awal lagi diwakaf Tok Ku untuk dibina masjid.

Tok Ku nama sebenarnya Nik Mat Raja Banjar, seorang ulama yang terkenal alim di Kedai Lalat. Susur galur keluarganya daripada Raja Jembal yang pernah memerintah Kelantan suatu ketika dahulu. Malah Raja Jembal ada hubungkait dengan Long Yunus, di mana cucu cicitnya memerintah Kelantan sekarang.

Rumah Tok Ku Mat terletak di Kota Jembal, tidak jauh dari Pulau Melaka. Ulama tersohor ini memilih Kampung Pulau Melaka bagi membina masjid dan sekolah agama.

Hari ini selepas 51 tahun berlalu, telahan Tok Ku Mat benar-benar menjadi kenyataan. Semua orang tidak menjangka masjid Pulau Melaka yang dibina tahun 1962 itu, hari ini menjadi tumpuan seluruh negara. Malah ada tetamu dari luar negara juga bertandang ke Pulau Melaka. Begitu juga pihak istana.

Pemikiran Tok Ku Mat ternyata jauh ke hadapan. Usaha dirintisnya mendirikan masjid dan sekolah agama di Kampung Pulau Melaka berbaloi. Sekarang ia muncul sebagai institusi pendidikan yang terkenal di Kelantan.

"Tok Ku mendirikan masjid di sini dengan harapan anak dan cucunya akan menjadi tenaga pengajar. Sebab itulah hari pertama Tok Guru Nik Aziz balik dari menuntut di Mesir, di Masjid Pulau Melakah tempat beliau mencurahkan semula ilmu di dada.

"Tok Ku meletak segala harapan kepada ayah bagi meneruskan kerja-kerja dakwahnya," kata Ustaz Nik Omar Nik Abdul Aziz, salah seorang cucu Tok Ku Mat.

Tok Ku bersama anaknya Nik Abdul Aziz pernah menuntut ilmu dengan Tok Khurasan di Kampung Sireh. Mereka berjalan kaki lebih 10 kilometer dari Pulau Melaka ke Kampung Sireh. Tok Khurasan, seorang ulama terkenal berasal dari Afghanistan, menasihati Tok Ku supaya menghantar anaknya Nik Abdul Aziz belajar di India. Pandangan ulama itu akhirnya menjadi kenyataan apabila Nik Abdul Aziz dihantar oleh Tok Ku belajar di Deoband, India.

Masjid Pulau Melaka menjadi tempat Tok Ku mencurahkan ilmu kepada penduduk kampung. "Saya masih ingat lagi ayah memberitahu, Tok Ku menekankan tiga perkara utama kepada anak cucunya, iaitu belajar al-Quran, menutup aurat dan iktilat iaitu hubungan mahram.

"Sebab itulah ketika saya belajar di Darul Anuar bermula tingkatan satu hingga tiga, dalam kelas ada dinding yang memisahkan pelajar lelaki dan perempuan," kata Nik Omar ketika ditemui wakil Qiadah.



Kiosk Tok Guru

Menurutnya juga, sebagaimana pernah diberitahu ayahnya, Tok Ku seorang yang kuat beribadat pada waktu malam, malah beliau juga mudah menangis ketika bermunajat. Menjadi keutamaannya juga menjaga solat berjemaah setiap waktu. Selain itu istiqamah meninggalkan amalan yang tidak pernah dibuat baginda Rasulullah SAW. Biarpun terpaksa menongkah arus dalam masyarakat, namun Tok Ku tetap tidak kompromi dengan amalan bida'ah.

Hasil perkahwinan Tok Ku dengan empat orang isterinya dikurniakan 17 cahaya mata. Tok Guru Dato' Nik Abdul Aziz dan Ustaz Nik Razi antara lima beradik seibu sebapa.

Tok Guru Nik Aziz

Selepas Tok Ku meninggal dunia, usaha dakwahnya diteruskan Tok Guru Nik Abdul Aziz. Sekembali daripada menuntut ilmu di Mesir, Tok Guru Nik Abdul Aziz menjadikan Masjid Pulau Melaka sebagai medan dakwahnya.

Pernah Tok Guru mengajar di situ jam 3 petang pada setiap hari Jumaat. Anak muridnya datang daripada pelbagai tempat. Ada yang berjalan kaki, ada yang berbasikal dan ada yang menunggang motosikal. Ketika itu basikal jenis Raleigh cukup popular. Ramai datang berjalan kaki dari jauh untuk mendengar kuliah Tok Guru.

Pada masa yang sama Tok Guru Nik Aziz juga menyampaikan kuliah Maghrib di Masjid Muhammadiyah, Masjid Kampung Binjai dan Masjid Kedai Buluh. Bagaimanapun selepas kerajaan PAS kecundang di Kelantan pada Pilihan Raya Umum 1978, Tok Guru tidak lagi dibenarkan mengajar di ketiga-tiga masjid tersebut. Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai Dato' Mohamad Yaacob tidak memberi kebenaran Tok Guru menyampaikan kuliah agama.

Ekoran itu, kata Nik Omar, Tok Guru memilih Dewan Zulkifli Muhamad di tingkat dua pejabat Perhubungan PAS

Kelantan, di tengah-tengah bandar Kota Bharu, sebagai tempat kuliah tetapnya setiap pagi Jumaat.

Masjid Pulau Melaka mulai berubah wajah selepas Tok Guru dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan. Jawatankuasa masjid ketika itu mengutip derma bagi membina bangunan baru untuk menampung pertambahan bilangan jemaah. Hasil bantuan dan sumbangan orang ramai, Masjid Pulau Melaka berubah wajah sedikit demi sedikit. Bangunan setinggi dua tingkat pun dibina.

Tanah masjid dan sekolah diwakaf secara umum, dan Tok Guru Nik Aziz menjadi salah seorang pemegang amanah.

Masjid ini menjadi tumpuan ramai setiap malam Khamis dan Jumaat. Pada malam tersebut Tok Guru membaca kitab yang ditekuni ribuan anak murid. Sekiranya Tok Guru tiada atau uzur, tempatnya akan diganti Ustaz Nik Omar atau Ustaz Nik Razi.

Tok Guru juga menyampaikan kuliah selepas solat Subuh. Manakala tazkirah ringkas disampaikan setiap kali selepas solat jemaah. Pada lima lagi malam lain, Masjid Pulau Melaka diisi dengan program pelajar-pelajar Maahad Darul Anuar. Malah pelajar Darul Anuar amat beruntung kerana berpeluang mendengar kuliah agama yang disampaikan oleh Tok Guru hampir setiap hari.

Patah tumbuh hilang berganti

Selepas kira-kira 23 tahun mengetuai pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, akhirnya Tok Guru Nik Aziz berundur. Keadaan kesihatannya tidak lagi mengizinkan. Pada 6 Mei 2013 beliau menyerahkan tugas Menteri Besar Kelantan kepada Ustaz Dato' Ahmad Yakob (yang telah berganding bahu dengan Tok Guru selama 10 tahun memegang jawatan Timbalan Menteri Besar).

Berita pengunduran Tok Guru mengejutkan orang ramai. Rakyat Kelantan seperti tidak percaya dengan apa yang



Sesi pembelajaran sedang berlangsung

berlaku. Namun kerana faktor usia dan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan akhirnya rakyat Kelantan redha.

Memandangkan beban tugas sebagai ketua kerajaan beralih kepada Ustaz Dato' Ahmad Yakob, Tok Guru kini mempunyai masa rehat yang lebih panjang. Beliau tidak lagi terpaksa berkejar-kejar ke pejabat setiap jam 7.45 pagi sebagaimana kelazimannya sejak Oktober 1990. Masa untuk berehat dan berdakwah menjadi lebih panjang.

Bagaimanapun, halangan kesihatan dan faktor usia menyebabkan tugas dakwah tidak dapat dilakukan sebagaimana sebelum ini. Namun Masjid Pulau Melaka yang lebih dikenali sebagai Masjid Tok Guru menjadi lebih meriah sekarang. Orang ramai datang untuk menunaikan solat dan mendengar kuliah agama disampaikan bekas Menteri Besar.

Nik Omar berkata, kedatangan orang ramai pada pagi Jumaat dan Sabtu bertambah ramai. "Mungkin orang ramai tahu Tok Guru sekarang lebih banyak berada di rumah berbanding sebelum ini sibuk sebagai ketua kerajaan," ujarnya.

Setiap pagi Jumaat juga boleh disaksikan ramai ibu bapa datang membawa bayi mereka untuk ditahnikkan oleh Tok Guru. Ada ketikanya lebih 60 bayi dibawa daripada pelbagai tempat termasuk luar Kelantan. Begitu juga pada pagi Sabtu, ada ketikanya ada tujuh bas yang membawa rombongan dari luar Kelantan menunaikan solat Subuh di Pulau Melaka.



Calendar Of Event 2014

DATE / DAY	EVENT	VENUE
15 Feb (Sat)	'Ayam Serama' National Competition	Pasar Minggu Kraf & Flora, Pengkalan Chepa
26 Feb - 1 Mac (Wed - Sat)	Kelantan International Foods Festival	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
28 Feb (Fri)	The Dikir Champions	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
21 Mar (Fri)	'Candik' Bird Competition	Arena Candik, Sri Cemerlang
4 - 6 Apr (Fri - Sun)	Nusantara Art-of-Self-Defense Carnival	Padang Perdana, Kota Bharu
4 - 7 Apr (Fri - Mon)	Cultural Festival	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
26 Apr (Sat)	'Ketitir' Bird Singing International Competition	Dataran Lembah Sireh, Kota Bharu
28 - 31 May (Wed - Sat)	International Kite Festival	Geting Beach, Tumpat
3 - 7 Jun (Tue - Sat)	Cheng Ho Mega Expo	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
21 Jun (Sat)	Mount Stong International Climbathon	Stong Hill, Dabong
16 - 29 Aug (Sat - Fri)	Kelantan Photo Challenge	Cultural Centre
16 - 29 Aug (Sat - Fri)	Painting Exhibition	Cultural Centre
4 - 6 Sep (Thu - Sat)	Kelantan Foods Festival	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
5 & 6 Sep (Fri & Sat)	Classic Vehicle Festival	Compound of Sultan Muhammad IV Stadium
13 Sep (Sat)	'Ayam Serama' ASEAN Competition	Pasar Minggu Kraf & Flora, Pengkalan Chepa
26 - 29 & 31 Oct (Sun - Wed & Fri)	Kelantan Traditional Song Awards	Cultural Centre

**KELANTAN TOURISM INFORMATION CENTRE
(PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN)**
Jalan Sultan Ibrahim, 15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-748 5534 / 09-748 3543 Fax: 09-748 6652
E-mail: tic@kelantan.gov.my

facebook: <http://www.facebook.com/tic.kelantan>



NASI TUMPANG

SAMA SUSAH SAMA SENANG

Oleh Zanazanzaly

Madah pujangga ada berkata, "Senyuman itu kelopak, ketawa itu bunga yang sempurna kembangnya." Begitulah juga perumpamaan jalinan silaturahim yang diasosiasi bersimbolkan daun pisang tenggala berarca kelongsong berbentuk kon. Ia berfungsi untuk menampung sarat muatan makanan di dalamnya yang disusun bertindan membentuk satu resepi yang sempurna sejak turun-temurun.

Daripada bari nenek moyang bahari diperturunkan resepi pusaka warisan Melayu Kelantan ini dari satu generasi ke satu generasi agar koleksi khazanah hidangan makanan orang-orang Melayu yang asli dan unik ini terpelihara sebaik-baiknya.



Nasi Tumpang bukanlah sekadar memiliki gizi khasiat makanan yang biasa-biasa sahaja melainkan tersirat di dalamnya khasiat murni yang menitikberatkan konsep silaturahmi yang menggalas kemas cogan kata "sama susah sama senang, puyan kalut puyan lenang."

Perhatikan satu demi satu isi muatan resepi nasi yang sangat unik ini. Bermula dengan bonda menyediakan serunding ikan tenggiri atau jika kesuntukan waktu boleh

sahaja meminta ayah tolong membelikannya di Pasar Siti Khadijah. Kemudian dengan senang hati bonda berkongsi rahsia penyediaan Gulai Kunyit Lengkuas.

Bermuqaddimahkan Basmallah, berlarikkan senyuman indah, bonda meminta anak daranya membasuh bersih setengah kilogram udang kertas bersaiz XXL kemudian ditoskan.

Lima (5) ulas bawang merah dikupas beserta sepotong kecil kunyit hidup dan seruas ibu jari lengkuas dibasuh bersih bersama 7 tangkai cili kering lalu dikisar hancur. Lumat kisan bahan asas tadi adalah kisan hancur lumat segala kesumat dendam, syak wasangka dan kepentingan diri-sendiri yang menjadi punca robohnya tugu silaturahmi.

Proses memasak pun bermula dengan tenggekan periuk di atas tungku dapur dengan kepanasan api yang sederhana. Masukkan 2-3 cawan santan yang diperah daripada sebiji kelapa ke dalam periuk dan campurkan dengan bahan-bahan yang siap dikisar tadi. Setelah mendidih masukkan udang. Melihat kulit udang bertukar warna kemerah-merahan bersedialah untuk menabur garam



dan gula sesedap rasa disusuli sekeping asam gelugur sebagai kiasan rencah rasa masin, manis dan masam dalam kehidupan seharian sebagaimana pesan Rasulullah SAW agar umat Baginda menjauhi sifat pemaarah dengan memperbanyak istighfar apabila berasa darah mulai meruap akibat berselisih faham sesama kita. Darah yang 'sudah sejuk' ini sampai ke hipotalamus (bahagian yang mengawal suhu badan dan emosi), ia menghasilkan kesan 'gembira'.

Kuah pula hendaklah sentiasa dikacau perlahan-lahan agar tidak berketul melalui kaedah "cebok-cuah". Proses mencebok sedikit kuah dengan senduk tempurung dan mencuahkan semula ke dalam periuk memerlukan kesabaran yang tinggi kerana ia mengambil masa agak lama sebelum 5 biji kacang panjang potongan rencung dan 3 biji cili hijau potongan serong dicampak-masuk lalu ditutupkan api setelah sayuran tadi empuk. Pada masa ini bonda mula menyulam pesan kepada pewarisnya mengenai kunci silaturahmi iaitu senyum yang merupakan satu sedekah. Senyum mampu menjadi penawar kepada penyakit rohani yang kronik. Senyum tidak perlu modal, cuma sekelumit rasa ikhlas yang memaniskan senyuman itu.

Senyuman yang dilemparkan mampu menyerikan hari insan lain. Ia penyejuk hati yang sedang marah serta pemula sebuah ukhwah yang menongkah segala mehnah berpaksikan mahabbah - sama senang sama susah.

Demikian pesanan yang dititipkan bonda kepada zuriatnya agar senantiasa menempuh segala ujian bersilaturahmi baik dengan adik-beradik, sahabat-handai, jiran-tetangga dengan sabar dan bersangka baik agar tidak mudah terpedaya dengan bisikan syaitan yang selalu sengaja menghasut agar berselisih faham.

Seterusnya bonda meminta sahabat anakandanya pula menggoreng telur dadar dengan menggunakan 5 biji telur ayam yang siap dikepek dengan mayangan 1 biji bawang besar, 50gm daun bawang dan 1 biji cili merah serta secubit garam secukup rasa. Setelah masak, bulatan telur dadar dihiris tirus lalu disejukkan. Kakak pula berkongsi cerita perihal para saintis mendapati senyum dan ketawa merupakan satu senaman berbentuk joging dalaman di

mana ia dapat merangsang seluruh tubuh dan mampu memberi manfaat berguna kepada sistem saraf otak dan juga hormon-hormon.

Anak dara jiran sebelah diminta menanak nasi dengan komposisi 1 cawan beras ditanak dengan 3 cawan air dan dimasak seperti biasa. Apabila telah masak, perlahan-lahan api. Setiap 5-10 minit bonda berpesan berkali-kali hendaklah gadis sunti itu mengacau sambil menekan-nekan agar nasi hancur. Matikan api dan lakukan beberapa kali proses yang sama. Akhir sekali sudukan sedikit nasi ke dalam kelongsong daun pisang dan sekali lagi tekan-tekan dengan sudu agar nasi menjadi padat dan masuk sehingga ke hujung kelongsong.

Kemudian sudukan sedikit serunding ke atasnya. Masukkan lagi nasi ke atas serunding dan tekan agar padat diikuti dengan sehiris telur dadar. Akhir sekali letakkan udang dan sedikit kuah ke atasnya. Tutupkan muncung kelongsong dan sematkan dengan lidi agar kemas dan rapi. Tunggu sehingga nasi agak sejuk, bolehlah dihidangkan. Nasi Tumpang ini kepada keluarga seisi rumah dan tetamu yang diraikan.

Tidak ketinggalan, sambil melemparkan senyuman paling manis moleklah dihulurkan 4-5 kelongsong kepada jiran tetangga sebagai sajian pagi pembuka selera pada hari nan ceria sebagaimana kajian saintis membuktikan bahawa senyuman mempertahankan aliran darah yang melalui sinus ke otak.

Oleh itu, memulakan hari dengan senyuman bukan sahaja berupaya menceriakan hidup kita, tetapi memberi kebaikan kepada kesihatan. Apabila kita tersenyum, badan turut tersenyum dan menganggap kita gembira lalu semua orang yang memandang turut seolah-olah dipujuk untuk tersenyum juga meskipun dia sedang berduka-cita. Maka ikatan silaturahmi pun terjalin dengan sempurna sesempurna sajian Nasi Tumpang yang sangat unik penyediaannya dengan bertindih-tindan lauk-pauknya sedemikian rupa.



Pelbagai lauk mengikut citarasa penggemarnya

“Kebajikan Diutamakan Kecaknaan Bersama”

سَيَمُرُ بِكُمْ فَالْتَرْتَوْا وَكَا اٰمِنِيْنَ كَلِمَتِنِ

SKIM TAKAFUL KIFAALAH WARGA EMAS

“ SEHINGGA SEPTEMBER
2013, SEBANYAK RM56
JUTA TELAH DIAGIHKAN
KEPADA 30,530 KELUARGA
AHLI ”

DIBIYATAI SEPENUHNYA OLEH **KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

DILANCARKAN MELALUI BAJET SEJAHTERA 2007

SYARAT PENYERTAAN :

- I. **KAKYAT KELANTAN**
 - PEMASTANTIN
 - ANAK PERANTAU (YANG BERDAFTAR SEBAGAI PEMILIH DAN MENDUNDI DI KELANTAN)
- II. **BERUMUR 60 TAHUN KE ATAS.**

FAEDAH KEAHLIAN:

KAHAIKAT KEMATIAN SEBANYAK RM1500.00



Agih RM6.2j dalam tujuh bulan
Pewaris terima RM1,000 selain wang pendahuluan RM500 untuk urus pengebumian

Buletin
DARUL NAIM @ Sinar
Seorang Cina wasiat RM2,000 untuk Masjid Muhammadi



KIFAALAH SDN BHD
(Anak Syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan)

LOT 5393-E, JALAN TELIPOT , 15050 KOTA BHARU, KELANTAN
TEL : 09-747 6336 FAX : 09-747 6226
www.kifaalah.com.my www.facebook.com/kifaalah



WAKIL KORPORAT TAKAFUL



NASI LEMAK BERSINAR

Nostalgia Inspirasi Pagi

Oleh Salma Husain & Muhammad Ismail Ibrahim Foto Ahmad Naime Muhammad

Nasi lemak merupakan salah satu menu pagi yang menjadi suatu kebiasaan bagi rakyat Malaysia. Penyediaan nasi lemak sangat ringkas bermula dengan nasi yang dimasak dengan menggunakan santan kelapa dengan daun pandan yang dimasukkan sekali ke dalamnya bagi menaikkan lemak dan menambahkan aromanya.

Nasi lemak kebiasaannya dihidangkan dengan telur rebus atau goreng, hirisan timun, ikan bilis goreng, kacang goreng dan sambal ikan bilis. Kini, seiring dengan tuntutan citarasa yang pelbagai, penyediaan nasi lemak telah disertakan dengan pelbagai lauk seperti daging, ayam, sotong, udang, limpa, hati (lembu) dan sebagainya.

Dari sudut sejarahnya, nasi lemak bukanlah suatu kemestian terutamanya bagi masyarakat Melayu di Malaysia. Pada awal ia merupakan satu bentuk makanan yang dibungkus sebagai bekalan kepada suami mereka yang bekerja sebagai pesawah padi dan petani yang mengusahakan tanaman getah, kelapa sawit, sayur-sayuran dan lain-lain.

Dan disebabkan nasi lemak mempunyai jumlah kalori dan komposisi lemak yang tinggi untuk membekalkan tenaga yang lebih baik dari karbohidrat, maka kebanyakan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, Selatan Thai, Brunei dan Singapura memilih nasi lemak berbanding makanan lain sebagai bekalan harian mereka.

Pada masa kini, nasi lemak bukan lagi dikhususkan hanya kepada menu sarapan pagi. Malah, ia boleh didapati pada bila-bila masa, baik siang mahupun malam. Dan disebabkan perubahan *trend* masyarakat Malaysia di dalam amalan pemakanan mereka, didorong oleh faktor kesibukan, maka nasi lemak yang ringkas penyediaannya kini merupakan satu sajian pilihan warga kota. Disamping harga yang murah, ia mudah didapati di mana-mana sahaja.

Dan apabila berbicara soal lokasi, di tengah-tengah Bandar Kota Bharu ini terdapat sebuah restoran nasi lemak yang semakin popular dan dikenali ramai. Restoran Nasi Lemak Bersinar, sebuah restoran yang terletak di Jalan Kuala Krai iaitu berhadapan dengan Loji Rawatan Air di Kampung Putih ini semakin mendapat tempat dalam kalangan penggemar nasi lemak.

Restoran ini merupakan antara puluhan restoran yang popular di negeri Cik Siti Wan Kembang. Restoran yang pada awalnya hanyalah sebuah warung kecil, namun dalam usaha untuk mengembangkan segmen pasaran, kini pemiliknya beralih pula dengan menyewa sebuah bangunan yang lebih selesa.

Restoran Nasi Lemak Bersinar menyediakan pelbagai jenis menu lauk-pauk yang memenuhi citarasa pelanggan. Dari menu sambal tumis ikan bilis, sambal ikan tongkol, telur puyuh dan telur mata kerbau hinggalah kepada sambal daging, sotong, kerang dan ayam goreng berempah.

Restoran ini bertemakan 'Nostalgia Inspirasi Pagi' dimiliki oleh Legasi Bonda Sdn Bhd melalui tetuan, Mat Yusof Derahman, dan sudah pasti ramai yang ingin mengetahui rahsia di sebalik kejayaan restoran yang pernah mencipta nama sejak tahun 1975.

Nasi Lemak TC

Bermula dengan sebuah warung yang diberi nama Nasi Lemak Teluk Cempedak (TC), kini Nasi Lemak TC telah bertukar nama kepada Restoran Nasi Lemak Bersinar sejak restoran berkenaan diambil alih oleh anak bongsunya, Azeman Mat Yusof. Krew Qiadah baru-baru ini berkesempatan menemubual pemilik restoran berkenaan bagi mendapat maklumat tentang sejarah penubuhan restoran terkenal tersebut.

Menurut Azeman, ketika ayah dan ibunya, Che Esah Che Yusof membuka Restoran Nasi Lemak TC, usianya baru mencecah tujuh tahun. Katanya, nama Nasi Lemak Teluk Cempedak diambil bersempena dengan nama tempat ibu bapanya berhijrah mencari rezeki iaitu di Teluk Cempedak. Mereka telah mendapat sebuah lot kedai untuk berniaga hasil sumbangan pihak istana.

Bermula dari situ, nasi lemak ayahnya dengan hanya berlaukan sambal ikan bilis dan telur rebus mula menjadi kegemaran ramai. Nasi Lemak TC dibungkus menggunakan daun pisang bagi menyerlahkan keasliannya. "Setelah ayah meninggal pada tahun 1981, kami pulang semula ke Kota Bharu. Bermula dengan jenama itulah kami membuka warung Nasi Lemak TC di sini," katanya.

Penjenamaan semula

Pada peringkat awal, abang sulungnya mewarisi perniagaan sepeninggalan arwah ayah. Setelah kedua-dua orang tua sudah tiada lagi, proses pembahagian harta pusaka dibuat. Azeman yang merupakan anak bongsu akhirnya membuat keputusan menukar nama Nasi Lemak TC kepada Nasi Lemak Bersinar.

Nasi Lemak TC ini kekal dikendalikan abangnya di Kampung Landak, Padang Tembak. "Biarpun melalui proses penjenamaan semula, namun pelanggan tetap datang. Mereka tidak kisah dengan penjenamaan semula nasi lemak kami. Nak letak nama apa pun letaklah, asalkan pemilikinya orang yang sama dan rasanya juga tidak berubah," ujarnya.

Ditanya berkenaan maksud disebalik nama nasi lemak bersinar. Azeman memberitahu, bersinar maksudnya berselera. "Apabila terlihat nasi lemak yang begitu cerah dan bersinar, secara tidak langsung ia akan membuka selera. Nasi lemak bersinar ini dimasak dengan menggunakan santan. Kami juga memulakan kerja-kerja memasak dengan bacaan doa, memohon pertolongan Allah agar semuanya berjalan baik, di samping dimurahkan rezeki," tambahnya.

Azeman dibantu seramai 10 orang pekerja dan kebiasaannya pada hari cuti khususnya pada hari Jumaat dan Sabtu, pekerja terpaksa ditambah sehingga lima orang lagi memandangkan pelanggan agak ramai. Restoran Nasi Lemak Bersinar ini berlainan sedikit daripada restoran-restoran lain kerana hanya pekerja lelaki sahaja yang kelihatan sebagai pelayan pelanggan.

Azeman berkata, melainkan pekerja di bahagian dapur, beliau tidak berhasrat menggaji pekerja wanita sebagai pelayan kerana tidak mahu mengeksploitasi golongan wanita sebagai umpan menarik perhatian pelanggan.

Restoran ini mula beroperasi seawal pukul 7 pagi hingga 12.30 tengahari. Beliau berpendapat bahawa nasi lemak boleh dinikmati pada bila-bila masa, tidak hanya terhad di waktu pagi atau malam sahaja. Namun begitu, beliau memilih untuk beroperasi pada sebelah pagi sahaja memandangkan waktu ini merupakan waktu puncak antara jam 9 hingga 11 pagi untuk pelanggan menikmati sarapan pagi.

Manakala di hujung minggu pula, Azeman berkata, beliau agak sibuk kerana restorannya menerima kehadiran pelanggan yang ramai. "Pada hari-hari biasa, sebanyak

24kg beras akan digunakan untuk dimasak, walau bagaimanapun pada hari Jumaat dan Sabtu, jumlahnya bertambah hampir sekali ganda kepada 58kg. Ini berikutan pelanggan-pelanggan yang datang pada hari Jumaat dan Sabtu kebanyakannya membawa keluarga bersama," ujarnya.

Harga menu yang ditawarkan bergantung kepada jenis menu permintaan pelanggan. Menu asas seperti nasi lemak telur goreng dan sambal ikan bilis berharga RM2.50 sepinggan. Manakala menu asas yang ditambah dengan lauk seperti ayam goreng, sotong atau udang akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak RM2 hingga RM3 bergantung kepada jenis lauk yang dipesan. Antara menu pilihan ialah hidangan sambal sotong yang merupakan "trademark menu" bagi restoran Nasi Lemak Bersinar.

Ditanya mengenai rahsia kejayaan dalam mengembangkan restoran ini, Azeman hanya tersenyum. Sebaliknya beliau menegaskan tiada apa pun keistimewaan yang perlu dikongsi kerana beliau beranggapan, restorannya berkembang seperti mana restoran-restoran lain juga. Mungkin apa yang membezakan ialah rezeki Tuhan yang lebih memihak kepadanya.

Menyentuh soal keberkatan, beliau berkata apa yang penting dan menjadi keutamaan ialah membaca Basmalah setiap kali mula memasak. Menurutnya, untuk menzahirkan setiap apa yang dilakukan sama ada makan, tidur, bekerja termasuklah memasak perlu sentiasa mengingati Allah. Beliau bagaimanapun berkata, kejayaannya bukan diraih dalam masa singkat. Dengan hanya memperuntukkan modal yang kecil, kini restorannya semakin berkembang.

Azeman menceritakan bagaimana beliau dan isteri bangun seawal pukul 3 pagi setiap hari untuk memasak pelbagai jenis menu untuk dihidangkan keesokkan paginya. Beliau bernasib baik kerana mewarisi resipi peninggalan arwah kedua orang tuanya yang merupakan tukang masak di rumah seorang doktor berbangsa Inggeris. Resipi ini terus kekal dipertahan hingga sekarang.

Masa hadapan

Ditanya mengenai prospek untuk jangka panjang, Azeman berkata beliau akan terus berusaha memajukan lagi restorannya. Walaupun Restoran Nasi Lemak Bersinar ini telah dikenali ramai, beliau tidak berhasrat untuk berhenti ditengah jalan. Menurutnya, beliau menyimpan impian untuk meningkatkan mutu penghasilan hidangan terutama dalam aspek pembungkusan. "Apabila kita ingatkan makanan segera tentu sahaja Maggi yang melekat di fikiran. Kenapa kita tidak berusaha menambahkan produk segera lain?" ujarnya.

"Saya sedang membuat kajian untuk menghasilkan nasi lemak segera dengan menggunakan pembungkus khas yang ditempah dari Pulau Pinang," ujarnya lagi. Beliau boleh mendapatkan bekalan kotak yang tahan panas, boleh dibasuh dan kalis minyak untuk tujuan pembungkusan nasi lemak. Sebanyak 30,000 kotak dibeli dari Pulau Pinang dalam tempoh setahun.

Dan ternyata, usaha dan penat lelah Azeman dan isteri memang berbaloi. Oleh itu, beliau menyimpan hasrat untuk mengukir nama yang lebih jauh di bawah jenama 'Nasi Lemak Bersinar'.



IKAN BAKAR

Pecah Selera dikala Malam

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya & Muhammad Ismail Ibrahim Foto Ahmad Naime Muhammad



Kelantan merupakan salah satu destinasi yang menyajikan pelbagai jenis masakan yang menyelerakan terutamanya bagi penggemar masakan panas dan hidangan ikan bakar. Di kebanyakan kawasan terutamanya berhampiran dengan sumber makanan laut, tidaklah terlalu sukar untuk mencari tempat yang menyediakan sajian tersebut.

Khususnya bagi mereka yang memilih untuk menikmati sajian sihat yang kurang kolestrol dan rendah kalori, hidangan yang berasaskan bakar menjadi keutamaan mereka. Hidangan yang lazat dan berzat serta kaya dengan sumber protein kini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Hidangan ikan bakar yang panas disusuli curahan sambal yang menggiurkan pasti membangkitkan selera dikala perut yang sudah berkeroncong. Dan sudah tentunya, jika penggemar hidangan ikan bakar ini sedang dan ingin mencari lokasi yang menjanjikan kelainan rasa dan menawarkan harga yang berpatutan, terdapat beberapa tempat menarik yang boleh dikunjungi di sekitar Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan lain-lain.

Di antara lokasi yang menyajikan hidangan ikan bakar tersebut ialah Raja Ikan Bakar, Juara Ikan Bakar, Kahfi Tomyam Seafood serta Ikan Bakar Pok Su Leh.



Raja Ikan Bakar

Restoran Raja Ikan Bakar di Jalan Abdul Kadir Adabi (Jalan Hospital) merupakan salah satu restoran yang menawarkan hidangan ikan bakar di bandar Kota Bharu. Faktor yang membangkitkan selera pelanggan ialah ketulenan rasa sambal belacan sebagai pencicah yang disertakan dengan ulam-ulaman segar.

Pemilik restoran ini bagai sudah dapat menghidu keinginan penggemar ikan bakar dengan menyajikan hidangan yang menepati citarasa pelanggan. Pengasasnya, Pazura Asma Awang, 36 yang merupakan bekas graduan Pengurusan Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia mengambil inisiatif membuka restoran tersebut memandangkan permintaan tinggi terhadap ikan bakar.

Pazura berkata, selepas menamatkan pengajian pada tahun 2004, beliau mengusahakan restoran tersebut yang bermula sebagai "family business". Sehingga kini, beliau mempunyai 2 cawangan iaitu di Jalan Abdul Kadir Adabi dan sebuah lagi di hadapan Sekolah Kebangsaan Long Gafar, Pasir Tumbuh.

Berbekalkan modal RM1,000 setiap hari, beliau mendapatkan bekalan ikan segar, ketam, udang, sotong dan pelbagai hasil laut di Pengkalan Pantai Sabak. Hidangan nasi putih bersama ikan bakar yang disediakan tanpa kuah merupakan suatu kelainan berbanding menu ikan bakar di lain-lain restoran.

Pelbagai jenis ikan yang disediakan untuk dibakar seperti jenahak, merah, siakap, ebek, saga, kerapu, cencaru, kerisi, pari, aji-aji dan lain-lain.

"Ada pengunjung yang datang dari luar negeri semata-mata untuk menikmati ikan bakar di restoran kami. Pernah suatu ketika seorang wanita yang mengandung datang dari Kuala Lumpur semata-mata untuk menikmati ikan bakar di sini," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Ketika kunjungan kami ke restoran Raja Ikan Bakar tersebut, pekerjaanya sedang sibuk melayan para pelanggan yang memenuhi segenap ruang restoran. Salah seorang pengunjung di restoran itu ketika ditemui menggelarkan sambal belacan Pazura sebagai "sambal ssohor".

Cawangan Raja Ikan Bakar di Jalan Abdul Kadir Adabi dibuka setiap hari kecuali Jumaat, bermula jam 6.30 petang hingga 12.30 malam, manakala cawangan di Pasir Tumbuh ditutup pada hari Sabtu. Dibantu oleh 12 orang pekerja, Pazura sentiasa memastikan tahap kesegaran ikan dan rasa sambal belacan berada dalam keadaan terbaik. Ditanya mengenai harga, Pazura berkata ia amat berpatutan bermula dengan harga sekitar RM10 serta tidak membebankan pelanggan.

Bagi pelanggan yang ingin membuat tempahan awal boleh menghubungi Pazura di talian 013-957 9745.



Juara Ikan Bakar di Kubang Kerian



Mohd Yuzaimie



Ab Aziz Daud



Juara Ikan Bakar

Wakil Qiadah juga turut berpeluang ke Restoran Juara Ikan Bakar untuk menikmati kepelbagaian rasa ikan bakar di tempat yang berbeza. Ternyata setiap pengusaha restoran memastikan pendekatan yang digunakan akan membangkitkan selera pelanggan dengan kelainan rasa yang ditampilkan. Selain kesegaran dan kepelbagaian jenis ikan yang menjadi keutamaan, kuah atau sambal juga perlu dititikberatkan bagi memastikan adunan ikan dan sambal tidak hambar.

Restoran Juara Ikan Bakar ini telah diasaskan pada awal 1990-an terletak di Perupok, Bachok (berhampiran pejabat Persatuan Nelayan Bachok). Pemiliknya, Ab Aziz Daud, 43, berkata beliau mula menceburkan diri sebagai pengusaha restoran ikan bakar selepas memperolehi ilmu tentang bagaimana cara-cara membuat adunan rempah di Terengganu. Selain itu, minatnya mengusahakan restoran makanan laut ini juga sebagai menghargai sumber laut yang kaya dengan protein.

"Saya mendapati rempah-ratus yang digunakan enak dan menyelerakan. Maka, timbul keinginan untuk mempelajari cara-cara membuat ramuan tersebut. Bermula dari situlah saya membuka restoran yang diberi nama Juara Ikan Bakar. Sekarang sudah ada tiga cawangan," katanya.

Kini cawangan restoran Juara Ikan Bakar terdapat di Kubang Kerian (Jalan Kota Bharu-Pasir Puteh), cawangan kedua di Jalan Kota Bharu-Bachok juga di Kubang Kerian dibuka pada awal tahun 2010 manakala cawangan ketiga di Medan Ikan Bakar (MIB) Kedai Buloh, Jalan Pantai



Medan Ikan Bakar, Kedai Buloh

Cahaya Bulan. MIB tersebut dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Ikan pilihannya seperti jenahak, kerisi, merah, bawal, aji-aji, geruk dan pelbagai jenis spesies ikan serta sotong dan udang. "Penyediaan pelbagai jenis ikan membolehkan pengunjung membuat pilihan dan harga yang ditawarkan mengikut pasaran semasa harga ikan," ujarnya.

Pengurus di cawangan tersebut, Mohd Yuzaimie Bisme Hashim berkata, "kami mendapat bimbingan daripada Bahagian Usahawan PKINK bagi mempromosikan MIB. Medan ini terletak di tepi Sungai Kelantan dan agak jauh sedikit dari jalan utama. Pada hari-hari biasa agak kurang pelanggan, tetapi pada hujung minggu ramai pengunjung dan pelancong datang," ujarnya.


Medan Ikan Bakar beroperasi setiap hari bermula jam 5 petang hingga 12 malam. Ruang perniagaan yang disediakan adalah selesa dan luas. Orang ramai yang ingin membuat tempahan boleh menghubungi Yuzaimie di talian 013-926 0046.

KAHFI TOMYAM SEAFOOD

IKAN BAKAR, MAGGI KETAM, NASI AIR SPECIAL
TEL: 019-9392001
KT 0168348-K



Atikah Abu Bakar



Kahfi Tomyam dan Seafood

Pengalaman berbeza pula dirasai ketika menjejakkan kaki ke Kahfi Tomyam Seafood di Wakaf Bharu, Tumpat, sebuah restoran ikan bakar yang eksklusif khusus untuk mereka yang inginkan kedamaian dan suasana yang romantik.

Dilengkapi dengan dewan makan berhawa dingin yang boleh memuatkan 120 orang pelanggan dalam satu-satu masa dengan hiasan dalaman yang menarik amat sesuai untuk dikunjungi terutamanya untuk mengadakan majlis resepsi dan acara rasmi.

Pemilik restoran, Atikah Abu Bakar, 34, berkata, pemilihan suasana tersebut adalah untuk memberi keselesaan kepada pelanggan ketika menikmati hidangan selain menampilkan kelainan berbanding restoran-restoran ikan bakar yang lain. Beliau yang mulanya berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan menjual nasi kerabu daging bakar di Pasar Wakaf Bharu, kini telah beralih pula kepada hidangan berasaskan makanan laut dan ikan bakar.

Beliau memberitahu, bekalan ikan segar diperolehi daripada pembekal-pembekal dari Pantai Sabak, Kampung Geting, Kuala Besar dan Tok Bali. Antara ikan-ikan yang menjadi pilihan ialah siakap, bawal, tenggiri, merah dan pelbagai lagi dengan harga mengikut saiz dan nilai semasa. Setiap hidangan yang disediakan pula begitu menyelerakan terutamanya ikan bakar yang dicampur sedikit perahan asam limau dan disertakan dengan kuah sambal yang pasti menaikkan selera.

Kini, nama Kahfi Tomyam Seafood bukan sahaja menjadi tumpuan penduduk setempat, malah ia berjaya menarik pengunjung dari luar Kelantan dan pelancong asing. Dibantu oleh pekerja yang ramai iaitu 40 orang membolehkan restoran tersebut diurus dengan sangat lancar.

Kedudukan Kahfi Tomyam Seafood begitu strategik di laluan utama Wakaf Bharu ke Kota Bharu. Atikah juga memberitahu biar pun jarak untuk mendapatkan bekalan ikan agak jauh, beliau memastikan bekalan ikan sentiasa berada dalam keadaan mencukupi bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Selain menawarkan hidangan yang berasaskan bakar, Kahfi Tomyam Seafood turut menyediakan hidangan lain seperti maggi ketam yang kini kian mendapat sambutan hangat terutamanya pengunjung dari luar negeri. Saiz ketam yang agak besar dengan rasa kuah maggi yang masam-masam manis pasti tidak mengecewakan pengunjung.

Atikah yang turut dibantu suaminya memberitahu, oleh kerana impiannya untuk memperkenalkan resepi ikan bakar Kahfi Tomyam Seafood ke seluruh Kelantan, kini beliau dalam perancangan untuk membuka sebuah lagi cawangan baru di Wakaf Che Yeh. Restoran di Wakaf Che Yeh ini juga akan menyediakan pelbagai jenis masakan panas, namun keutamaan masih lagi diberikan kepada hidangan berasaskan ikan bakar.

Restorannya beroperasi dari jam 1 petang sehingga 1 pagi dan dibuka setiap hari. Bagi sesiapa yang ingin merasai sendiri keenakan ikan bakar dan tomyam di Restoran Kahfi Tomyam Seafood ini, boleh menghubungi talian 019-939 2001 atau 019-986 2001.



Embun Che Muda



Ikan Bakar Pok Su Leh

Berbeza pula dengan Embun Che Muda, 53, yang dahulunya menjual mi sup di Pantai Bisikan Bayu, sekarang telah beralih pula kepada ikan bakar. Bermula dengan perniagaan kecil-kecilan, kini beliau memiliki sebuah restoran ikan bakar berhampiran Tok Bali Bay, sebuah ruang niaga yang lebih selesa disediakan oleh Majlis Daerah Pasir Puteh.

Dibantu seramai 10 orang pekerja, Embun memulakan perniagaan ikan bakar pada tahun 2007 dengan mendapatkan bekalan ikan segar dari jeti di Tok Bali. Lokasi yang strategik iaitu di laluan Tok Bali-Kuala Besut menjadikan restoran ini semakin popular terutamanya kepada penduduk di Pasir Puteh. Penyediaan ruang parkir yang luas juga menjadikan restoran ini sering dipenuhi pengunjung terutamanya pada hujung minggu.

Menurut Embun, keistimewaan yang ditampilkan restoran ini ialah pengunjung boleh menikmati ikan bakar berempah dengan harga yang berpatutan. Ikan yang dibalut dengan daun pisang bersama-sama rempah-ratus

yang diadun sehati membangkitkan aroma yang membuka selera. Selain daripada sajian ikan bakar, maggi ketam dan pulut ikan bakar juga disediakan.

Hanya menyajikan ikan-ikan segar dari Tok Bali, Ikan Bakar Pok Su Leh sememangnya dapat memenuhi selera penggemar ikan bakar dan masakan panas. "Selalunya, pelanggan akan melakukan tempahan terlebih dahulu kerana kebanyakan mereka datang secara berkumpulan ataupun dengan keluarga," katanya.

Ujar beliau lagi, setiap hujung minggu pekerjajanya tidak menang tangan kerana orang ramai datang bersama keluarga. Mereka mendiami resort yang terdapat di sepanjang Pantai Melawi dan Pantai Bisikan Bayu. Beliau amat menitikberatkan kepuasan pelanggan dan sehingga kini perniagaannya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Kedai ini dibuka dari jam 1 tengahari hingga 1 pagi. Bagi mereka yang ingin membuat tempahan awal, beliau boleh dihubungi di talian 013-9011623.

Towards A Better Living



PKINK



KELKON SDN.BHD
(63320-U)

Syarikat Kumpulan KELKON:



KELMIX



KTC CONVENTION &
APARTMENTS SDN.BHD

KELKON SDN.BHD

(Anak Syarikat PKINK)

Tingkat 8, Menara Pejabat, Kelantan Trade Centre,
Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-741 4500/4545 Faks: 09-744 5977
www.kelkon.com.my



**TEMPAHAN
Dibuka
Sekarang**

Taman Perstarian Indah
Bandar Baru Jeli, Jeli



Kelantan Trade Centre
Kota Bharu



Kelmix
Puchong Temiloh, Pengkalen Chapa



20 Unit Banglo Machang
Ulu Bat, Machang

**DIBUKA
Untuk
Jualan**



**TEMPAHAN
Dibuka
Sekarang**

11 Unit Banglo Gading Galah
Pulau Chandong, Machang
Type C



7 Unit Rumah Kedai
Laman Masjid, Tanah Merah




11 Unit Banglo Gading Galah
Pulau Chandong, Machang
Type A

SEWA SCAFFOLDING

Kadar Termurah di Kelantan

**DISKAUN
30%**



- U-Head
- Maint Frame
- Join Pin
- Cross Brace
- Jack Base

*1 Set = 2 Main Frame + 2 Cross Brace + 4 Join Pin



Dr. Shaharir ketika ditemui di rumahnya

DR. SHAHARIR MOHAMAD ZAIN

Pakar Matematik Hasilkan Buku Kepemimpinan

Oleh Dinsman Foto Ahmad Naime Muhammad

1. Tolong ceritakan sedikit latar belakang keluarga dan di mana tempat Dr dibesarkan?

Anak kepada keluarga petani-tokguru: bapa seorang lulusan pondok, mulanya buka sekolah agama rakyat tahun 1950-an tetapi kemudian membuat keputusan untuk bertani sepenuh masa sambil mengajar di beberapa buah surau di daerahnya. Katanya dia tak mahu "jadi orang menerima ehsan dari orang kampungnya atau sekitarnya sepanjang masa". Dia mahu lebih berdikari dan memperbaiki kedudukan ekonominya supaya tidak senasib dengan tok guru atau tok lebai pada masa itu. Dia dianggap "Kaum Muda" kerana perjuangan kemerdekaannya dan dakwah agamanya yang berbeza daripada yang lain (bertentangan dengan amalan biasa yang dianggapnya khurafat). Diburu oleh kuasawan masa itu.

Saya dilahirkan dan dibesarkan di Pasir Puteh, Kelantan, oleh keluarga yang sedemikian bitaranya.

2. Latar belakang pendidikan dan kelulusan.

Bersekolah Melayu hingga ke peringkat SRP di Pasir Puteh, kemudian pindah ke Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur, untuk SPM dalam Sastera (belum ada aliran sains dalam aliran Melayu). Tingkatan 6 di sekolah Alam Shah dalam aliran Sains pertama dalam Bahasa Melayu (dipaksa seramai 23 orang ke aliran tersebut semata-mata kerana bagus dalam Matematik; dan kerajaan mahu cepat aliran Sains dalam Bahasa Melayu agaknya). Kena belajar 3 tahun tingkatan enam kerana tukar aliran itu, 1964-1966.

Kami memberontak lawan sekolah dan kerajaan, tidak mahu aliran Sains kerana kami orang Sastera, demikian hujah kami. Pemberontakan gagal, walaupun Pengarah Pelajaran Pesekutuan, Aminuddin Baki sendiri datang bertemu kami dan berdialog! Ambil peperiksaan tiga subjek HSC (Cambridge High School Certificate) dalam aliran Sains (dalam Bahasa Inggeris) dan Peperiksaan Khas Pra-Universiti Aliran Sains UM (dalam Bahasa Melayu), 1966.

Ternyata projek ini gagal kerana hanya beberapa orang sahaja yang berjaya lulus HSC dan Peperiksaan Khas UM itu. Antara beberapa orang yang lulus itu hanya dua orang (termasuk saya) yang berkelulusan agak baik dalam HSC, lalu kedua-duanya ditawarkan biasiswa Rancangan Kolombo ke Australia (sebagai ujian kebolehan aliran Melayu agaknya) untuk ijazah Matematik dan Diploma Pendidikan. Seorang guru Matematik kami berkata, "ini satu tawaran yang silap," semasa kami berjumpa di biliknya untuk mendapat tandatangan yang relevan pada borang penerimaan tawaran itu.

Alhamdulillah, saya dapat ijazah yang baik (1970) dan terus ditawarkan untuk buat Ph.D dalam matematik oleh universiti berkenaan, 1971-1973. Terima tawaran ini setelah mendapat kelulusan kerajaan untuk tidak buat Diploma Pendidikan. Biasiswa Rancangan Kolombo juga diteruskan. Berjaya mendapat Ph.D 1974 dan pulang bertugas di UKM pada tahun itu juga.

3. Bagaimana cerita Dr membina kerjaya?

Tekad yang kuat untuk mendidik anak bangsa dalam Bahasa Melayu sambil membuktikan kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dan menjadi diri sendiri juga seorang sarjana yang setanding dengan sarjana Barat. Inilah yang mendorong saya banyak menulis buku teks Matematik universiti dalam bahasa Melayu dengan memastikan setiap mata kuliah yang diajar mesti dirakamkan dalam bentuk sebuah buku teks dalam masa 3-5 tahun.

Penyelidikan dilakukan dengan menyambung perkara yang dibuat semasa Ph.D dan masih belum selesai sepenuhnya, atau diperluaskan permasalahannya. Ternyata pembinaan istilah dalam bahasa Melayu, dan perluasan masalah penyelidikan yang boleh mendekatkan masalah itu dengan umat sendiri dahulu, mengalirkan saya berinteraksi secara peribadi dan menerus pembacaan dengan pelbagai pihak terutamanya ahli bahasa, budayawan dan membaca sejarah dan falsafah tamadun sendiri dan Islam.



Mini perpustakaan di rumah beliau

Sebagai menggalakkan lagi diri membaca lebih banyak bidang baharu ini, maka kursus baharu "Sejarah Matematik" dan "Sejarah dan Falsafah Sains" diwujudkan atas prakarsa sendiri (dengan kandungan kursus yang agak radikal pada masa itu, iaitu kritikan sains semasa, pengenalan gagasan sains Islam dan warisan ilmu sains dari tamadun bukan Barat, Islam terutamanya) dan setelah bersusah-payah melawan arus akhirnya diluluskan pada tahun 1982.

Itulah pembuka pintu saya ke alam dunia kesarjanaan saya yang agak bitara sehingga hari ini. Penyelidikan Sains Matematik saya semakin berasaskan pada nilai, bukan lagi semata dalam acuan Barat yang tidak disedari dahulunya bernilai Barat.

4. Pengalaman paling menarik sebagai pensyarah di universiti.

Sebagai ahli akademik, perkara yang paling seronok ialah melihat karya sendiri berjaya terhasil; kedua, berjaya melahirkan pelajar peringkat Sarjana atau D. Fal.; kerana di situlah tersirat kejayaan wawasan keilmuan seseorang pensyarah. Saya juga terasa amat teruja apabila diberi kepercayaan untuk menjadi TNC 1988, kerana saya fikir saya berpeluang memperbaiki kurikulum universiti ke arah melahirkan pelajar yang lebih kritis.

Malangnya untuk 3 tahun pertama saya ditugaskan portfolio bukan akademik, dan hanya sekitar 3 tahun kedua saya diberi portfolio akademik, dan masa itulah



Dr. Shaharir dan isterinya



saya agak gembira bertugas. Dapatlah juga melaksanakan sedikit apa yang dicita, seperti mewajibkan kursus sejarah dan falsafah ilmu pada sebahagian besar pelajar. (Tidak semua pelajar, kerana ada fakulti yang tidak semestinya bersetuju dengan wawasan TNC! Dekan bukan dilantik oleh TNC. Ada yang tidak bersetuju dengan wawasan saya yang dianggap Islamis; dan yang lain lagi hanya tidak mahu berubah).

Saya juga terkenang manis kepada perjuangan saya menerusi Persatuan Kakitangan Akademik UKM (menjadi Setiausaha Agung dan Presiden buat beberapa penggal), iaitu selain daripada memperjuang penambahbaikan kebajikan pensyarah, ada pula pertelingkahan kami dengan pihak Menteri Pelajaran yang mahu membulduzkan sebuah akta yang sama dengan AUKU untuk pelajar, tetapi dinamainya Akta Tatatertib Guru. Akta ini tetap dijalankan dan berkuatkuasa hingga kini walaupun ada beberapa klausa yang kami bangkang dihilangkan, tetapi yang besar-besar yang mengongkong daya pengkaryaan pensyarah, tetap ada.

5. Dr telah menulis kira-kira 30 buah buku akademik, mana satu di antara semua itu yang paling Dr suka, dan mengapa?

Buku teks matematik yang paling saya suka ialah buku Vektor dan Tensor: Satu Pendekatan Terkamir, 1991,

kerana di situ saya menunjukkan bagaimana penulisan buku teks Matematik boleh diasaskan pada nilai untuk pertama kalinya di rantau ini, dan mungkin juga di dunia. Manakala buku interdisiplin yang paling saya suka ialah buku Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu, 2008, kerana buku inilah buat pertama kalinya di rantau ini ilmu sains kepemimpinan dan kepengurusan diperlihatkan bukan sahaja sarat unsur Matematik, tetapi yang lebih penting lagi sarat nilai, walaupun menerusi Matematik, dan bagaimana ilmu ini boleh dibangunkan semula berasaskan kebudayaan sendiri, dan masih relevan.

6. Orang Melayu dikatakan lemah Matematik, sedangkan Dr pakar Matematik. Mengapa Melayu lemah Matematik?

Ingin saya tegaskan pada kesempatan ini, Melayu dari luar Malaysia juga ramai yang mencapai tahap yang sama atau lebih daripada saya. Saya dianggap Melayu Malaysia yang pertama mendapat Ph.D dalam Matematik, tetapi Melayu dari Indonesia, Sumatera umpamanya, sudah lama lebih awal daripada saya mendapat ijazah tertinggi ini. Jadi apabila kita bercakap Melayu kita tidak sepatutnya melihat Melayu di Malaysia sahaja terutamanya sebelum 1945 (sebelum wujudnya beberapa buah negara-bangsa Melayu ini). Melayu sebagai bangsa yang lebih luas, Malayonesia atau Malayuwiyah terbukti agak tinggi juga pencapaian Matematiknya pada abad-abad yang lepas. Mungkin kerana peluang untuk belajar di Malaysia

sebelum 1970-an amat terhad, menyebabkan keadaan terkebelakangnya pencapaian Melayu dalam bidang ini, bahkan semua bidang.

Saya anggap ahli Matematik Melayu sekarang sudah membuktikan mereka setanding dengan ahli Matematik daripada suku-kaum lain di Malaysia, bahkan di persada dunia. Ratusan makalah ilmiah mereka terbit dalam jurnal-jurnal antarabangsa. Di peringkat pelajar (sekolah dan mahasiswa), mungkin senario pelajar Melayu masih terkebelakang daripada pelajar suku-kaum lain (nampak masih berlaku), terutama jika dilihat pada prestasi peperiksaan SPM dan ijazah pertama.

Saya berhipotesis pelajar Melayu tidak sesuai dengan soalan-soalan bersifat hafalan teknis yang berleluasa seperti sekarang. Mereka nampak lebih berjiwa seni dan berdaya karya. Oleh itu soalan ilmu (Matematik tidak terkecuali) yang menjurus ke arah kurangnya keperluan hafalan teknis itu mungkin boleh meningkatkan prestasi mereka. Namun kajian selanjutnya perlulah dilakukan.

Ini kelemahan sarjana kita dalam bidang ilmu, iaitu hampir tiada ilmuwan sesuatu bidang (seperti matematik) yang berminat kepada isu pendidikan ilmu berkenaan; menyebabkan tahap pendidikan kita tidak berubah, dan jika berubah pun kerana kita cuba melaksanakan kaedah yang diimport, yang terbukti gagal satu demi satu.

7. Orang Kelantan suka merantau bekerja di luar Kelantan, mengapa?

Ini suatu hipotesis. Belum ada kajian yang meyakinkan saya. Cerapan sepintas lalu saya mendapati orang Melayu Melaka dan Negeri Sembilan juga suka merantau. Bahkan saya difahamkan, faktanya orang Melayu di Perth, Australia banyak dari Melaka! Jika benar pun hipotesis itu mungkin kerana orang Kelantan mahu membuktikan kehebatan kemelayuannya berbanding dengan Melayu negeri lain. Secara kebetulan, saya ada terbaca hasil kajian genetik Melayu oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Oppenheimer, membuktikan orang Kelantan memang lebih asli kemelayuannya berbanding dengan Melayu negeri-negeri lain di Malaysia.

8. Berapa kerap Dr balik ke Kelantan?

Hampir setiap dua bulan.

9. Kalau bercerita tentang Kelantan kepada orang luar Kelantan, apa yang Dr suka ceritakan?

Seperti yang disebut tadi – sikap orang Kelantan yang menganggap merekalah mewakili Melayu yang lebih asli dan merekalah juga yang cuba mendekati dan menghayati ajaran Islam lebih baik daripada negeri lain, walaupun fahaman Islam mereka tidak semestinya semuanya cocok dengan saya.

10. Bila balik Kelantan, mana yang Dr suka pergi? Mengapa?

Ke kedai-kedai yang menjual kitab atau individu yang terkenal secara tempatan banyak kitab, kerana di situ saya

mungkin menemui buku dan majalah/manuskrip lama yang menarik. Yang jelasnya saya akan cuba mendapatkan majalah Pengasuh yang lama-lama atau yang terbaharu yang semakin sukar diperolehi.

11. Hobi/kegemaran?

Membaca, "berdakwah ilmu", dan menulis.

12. Dr terlibat dengan beberapa BBK atau NGO. Boleh ceritakan?

Semasa belajar di Australia (di La Trobe University, Melbourne), saya telah ikut serta dalam dua buah kegiatan berpersatuan, iaitu menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Melayu Melbourne untuk beberapa tahun, termasuklah ketika Yahya Ismail (yang saya kenal sebagai pengkritik sastera) menjadi Presiden. Saya juga turut bergiat dalam kumpulan kiri di sana, menunjuk perasaan terhadap Amerika dan Australia, berpolitik tentang Vietnam tahun 1970-an dan gerakan penentangan Israel menduduki Palestin yang cukup memuncak di kalangan pelajar universiti Australia pada masa itu.

Saya pernah menerima padahnya dari kumpulan pemuda Australia yang tidak senang dengan kegiatan menentang Amerika dan Australia, lebih-lebih lagi dari kalangan pelajar Asia (masa itu dasar Australia untuk Orang Putih sahaja, Australian White Policy, dan anti-Asia cukup kuat). Mereka merosakkan kereta buruk saya yang ada pelekat "Israel is Occupied Palestine" (Israel ialah Palestin yang Dicerobohi) dan menghembangkannya ke gaung. Apabila kes ini dibicarakan di Mahkamah saya fikir saya mencipta sejarah, sekurang-kurangnya di Mahkamah itu, apabila al-Qur'an buat pertama kalinya terpaksa dicari dan dibawa ke hadapan Hakim mahkamah, untuk saya bersumpah atas nama Kitab itu (saya enggan bersumpah dengan meletakkan tangan di atas Bible yang menjadi adat kebiasaan di sana).

Pulang ke tanah air pada 1974, saya cergas dalam Persatuan Kakitangan Akademik UKM (PKAUKM) – menjadi Setiausahanya mulai 1976, dan Presiden 1981-1985. Dua perkara besar berlaku ketika saya di peringkat eksekutif persatuan itu ialah penegosiasian dan pertembungan pendapat dengan pihak kerajaan dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang melahirkan skim perkhidmatan baru yang pertama untuk kakitangan akademik, dikenali sebagai Laporan Harun, dan dianggap penurunan martabat ahli akademik Malaysia yang pertama; dan penambahan Perintah Am kepada ahli akademik yang diberi nama "Tatatertib Guru" yang kandungannya sealiran dengan AUKU untuk pelajar (iaitu pembundungan kegiatan ahli akademik).

Memang banyaklah BBK yang saya ikut serta, sebelum saya bersara, (termasuklah Persatuan Linguistik Malaysia sejak 1977, Institut Fizik Malaysia sejak 1978, Persatuan Penterjemah Malaysia sejak 1983, Institut Statistik Malaysia sejak 1986, dan Institut Pengurusan Malaysia sejak 1991).

Ingin saya sebut di sini dua buah persatuan lagi yang saya menerujunya, iaitu Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) – menjadi Presidennya 1995-2004 dan Setiausahaanya 1985-1994; dan Persatuan Matematik Malaysia (yang pada masa kepemimpinan saya, Presidennya 1996-2002, diubah kepada Persatuan Sains Matematik Malaysia, dengan akronim PERSAMA, supaya merangkumi makna matematik yang lebih tepat dan lebih mesra rakyat). Kedua-dua BBK ini saya anggap berlaku perubahan yang agak bererti dalam tempoh kepemimpinan saya, iaitu merakyatkannya dan mengorientasikannya ke arah lebih peka dengan keperluan ilmu dan rakyat, seperti membawa ASASI menjadi sebuah organisasi untuk semua ilmuwan (sesuai dengan makna sains dalam Islam), dan penggerak utama gerakan Reformasi sebaik sahaja teretusnya kes penganiayaan Anwar Ibrahim pada tahun 1998.

Saya bernasib baik tidak kena AKAD/ISA walaupun beberapa kali diasak siasat oleh polis, mungkin kerana rekod kepartian saya tidak ada. Selain ASASI saya juga membawa PERSAMA ikut serta bersama BBK lain dalam gerakan memprotes dasar kerajaan dalam pendidikan (Akta Pendidikan Swasta 1998 dan dasar PPSMI 2002). Di samping itu saya sendiri menggerakkan penyerahan memorandum kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan pada 2002, dengan mendapat 75 orang profesor sains dan teknologi membantah PPSMI; dan atas nama ASASI dan PERSAMA saya mendapatkan 17 buah persatuan berasaskan sains dan teknologi menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan membantah penyisihan bahasa Melayu dalam pendidikan sains dan matematik di universiti awam dan swasta.

Pertembungan saya dengan kerajaan pada 2002 itu menyebabkan pihak universiti, UKM khususnya, mengambil tindakan tatatertib terhadap saya dengan menggunakan peraturan "Tatatertib Guru" yang diperkenalkan 1977 itu. Sebaik sahaja saya mencapai tempoh persaraan wajib, saya ditunjuk jalan dengan tegasnya supaya berundur, dengan cara menawarkan profesor kontrak setahun dan grad profesor saya diturunkan. Sejak itu saya berkelana di beberapa buah universiti atas ehsan rakan sekerja sahaja ... UPM, UMT (tatatertib lagi di sana)... berehat... dan sejak dua tahun lepas di UM.

Niat di hati mahu berehat dari kegiatan berpersatuan setelah berundur daripada memegang jawatan dalam persatuan-persatuan itu sejak 2004, namun jiwa perjuangan saya tetap membara sehingga hasrat itu terkubur. Saya mendapati diri saya menemui kepuasan menerusi penyelidikan dan kegiatan berpersatuan yang dirasakan memperjuangkan aspirasi saya selama ini, walaupun sebagai ahli biasa.

Itulah yang berlaku pada tahun 2008, saya diajak rakan-rakan supaya membantu Dato' Hasan Ahmad menggerakkan BBK yang dinamai Gerakan Memansuhkan PPSMI, atau ringkasnya GMP, yang membawa kepada demonstrasi rakyat besar-besaran pada 7 Mac 2009; dan sejak pulangnya AY Dato' Hasan (2012) saya diminta menggantinya sebagai Pengerusi gerakan ini, yang saya anggap belum selesai perjuangannya. (PPSMI yang dinaungi oleh arkiteknya Dr Mahathir kini menuntut supaya bukan sahaja PPSMI dikekalkan di 10% sekolah yang masih diizinkan meneruskan PPSMI sehingga 2020, tetapi mewujudkan sekolah aliran Inggeris sebagai alternatif kepada sekolah vernakular sekurang-kurangnya sebuah di setiap daerah di Malaysia).

Pada awal 2013 pula saya menyahut seruan rakan-rakan agar menubuhkan sebuah badan penyedaran kebobrokan nilai mulia di Malaysia, yang dinamai Gerakan Intelektual Rakyat (GATERA). Insya-Allah dua buah BBK ini akan saya gerakkan sewusto mungkin.

13. Bila orang kata Kelantan ketinggalan dalam pembangunan, apa respon Dr?

Pembangunan bangunan yang hebat-hebat memang agak ketinggalan, kerana pembangunan Kelantan rata-rata adalah pembangunan yang diusahakan oleh orang tempatan untuk dirinya sendiri atau rakyat setempat; sedang pembangunan di Lembah Kelang misalnya bertujuan untuk "orang lain", bukan untuk "orang setempat", bahkan orang setempat hampir pasti tersisih.

14. Berdasarkan pengalaman Dr, betulkah orang Kelantan lebih bersifat keusahawanan dibandingkan dengan orang luar Kelantan? Mengapa begitu?

Ini persoalan hipotesis lagi saya kira. Kajian yang meyakinkan bahawa konon orang Melayu Kelantan lebih berdaya pengusahaan berbanding dengan Melayu negeri lain belum saya dapati. Namun nampaknya begitu lah terutama apabila pelancong melawat Kelantan. Akan tetapi itu mungkin silap juga kerana Kelantan memang sarang orang Melayu. Kalau pun betul, mungkin kerana Melayu Kelantan mahu membuktikan kehebatannya sesuai dengan pendiriannya yang diperihalkan di atas tadi.

15. Apa yang telah, atau akan Dr sumbangkan untuk Kelantan?

Saya tidak rasa saya memberi apa-apa sumbangan secara terus kepada Kelantan. Saya telah lama mengidam untuk memberi sumbangan secara terus kepada Kelantan dalam hal "pendidikan Islam". Namun tidak kesampaian. Mungkin orang Kelantan, khususnya kuasawan Kelantan tidak begitu memahami idaman saya selama ini. Mungkin juga kerana mereka sudah berpuas hati dengan jenama "pendidikan Islam" yang dibuat oleh kerajaan Kelantan itu sudah cukup "Islam"-nya, dan tidak perlu gagasan lain lagi.

16. Ceritakan sedikit tentang buku Dr yang terbaru.

Buku terbaru yang suka saya sebut di sini ialah yang diterbitkan oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya pada Disember 2012, berjudul Berakhir Sudahkah Ilmu dalam Acuan Sendiri? Buku ini penuh dengan perjuangan ilmu saya sepanjang dua dasawarsa. Persoalannya, sejauh mana benarnya ilmu Sains Matematik yang selama ini dianggap begitu neutral, bebas bahasa atau amnya bebas budaya dan sebagainya itu? Apakah contoh nilai dalam ilmu itu selama ini yang dapat ditonjolkan bertentangan dengan nilai kita sendiri? Apakah perbezaan konkritnya ilmu yang diajar dalam bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu? Jawapan kepada semua persoalan inilah yang melahirkan judul buku ini dalam bentuk persoalan pula.

Buku ini bersifat fakta dan provokatif tetapi mengandungi kritikan membina yang perlu dibaca oleh semua golongan masyarakat lebih-lebih lagi dari kalangan ilmuan, kerana gagasan yang terdapat dalam buku ini sepatutnya terpakai untuk bidang mereka masing-masing.



MAJLIS PECAH TANAH LAGENDA TUNJONG Dan Pelancaran Jualan CheSiti Village Mall

Oleh Salmah Husain dan Shariah Derahman Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Kerajaan Kelantan sekali lagi membuktikan kejayaannya dalam memajukan Bandar Baru Tunjong menerusi pertambahan projek baru bagi fasa pertama, iaitu pembinaan Lagenda Tunjong dan CheSiti Village Mall. Projek tersebut bakal dimajukan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan melalui Tunjong Development Corporation Sdn Bhd dengan kerjasama Sara-Timur Sdn Bhd.

Lagenda Tunjong bakal menjadi mercu tanda pembangunan Kelantan yang baru. Majlis Pecah Tanah pada 14 Syaaban 1434H bersamaan 23 Jun 2013 di Tapak Projek Lagenda Tunjong, Bandar Baru Tunjong (BBT) menandakan bermulanya satu lagi pembangunan komersial yang akan merancakkan lagi pembangunan BBT

di mana pelaburan berjumlah RM1.2 billion ini adalah yang terbesar pernah dilaksanakan oleh Sara-Timur Sdn Bhd (dahulunya berpangkalan di Sarawak).

Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob berkata, pembangunan pesat Bandar Baru Tunjong membuktikan kesungguhan kerajaan Kelantan dalam membangunkan negeri ini. Kerana itu, kerajaan negeri menerima penglibatan daripada pelabur-pelabur luar selain dari agensi kerajaan negeri sendiri.

Melalui ucapannya, "Alhamdulillah, inilah yang kita perjuangkan di Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Pendekatan ini tidak pernah menyebabkan para pelabur lari. Sebaliknya satu demi satu rancangan



Acara menanam pokok sebagai salah satu gimik perasmian

pembangunan untuk rakyat Kelantan berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.”

Bandar Baru Tunjong ini merupakan satu bukti kesungguhan kerajaan negeri membangunkan kawasan di pesisir bandar sehingga menjadi sebuah bandar baru. Ia bermula pada awal tahun 2000 lagi di mana kerajaan negeri telah merancang untuk membangunkan sebuah bandar baru berhampiran dengan bandar Kota Bharu yang sedia ada.

Ini disebabkan Bandar Kota Bharu tidak lagi mampu untuk memberikan ruang dan tapak yang strategik untuk dibangunkan sebuah bandar yang lebih tersusun dan moden disebabkan kurangnya tanah-tanah untuk dibangunkan.

Katanya, “untuk itu komitmen yang lebih jitu perlu kita garapkan bersama untuk menjayakannya memandangkan banyak lagi fasa pembangunan di sini yang perlu dibangunkan oleh pihak berkaitan,” ujarnya.

Pelan Pembangunan bandar ini merangkumi tanah seluas lebih kurang 1,600 ekar di mana tanah ini adalah berstatus perseorangan. Oleh itu kaedah pengambilan balik tanah perlu dijalankan sebelum ianya dibangunkan.

Setakat hari ini, hampir 200 ekar tanah telah selesai proses pengambilan tanah di mana melibatkan bayaran pampasan sebanyak RM90 juta telah dibayar kepada pemilik asal tanah. Manakala nilai pembangunan yang telah dan akan dilaburkan adalah RM2.65 billion.

Berdasarkan pelan guna tanah yang disediakan oleh pihak PMBK dan Tunjong Development Corporation, diperuntukkan rizab tanah seluas 250 ekar untuk dibangunkan oleh kerajaan Pusat, manakala 1,000 ekar dimajukan pembangunan komersial oleh kerajaan negeri. Selebihnya iaitu 350 ekar rizab tanah untuk pembangunan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik, pusat rawatan kumbahan berpusat dan sebagainya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah mantan Menteri Besar, Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. Pengerusi Sara-Timur, Prof Emeritus Dato’ Dr Zawawi Ismail berkata melalui ucapannya, “CheSiti Village Mall yang telah dilancarkan jualannya pada hari tersebut juga merupakan antara fasa pertama pembangunan yang akan dimulakan di dalam Lagenda Tunjong yang dahulunya dikenali sebagai Kota Bharu Sentral@Tunjong.”

Ia dijangka akan menjadi pusat beli-belah paling unik di Timur Laut Malaysia di mana ia akan dilaksanakan dalam tujuh fasa dalam tempoh lebih lima tahun. Reka bentuk



MB menandatangani plak sebagai simbol penyempurnaan majlis

Penyampaian cenderahati kepada wakil pelabur

terbuka pusat ini akan menampilkan ciri-ciri moden bertemakan jalan pejalan kaki antaranya seperti jalan Kelantan, Malaysia, Antarabangsa dan Arabesque.

Fasa pertama pembangunannya terdiri daripada lebih 200 kedai, butik, kafe, bistro dan kedai khusus yang terdiri daripada fesyen, kesihatan dan kecantikan hingga permainan, buku, peralatan sukan, IT dan peranti berkaitan. Ia akan menjadi tumpuan ramai pelancong dari dalam dan luar negeri apabila ia beroperasi sepenuhnya kelak.

Pengarah TDC, YB Azami Mohd Nor dalam ucapannya turut menyeru kepada semua pihak agar terus berganding bahu dan bekerjasama dalam memastikan pelaksanaan pembangunan BBT berjalan dengan lancar dan disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Setakat ini, proses pembangunan di Bandar Baru Tunjong berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekalipun Kelantan ditekan dengan pelbagai tekanan dan diskriminasi, tetapi ia sama sekali tidak menghalang hasrat pelbagai pihak untuk melabur di Kelantan.

Ini membuktikan bahawa segala tohmahan yang dilemparkan kepada negeri Kelantan sama sekali tidak

memberikan kesan kepada masyarakat bahkan sebaliknya ia menjadi faktor penarik kepada para pelabur melebarkan sayap perniagaan masing-masing di negeri ini.

Di antara jabatan atau agensi yang telah menyertai BBT ialah Terminal Makanan Negara (sekarang ini dikenali sebagai Pusat Transformasi Bandar/RTC), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Pelajaran Negeri dan lain-lain.

Manakala dari pihak swasta pula ialah Noble Residence Sdn Bhd yang akan membina Pusat Perniagaan Darul Naim & Dataran Rakyat, Mydin Holdings Berhad yang akan membina Hypermarket Mydin serta pelbagai pihak lain.

Pihak kerajaan negeri mengharapkan komitmen yang tinggi dan berterusan daripada pelbagai pihak termasuklah kerajaan Persekutuan dan pihak swasta untuk memastikan pembangunan BBT dapat direalisasikan bagi manfaat pelbagai pihak terutama rakyat Kelantan.

Peneraju Gaya Hidup Baru di Kota Bharu **PRIMA LAGENDA**



Taman Lagenda adalah tempat persiaran awam moden dengan rekabentuk canggih dan mesra alam yang pertama di Malaysia.



Pandangan keseluruhan Lagenda Tunjong, pembangunan Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu seluas 40 ekar.

Pelancaran Apartmen Mewah Prima Lagenda telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra di Hotel Perdana pada 23 Muharam 1435H bersamaan 27 November 2013. Ia merupakan sebuah projek yang akan dibangunkan oleh Sara-Timur Urban Development Sdn Bhd dengan kerjasama Tunjong Development Coporation Sdn Bhd iaitu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan. Prima Lagenda adalah salah satu komponen kepada pembangunan Lagenda Tunjong yang turut mengandungi kemudahan komersial seperti pasaraya, pusat riadah dan budaya, hotel antarabangsa dan taman rekreasi.

Lokasinya terletak hanya 5 kilometer dari pusat Kota Bharu Bandaraya Islam bakal menjadi residen apartmen terbaru dan reka bentuk berbeza yang diilhamkan oleh arkitek Malaysia tersohor, Perunding Alam Bina Sdn Bhd. Ia berada di Taman Lagenda yang unik dan menjanjikan pengalaman baru yang menyeluruh kepada para penghuni bersama keluarga mereka.

Prima Lagenda adalah apartmen gaya hidup baru yang menampilkan ciri-ciri 'Moden, Bergaya dan Eksklusif' serta mempunyai dua bangunan menara yang menempatkan 343 unit kediaman mewah di dalam 40 ekar enklaf (kawasan) Lagenda Tunjong iaitu pembangunan di kawasan bandar berintegrasi sepenuhnya di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu Bandaraya Islam.

Bandar Baru Tunjong terletak kurang dari 10 kilometer dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan berada di laluan utama Utara - Selatan, Lebuhraya Timur - Barat dan bandar-bandar lain di Kelantan.

"Syarikat kami telah diberi kepercayaan bagi membangunkan Lagenda Tunjong yang bernilai RM1.2 billion sebagai syurga gaya hidup urban untuk menjadi pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi dan meningkatkan pekerjaan serta peluang aliran kepada populasi tempatan", kata Dato' Dr. Mohd Zawawi Ismail, Pengerusi Sara-Timur Urban Development Sdn Bhd.



Majlis Pelancaran 'Apartment Prima Lagenda' yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan



◆ Hiasan dalaman moden yang terhasil dari reka bentuk inovatif arkitek menjadikan Prima Lagenda sebagai pilihan utama.

Terdapat tiga jenis reka bentuk yang ditawarkan iaitu apartmen 2 bilik tidur dengan keluasan 750 kaki persegi, apartmen 3 bilik tidur berkeluasan 950 kaki persegi dan apartmen 3 bilik tidur dengan ruangan tambahan seluas 1490 kaki persegi sebagai pilihan untuk keperluan bagi perseorangan/berpasangan dan keluarga/keluarga besar.

Apartmen Annex adalah apartmen 3 bilik berkeluasan 1228 kaki persegi berkembar dengan studio apartmen Annex seluas 262 kaki persegi yang mempunyai pintu masuk berasingan. Harga bermula dari RM395,500 dengan tawaran diskaun yang menarik untuk pembeli terawal dan pakej kelengkapan rumah.

Pelbagai kemudahan perbandaran disediakan termasuk dewan dan bilik serbaguna, gimnasium dan bilik persalinan, surau, taman permainan kanak-kanak dan nurseri harian, bilik permainan dan bacaan, kolam renang, gelanggang separa untuk bola keranjang, ruang BBQ dan lobi penyambut tetamu dengan tiga peringkat kawalan keselamatan untuk ketenangan minda.

Pihak pemaju juga turut menyediakan laluan mesra pejalan kaki yang menyambungkan Taman Lagenda, Dataran Perdagangan Lagenda, CheSiti Village Mall, Hotel Antarabangsa Lagenda dengan Pusat Rehat dan Lagenda Galleria .

Prima Lagenda akan dibina di dalam Taman Lagenda yang unik iaitu satu tempat untuk bersiar dan bersantai yang disediakan sebagai "Ruangan Rakyat" bersebelahan dan bersambung dengan CheSiti Village Mall dan Lagenda Galleria. Taman Lagenda pasti memberikan pengalaman serba baru dan pemandangan indah kepada para penghuni serta keluarga dan para pelabur. Konsep Taman Lagenda yang

dilhamkan oleh konsultan landskap antarabangsa terkenal, Urbis Pty. Ltd., Australia, dijangka akan menjadi ikon baru dan destinasi yang mesti dilawati oleh para pelancong domestik dan serantau.

"Ia merupakan satu usaha yang patut dipuji apabila pemaju iaitu Sara Timur telah mengilhamkan dan melahirkan konsep bagi merintis pembangunan di Kelantan seperti Lagenda Tunjong, Kota Bharu. Ia mempunyai segala ramuan berskala, persekitaran, pelengkap pembangunan bercampur, integrasi dan elemen gaya hidup yang diperlukan untuk sebuah pembangunan bercampur yang berdaya maju dan mampan", kata Datuk Seri Michael Yam Kong Choy, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia.

Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada 1 Mac 2014 dan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun.



Tentang Kami

Penglibatan utama Kumpulan Sara-Timur adalah dalam pembinaan pelbagai projek berprofil tinggi dan telah memperolehi pengalaman luas dalam industri pembangunan *resort* dan *hospitaliti* di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1995, syarikat ini diterajui oleh kumpulan profesional dengan gabungan pengalaman lebih 100 tahun dalam pengurusan serta kepakaran dalam pembangunan dan pembinaan. Ia juga telah pesat membangun seiring dengan permintaan dalam negara dan pada hari ini tenaga kerjanya terdiri daripada lebih 400 orang kakitangan yang berdedikasi serta terlibat dalam pelbagai projek di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Sara-Timur Urban Development Sdn Bhd:

Pejabat Korporat Kuala Lumpur, D5-6-1, Level U6, Block D5, Solaris Dutamas, No 1 Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur, Tel: +603-6205 3689 atau layari www.sara-timur.com

Untuk maklumat lanjut tentang peluang pelaburan, sila hubungi Kiara Realty (ejen jualan dan pemasaran eksklusif) ditalian +603-2093 7777 atau +6019-321 3377 atau melalui Sara-Timur Urban Development Sdn Bhd, Pejabat KL: D2-3-10 Level U3, D2, Solaris Dutamas, No. 1 Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur, Tel: +603-6207 8663

Galeri Jualan KB: Lot 1091, Jalan Dusun Muda, 15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: +609-744 7268 atau +6016-5265015

Laman Sesawang : www.lagendatunjong.com
E-mel: sales@lagendatunjong.com

MAJLIS PENGHARGAAN TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HJ NIK ABDUL AZIZ NIK MAT

Jasamu dikenang, budimu disanjung

Oleh Shariah Derahman Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Satu Majlis Penghargaan bagi merai mantan Pengerusi PMBK iaitu Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat telah diadakan di hotel berdekatan ini. Majlis yang diadakan pada 21 Mei 2013 ini telah berlangsung dengan jayanya di mana ia turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Penasihat PMBK dan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PMBK.

Majlis yang cukup ringkas ini memberi peluang kepada kakitangan PMBK dan Kumpulan untuk bertemu mata dengan Tok Guru. Peluang ini mungkin agak sukar diperolehi setelah Pengerusi PMBK bertukar.

Tok Guru melahirkan rasa terima kasih kepada PMBK yang mengadakan majlis perpisahan untuk beliau. Beliau sempat berpesan ketika menyampaikan ucapannya, "sesungguhnya satu kurnia kepada orang mukmin apabila Allah kirimkan Nabi. Inilah pentingnya memilih pemimpin dengan betul. Sepatutnya tidak ada rasuah dalam kalangan pentadbir, dan tidak mengambil

MAJLIS PENGHARGAAN
YB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI
NIK ABDUL AZIZ NIK MAT
&
AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT PMBK SERTA
AHLI LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN PMBK



lebih dari yang sepatutnya. Semoga Kelantan menjadi 'Tok Guru' bukan sahaja tok guru-tok guru pondok, tetapi Kelantan sendiri menjadi Tok Guru kepada negeri lain. Kita tegakkan Islam kerana Islam bukan ideologi tetapi agama."

Majlis separuh hari ini turut dimeriahkan dengan bacaan sajak yang ditujukan khas kepada Tok Guru. Bersempena dengan majlis ini juga dan mengambil peluang kali terakhir bersama Tok Guru di majlis, beliau diberi penghormatan untuk menyampaikan anugerah kepada 10 orang kakitangan PMBK yang cemerlang pada tahun 2011 dan 2012.

Menteri Besar Kelantan yang baru iaitu Ustaz Dato' Ahmad Yakob turut berucap pada majlis tersebut. "Ajaran Tok Guru akan diteruskan iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)." Beliau juga berharap PMBK dan Kumpulan dapat meneruskan agenda yang telah dirancang sebelum ini terutama sekali dalam

menyediakan Perumahan Mampu Milik untuk meningkatkan lagi kediaman yang selesa untuk rakyat.

"Perbincangan tentang perkara ini telah dibuat bagi merealisasikan dan pihak kerajaan mesti mencari satu pendekatan agar rakyat dapat memiliki rumah dengan mampu milik. Semoga cita-cita menjadi kenyataan," ujarnya lagi.

Beliau juga berharap Kumpulan PMBK dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan kerana ini merupakan satu inisiatif untuk membantu rakyat. Beliau akan meneruskan tanggungjawab Tok Guru sebagai Pengerusi PMBK dan melihat perkembangan anak-anak syarikat PMBK agar mencapai matlamat yang telah ditetapkan.





Penaung Cempaka Diraikan Baiduri abad ini

Oleh Zuraidah Hussin Foto Rosmaria

BUAT julung kalinya Kelab Muslimat PMBK (CEMPAKA) mencatat kenangan manis dengan penganjuran Majlis Hi-Tea pada 30 Rejab 1434H bersamaan 9 Jun 2013. Majlis ini merupakan ekspresi penghargaan kepada Mantan Penaung Kelab CEMPAKA iaitu Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak yang berundur berikutan pertukaran pucuk kepimpinan kerajaan negeri daripada Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada Ustaz Dato' Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan yang baharu.

Majlis yang diadakan dengan jayanya di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan telah diserikan dengan kehadiran Datin Siti Zabidah Abd Hamid selaku isteri Dato' Menteri Besar, Datin Hasmani Hussin, isteri Dato' Timbalan Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Hjh Mumtaz Nawi, Wan Ubaidah Omar dan Rohani Ibrahim serta tidak ketinggalan isteri Ketua Pegawai Operasi PMBK, Dr Nik Azimah Nik Hassan. Kesemua ahli Kelab CEMPAKA yang terdiri daripada warga muslimat PMBK dan anak-anak syarikat turut hadir memeriahkan majlis yang amat bermakna itu.

Sebuah puisi khas berjudul Baiduri Abad Ini (Dedikasi Buat Datin Bentara Setia Hjh Tuan Sabariah Tuan Ishak) nukilan dan dideklamasikan oleh Zanazanzaly memacu majlis penghargaan tersebut ke kemuncak acara iaitu sesi tayangan montaj yang memaparkan penglibatan mantan penaung dalam aktiviti Kelab CEMPAKA.

Kelab CEMPAKA telah ditubuhkan pada 2009 dan telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dengan menetapkan di dalam Undang-Undang Tubuhnya bahawa isteri Menteri Besar Kerajaan Negeri adalah sebagai Penaung Kelab. Sehubungan dengan itu, setelah bertukar Menteri Besar Kelantan, maka Penaung Kelab CEMPAKA juga akan turut berganti.

Dalam usia setahun jagung, CEMPAKA telah menitip pengalaman dan nasihat daripada Penaung Datin Tuan Sabariah dalam usaha penambahbaikan CEMPAKA sebagai satu wadah yang berfungsi untuk mendekatkan PMBK dengan masyarakat khususnya kaum wanita/muslimat.

Di dalam ucapan alu-aluan, Presiden CEMPAKA sesi 2011/2013, Zuraidah Mohd Hussin telah merakamkan ucapan terima kasih di atas segala sumbangan buah fikiran dan tenaga dalam menjayakan program-program yang diatur oleh CEMPAKA. Sementara itu, Penaung Kelab CEMPAKA yang baru iaitu Datin Siti Zabidah juga mengharapkan satu kerjasama dapat dijalin oleh Kelab CEMPAKA dengan lain-lain NGO wanita/muslimat di negeri Kelantan seperti PUSPANITA, KEKWA dan lain-lain lagi.

Majlis tersebut berakhir dengan penyampaian cenderamata tanda kenangan kepada Datin Tuan Sabariah di atas jasa dan penglibatan beliau dalam kelab CEMPAKA selaku Penaung, dan disusuli dengan solat Asar berjemaah yang diimamkan oleh Datin Tuan Sabariah di Royal Lounge, Hotel Perdana sesudah menjamu selera.



Deklamasi sajak oleh Zanazanzaly



BAIDURI ABAD INI

Dedikasi buat :

Datin Bentara Setia Hjh Tuan Sabariah Tuan Ishak

Karya : Zanazanzaly

Di kala pipi mulusmu kepijaran
dilanda sebak ombak dugaan
Istighfarmu tenang mengempang genang.

Sabarmu faham akan erti menjadi suri pejuang
Tabahmu hadam akan fungsi pendamping
khalifah Tuhan
Redhamu enggan membiarkan hatimu bersedih
Tawakkalmu menyurih kemilau hebat tanda kasih.

Justeru cintamu fasih bertasbih
Menghitung percaturan Zat Maha Sahih
Ilahi mengganjari hamba terpilih
dengan ujian maha pedih.

Lelah suami dikau hampari ribaan manja
Tegasnya dikau jadikan alas setia
Tawadduknya dikau gilap jadikan permata
Bersinar azimat buat mendidik zuriat tercinta.

Sering dikau berkongsi buah hikmah
Syurga itu indah namun jalan ke sana
bukanlah mudah
Tiada dihiasi nikmat melimpah
Kecuali tribulasi dan mehnah nan payah
Dan tak kunjung sudah.
Mohon dikau pinjamkan selendang
semangatmu duhai bonda
Sebagai azimat buat kami terbang sehabis daya
Mengibarkan sutera amanat srikandi abad nan tegar
Tiada gentar melainkan berikhtiar
Mencanai baiduri bakti dengan istimrar.



MAJLIS PELANCARAN IHYA' RAMADAN 1434H

Oleh Dato' Menteri Besar

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Sempena dengan bulan yang penuh barakah ini, pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Kota Darulnaim (JAMIL) telah mengambil kesempatan dengan mengadakan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan 1434H bertempat di Masjid Kota Darulnaim. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Perbadanan Menteri Besar Kelantan.

Ianya merupakan program tahunan bila tibanya bulan Ramadhan. Program tersebut lebih bermakna kerana ia telah dihadiri oleh Al-Fadhil Sheikh Ahmad Tarmimi, yang telah dijemput untuk memperdengar ayat suci al-Quran sebagai pembuka majlis. Beliau merupakan seorang imam dari Mesir yang telah dijemput khas oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengimamkan solat terawih di Qaryah Ramadhan, di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV.

Dikesempatan ini juga, Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob mengingatkan agar para hadirin memperbanyak lagi

amalan di bulan yang penuh kerahmatan ini. "Setiap hembusan nafas, setiap denyut nadi dan degup jantung, seluruhnya itu mustahil berlaku jika tanpa izin Allah SWT. Gunakanlah setiap detik yang dikurniakan dengan sebaik-baiknya dan jangan mensia-siakannya tambahan pula di bulan yang dijanjikan dengan gandaan pahala oleh pemilik-Nya".

Allah SWT telah memuliakan bulan Ramadhan dengan menurunkan al-Quran sebagai petunjuk kepada umat Nabi Muhamad SAW. Keistimewaan ini diberikan oleh Allah SWT kepada bulan Ramadhan sebagaimana firman-Nya: "...bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan menjadi pembeza (di antara yang hak dengan yang batil)." (Surah al-Baqarah:185)

Beliau juga mengingatkan agar al-Quran dan istiqamah sepanjang bulan Ramadhan ini tidak ditinggalkan kerana kedua-duanya dapat memberi hidayat kepada manusia. Setiap bacaan ayat suci itu perlu ditadabbur agar kita



Tazkirah disampaikan oleh Dato' Menteri Besar

dapat memahami dan mengetahui maksud dari suatu ungkapan itu dengan lebih mendalam. Ianya dapat menyatukan hati dan fikiran manusia serta mengagumi maksud-maksud di sebalik ayat-ayat tersebut. Tambah beliau lagi, kalam Allah ini juga boleh menjadi penyembuh untuk segala penyakit (As-Syifa').

Ungkap beliau lagi, al-Quran boleh dijadikan sebagai penyelesaian masalah dalaman manusia kerana kehidupan tanpa masalah umpama hidup tiada cabaran. Sesungguhnya al-Quran adalah panduan sepanjang zaman.

Sempena bulan yang penuh barakah ini, kita digalakkan untuk memperbanyak sedekah kepada mereka yang memerlukan walaupun dengan hanya memberi sesuap nasi untuk berbuka puasa. Ianya merupakan salah satu amalan sunat yang dianjurkan dan digalakkan kepada umat Islam tidak kira status mahupun taraf hidup. Bulan yang penuh keberkatan dan pelbagai keistimewaan antaranya rahmat, maghfirah (keampunan) dan gandaan pahala.

Pihak JAMIL juga tidak ketinggalan untuk menghulurkan sumbangan wang ringgit kepada golongan yang memerlukan agar mereka juga dapat membeli keperluan barangan untuk menyambut Ramadhan Al-Mubarak. Seramai 50 orang penerima yang dipilih dari DUN Pasir Pekan telah dipilih untuk menerima sumbangan yang telah disampaikan oleh Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob sendiri dan beliau merupakan Ahli Dewan Undangan bagi DUN Pasir Pekan.



Sesi penyampaian sumbangan kepada golongan yang layak



Sumbangan disampaikan oleh isteri Menteri Besar Kelantan

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA ARMALAH

Sumbangan dihulur tanda persaudaraan

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), satu Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Armalah Negeri Kelantan telah diadakan pada 12 Ramadan 1434H bersamaan 21 Julai 2013 bertempat di Dataran Usahawan Armalah, Ketereh.

Sempena dengan majlis tersebut, pihak PMBK telah menyumbang sebanyak RM200 kepada 75 orang armalah yang terpilih dari setiap jajahan di negeri Kelantan. Ianya julung kali diadakan pada tahun ini kerana sebelum ini sumbangan tersebut diberikan kepada anak yatim dan warga emas.

Para armalah (ibu tunggal) dipilih pada tahun ini memandangkan tugas dan tanggungjawab mereka dalam membesarkan dan mendidik anak-anak sendiri adalah amat berat dan mencabar. Sebagai pencari rezeki tunggal, majoriti ibu tunggal berpendapatan kecil. Sumber kewangan yang terhad membataskan pilihan mereka dan setiap armalah berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dari segi ekonomi, kebanyakan mereka menjadi kurang berkemampuan berbanding ketika bersuami. Keadaan ini lebih buruk lagi bagi wanita yang sebelum ini merupakan suri rumah sepenuh masa.

Di dalam Islam, golongan ini merupakan golongan yang perlu diberi perhatian agar mereka tidak berasa tersisih di dalam dunia masyarakat. Malah,



Ucapan disampaikan oleh Datin Zabidah Abd Hamid



mereka merupakan golongan yang perlu dihulurkan bantuan bagi meringankan beban kehidupan yang ditanggung dalam membesarkan anak-anak.

Majlis ini disempurnakan oleh isteri Dato' Menteri Besar Kelantan iaitu Datin Siti Zabidah Abd Hamid yang turut memberi kata-kata semangat kepada para armalah yang hadir untuk meneruskan hidup walaupun ketiadaan suami tercinta disisi dalam membesarkan anak-anak. Walaupun ianya amat perit, namun mereka perlu tabah untuk mengharungi dugaan tersebut.

Ditambah pula dengan tanggungjawab membesarkan anak-anak yang ditinggalkan memerlukan pembiayaan dari segenap aspek iaitu makan minum, pakaian, tempat tinggal, kos pendidikan dan sebagainya. Semuanya ini menjadikan hidup seorang armalah begitu tertekan dan mencabar.

Islam juga ada menyebut bahawa sesiapa yang meringankan beban saudaranya, nescaya Allah akan meringankan bebannya di akhirat kelak hingga diumpamakan seperti orang-orang yang berjihad ke jalan Allah SWT.

Kerajaan Negeri Kelantan juga mengambil inisiatif mewujudkan Skim Manfaat Armalah dan Skim Khairat Armalah untuk membantu golongan ini. Kini, para armalah sudah pandai berdikari. Kebanyakan daripada mereka telah berani menjalankan perniagaan menjual makanan mahupun produk jualan langsung.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Armalah Negeri Kelantan mengucapkan jutaan terima kasih kepada PMBK di atas usaha memberikan sumbangan kepada warga armalah yang terpilih. Dengan sumbangan tersebut, diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban dalam persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.



Sesi jualan diadakan bagi menambah pendapatan para armalah



Lawatan Kerja Sehari PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

Oleh Muhammad Ismail Ibrahim Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Pada 18 Syawal 1434H bersamaan 25 Ogos 2013, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang atau Penang's Chief Minister Incorporated (CMI) telah mengadakan satu lawatan kerja sehari ke Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Lawatan ini adalah bagi menghadiri satu mesyuarat bersama pengurusan kedua-dua perbadanan tersebut yang telah diadakan di bilik mesyuarat utama, PMBK.

CMI merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan pada tahun 2009 bermatlamat untuk mengurus aset bagi pihak kerajaan negeri di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang. Justeru, lawatan ini juga adalah untuk mengetahui teknik pengurusan yang efektif dan sistematik serta mendapatkan informasi berkaitan pentadbiran yang diterap di PMBK bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan yang akan dijalankan di CMI berjalan dengan lancar.

Deligasi CMI diketuai oleh beberapa orang pegawai pengurusan perbadanan tersebut manakala PMBK diwakili oleh kumpulan pengurusan tertinggi PMBK. Mesyuarat dimulakan dengan tayangan video korporat PMBK disusuli pembentangan oleh Pengurus Kanan Pembangunan Korporat PMBK, Zuraidah Husin. Beberapa agenda dibentangkan bagi membolehkan pihak pengurusan CMI mendapatkan input-input berguna untuk membangunkan sebuah badan kerajaan yang berdaya saing.

Usai mesyuarat, pihak pengurusan PMBK berbesar hati menghendahkan cenderahati kepada Pengarah CMI dan juga cenderamata kepada pegawai-pegawai pengurusan sebagai tanda terima kasih di atas lawatan tersebut. Lawatan ini berakhir dengan jamuan makan tengahari di Royal Guest House, Kota Bharu.





SYAWAL *dirai penuh erti*

Oleh Shariah Derahman Foto Ahmad Naime Muhammad

Sempena bulan Syawal yang masih berbaki tiga hari, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengambil kesempatan mengadakan Majlis Hari Raya PMBK 1434H. Majlis yang diadakan pada 28 Syawal 1434H bersamaan 04 September 2013 ini diadakan dengan cukup sederhana di mana kakitangan daripada Kumpulan PMBK dan barisan Exco dijemput. Tidak lupa juga keluarga kakitangan PMBK yang turut sama memeriahkan majlis ini.

Tetamu dihidangkan dengan pelbagai jenis menu iaitu nasi beriani, bihun soto, satey, roti jala, laksa dan laksam, ketupat dan tapai, serta pelbagai kuih-muih. Majlis yang bermula dari pukul 12.00 tengahari sehingga 4.00 petang ini turut dimeriahkan dengan kehadiran kakitangan dari Kumpulan PMBK.

Turut serta ialah Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi PMBK iaitu Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob dan Setiausaha Sulit Kanan beliau yang hadir setelah selesai mesyuarat Exco pada hari tersebut.



Kemeraian sambutan Aidilfitri PMBK

time tunnel TEROWONG MASA

*Sumber Dan Foto Ehsan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Bangunan Residen yang terletak di Kampung Kota Lama dibina pada tahun 1903 oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai kediaman Tuan W.A. Graham, Pesuruhjaya Tinggi Siam di Kelantan (1903-1909). Kemudian didiami pula oleh Tuan J.S. Mason, Penasihat British pertama bagi negeri Kelantan (1909-1912). Sekitar tahun 1915 bangunan kayu ini digantikan dengan bangunan batu dan didiami oleh pegawai-pegawai penasihat British bagi negeri Kelantan (1915-1941). Pada tahun 1957, bangunan Residen ini ditukar nama kepada Istana Kota Lama.

The Residency building located at Kota Lama Village and was built by Government of Kelantan in 1903 for Mr W.A. Graham, the Siam High Commissioner for Kelantan (1903-1909). Afterward Mr J.S. Mason, the first British Advisor for Kelantan occupied the building (1909-1912). In 1905 the wooden house was replaced by a brick building and become the office of the British Resident for Kelantan (1915-1941). In year 1957, the Residency was converted and retitled as Istana Kota Lama.



ISTANA KOTA LAMA - DULU

ISTANA KOTA LAMA - KINI



Istana Kota Lama yang dibina pada tahun 1957 di atas tapak bangunan pejabat Residensi British bertempat di Jalan Sultan Sultanah Zainab.

The Istana Kota Lama located at Jalan Sultanah Zainab which was built in 1957 on the same building site of the British Residency office.

time | image |
TEROWONG MASA

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

By Shariah Derahman (incollaboration with DBP, Wilayah Timur) Photo : Google Images



Apah Nyor (*hampas kelapa*)

Apah refers to the pulp remaining after the extraction of juice from coconut, coffee, sugar cane etc. Nyor refers to coconut. Therefore apah nyor refers to the pulp from coconut. Pronounced 'are-pah nyor'

Belawok (*tipu/bohong*)

To cheat or lie and say something different from what it actually is (a story, situation etc). Pronounced 'bla-wock'



Berembah (*bergaduh*)

An act of quarreling, arguing, fighting that leads to slogging. Pronounced 'ber-rem-bah'.



Arok (*bawa*)

An act of carrying something up. Pronounced 'are-rock'

Kehek/kuwek (*memuntahkan semula*)

An act of spitting out something from the mouth. Pronounced 'care-hack' or 'coo-wack'. The pronunciation is a bit different from kuwek (to call)



Kuba (*kerbau*)

A type of breeding animal, a member of the cattle tribe but larger with dark grey or black skin. Pronounced "coo-bar".

Lorak/Gaduh (*nak cepat*)

Doing something speedily, recklessly and carelessly. It does not refer to fighting (*gaduh*), but the act of being in a hurry. Pronounced 'low-ghak' or 'ga-doh'.



Kuwek (*panggil*)

To call, to ask someone to come over or return by shouting his name and using a hand signal. Pronounced 'coo-weck'.



Pero (*pelihara*)

To care for someone or to breed animals. Pronounced 'pair-raw'.



Nyetok (*kejang*)

Cramp. A sudden spasmodic contraction of a muscle with severe pain and caused the body difficulties to move. Pronounced 'nyair-talk'.



Nnitah (*melintas/terlintas*)

To go through, to cross (via shortest route), to bypass, to go across the road, to think of (to see, to reminisce etc). Pronounced 'knee-tah'.



Pohu (*rapuh*)

Easily broken, cracked or shattered, brittle, rotten (for things), soft/succulent (for food). Pronounced 'phoar-hoo'.



Senjoh (*tarik dengan kuat*)

Tug. To pull something vigorously using bare hands. Pronounced 'sen-jawh'.



Tapong (*tampal*)

An act of patching or sealing something with a hole by using rubber, glue, cement etc to avoid leakage i.e tire, road, clothes, etc. Pronounced 'tar-powng'.

Tunja/Nenja (*tendang/tolak*)

An act of kicking by bending the knees and straighten it up again. Pronounced 'tun-ja / nen-ja'.



Ttapong (*tidak sama warna*)

Different colours or paint on things like clothes, vehicles, houses etc, intentionally or unintentionally. Pronounced 'ttar-powng'. A slightly different pronunciation compared to 'tapong' (patch, seal).



Sekapoh (*sepasang binatang*)

Refers to a pair of animals (male and female). Pronounced 'sir-car-powh'.

Teweng (*lemah/senet*)

Slant. Sloping position (of a thing), oblique, askew, lean, tilted surface and disproportionate. Pronounced 'tair-waing'.





AIR KELANTAN SDN BHD

"DAN KAMI JADIKAN TIAP-TIAP SESUATU YANG HIDUP DARI AIR"



AIR KELANTAN SDN BHD

Kami merupakan sebuah syarikat yang mengendalikan sistem pengagihan air serta memastikan air yang dibekalkan di seluruh Negeri Kelantan adalah bersih dan terjamin demi kesejahteraan rakyat.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Permohonan Bekalan Air (Domestik)
- Permohonan Bekalan Air (Perniagaan)
- Pemotongan Bekalan Air
- Penyambungan Semula Bekalan Air
- Permohonan Untuk Ujian Meter



MAKLUMAT PEMBAYARAN BIL

Pembayaran bil air mesti dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas bil diserahkan kepada pengguna. Sekiranya pembayaran tidak dibuat selepas tempoh itu, notis pemotongan akan dikeluarkan. Pengguna yang masih gagal menjelaskan bil dalam tempoh 14 hari selepas notis dikeluarkan, bekalan air akan dipotong dan dicaj RM 20.00 akan dikenakan untuk penyambungan semula.

Pusat Info & Talian Aduan AKSB (PINTAS) 1-300-88-2572

Tingkat 3, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,
Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-743 7777 Faks : 09-7472030 Laman Web : www.airkelantan.com.my



PrimaLagenda

MODERN • STYLISH • EXCLUSIVE



- Harga daripada RM395,500
- Diskaun untuk pemilik awal dengan pakej perabot yang menarik
- Percuma yuran guaman Perjanjian Jual Beli
- Percuma yuran guaman pinjaman dan duti setem
- Kerja Pembinaan akan bermula pada 1 Mac 2014



Sara-Timur Urban Development Sdn Bhd
(Pejabat Kota Bharu)
 Lot 10912, Aras Bawah & 1,
 Wisma Seri Setia, Seksyen 26, Jalan Dusun Muda,
 15200 Kota Bharu, Kelantan
 Tel: 09-744 7268 Faks: 09-744 0268
 E-mel: sales@lagendatunjong.com
 Laman Sesawang: www.lagendatunjong.com



Kiara Realty
Ejen Jualan & Pemasaran Eksklusif
 Tel: 019-321 3377 atau 03-2093 7777

